

**Bil. 17**

**Isnin  
13 Disember 2021**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**

# K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2021

(Halaman 25)

Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020

(Halaman 62)

Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021

(Halaman 71)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dato' Seri Mohamad Ali bin Mohamad (Melaka)
3. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
4. “ Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]
5. “ Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi]
6. “ Tuan Aknan a/l Ehtook
7. “ Dato' Arman Azha Abu Hanifah
8. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
9. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan
10. “ Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
11. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Wilayah Persekutuan Labuan)
12. “ Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah)
13. “ Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin
14. “ Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)
15. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid
16. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
17. “ Datuk John Ambrose
18. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
19. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
20. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
21. “ Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad (Kelantan)
22. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
23. “ Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim
24. “ Datuk Mohan a/l Thangarasu
25. “ Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
26. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
27. “ Dato' Wira Othman bin Aziz (Kedah)
28. “ Datuk Razali bin Idris
29. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi
30. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
31. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)

**AHLI HADIR (samb/-)**

32. Yang Berhormat Dato' Nelson a/l Renganathan
33. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
34. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
35. Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
36. “ Dato' Zaidi bin Haji Suhaili (Sarawak)

**AHLI TIDAK HADIR**

1. Yang Berhormat YM Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]
2. “ Datuk Dr. Mohd Radzi bin Jidin [Menteri Kanan Pendidikan]
3. “ Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
4. “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
5. “ Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I]
6. “ Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad
7. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
8. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
9. “ Tuan Ahmad bin Yahaya (Kedah)

**AHLI TIDAK HADIR  
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Datuk Paul Igai
2. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian
3. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
4. “ Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol
5. “ Puan Susan Chemeraí Anding
6. “ Dato' Dr. Nuing Jeluíng (Sarawak)

**AHLI CUTI  
(DI BAWAH PERKARA 52 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Menteri Tenaga dan Sumber Asli]
2. “ Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Menteri Perpaduan Negara]
3. “ Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I]
4. “ Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)]
5. “ Dato' Dr. Haji. Noor Azmi bin Ghazali [Timbalan Menteri Kesihatan I]
6. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin., [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)]
7. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I]
8. “ Dato' Haji Rosol bin Wahid [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]
9. “ Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Timbalan Menteri Luar Negeri]
10. “ Datuk Seri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya]
11. “ Datuk Jonathan bin Yasin [Timbalan Menteri Dalam Negeri II]
12. “ Datuk Haji Awang bin Hashim [Timbalan Menteri Sumber Manusia]
13. “ Datuk Seri Jalaluddin bin Alias [Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan]
14. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Timbalan Menteri Kewangan II]

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Nor Yahati binti Awang

**Setiausaha Dewan Negara**  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

-

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Halijah binti Mat Sin  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sherliza Maya binti Talkah  
Nor Liyana binti Ahmad  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Muhamad Fazal bin Mahat  
Nor Aizafasya binti Zainal  
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Hizamihatim Maggisa bin Juara  
Muhammad Firdaus bin Ahmad  
Izzul Syazwan bin Abdul Halim  
Maryam binti Azinuddin  
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili  
Nurul Syakirah binti Ibharim  
Suhaila binti Sariffuddin  
Siti Fatimah Nurain binti Mohamad  
Nor Afina binti Mohamed Rashid  
Nik Muhammad Ismail bin Karim

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Isnin, 13 Disember 2021**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No. 1 – YB. Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri tidak hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada. Setiausaha, susul kenapa tiada.

Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying.

**2. Puan Lim Hui Ying** minta Menteri Kesihatan menyatakan, rancangan kerajaan untuk memperkenalkan strategi Saringan COVID-19 Kebangsaan yang sangat penting dalam usaha untuk kita beralih ke Fasa Endemik secara selamat dan lestari.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah merangka Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan yang komprehensif merangkumi keperluan menjalankan ujian saringan COVID-19 secara umum, dan bagi aktiviti-aktiviti seperti di tempat kerja, sektor pendidikan, perkumpulan berskala besar, kumpulan sasar dan pengembara dari luar negara. Strategi Pengujian COVID-19 ini juga merangkumi pengurusan kes positif, pengurusan kontak rapat dan garis panduan kuarantin sendiri.

Tujuan utama strategi ini dirangka adalah bagi membolehkan pembukaan semula sektor sosial dan ekonomi dengan selamat bagi memperkasakan rakyat untuk hidup dalam fasa endemik dengan selamat dan bagi memupuk keyakinan serta memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Ujian pengesanan COVID-19 ini diperkenal sebagai kebiasaan baharu untuk kita beralih ke fasa endemik secara selamat dan lestari. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Lim Hui Ying:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan varian virus COVID-19 yang baharu dan lebih agresif akan muncul dari semasa ke semasa, apakah perancangan kerajaan untuk memastikan proses menukar pandemik kepada endemik dapat diteruskan dengan lancar? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu soalan yang penting. Kalau kita lihat pada hari ini, keadaan di dunia apabila ada varian-varian baharu, sebab itu kita katakan cara kita menangani COVID-19 ini adalah secara dinamik. Ini bermakna dari semasa ke semasa, KKM akan memikirkan secara *detail* dan secara mendalam apakah tindakan yang patut dibuat pada sesuatu ketika.

Contohnya, hari ini apabila kita dapat dengar varian *Omicron* yang telah ada di 43 buah negara hari ini, dan ada lapan buah negara yang telah kita adakan sekatan sementara, negara-negara di Afrika Selatan dan sebagainya. Ada lima buah negara yang telah ada kes-kes *Omicron* ini di dalam komuniti. Maka ada sekatan-sekatannya.

Jadi apa yang kita buat ialah contohnya daripada segi pengujian ini adalah lebih *detailed* lagi. Hari ini sebelum keberangkatan dari luar negara, 48 jam mesti dibuat. Apabila tiba di negara kita, mesti dibuat sekali lagi. Contohnya bagi mereka yang pengembara, mereka akan dibuat secara berkala, hari kedua, hari ketiga dan sebagainya. Ada ujian-ujian sendiri yang dilakukan yang memerlukan ketelusan dan kejujuran supaya setiap ujian sama ada positif, negatif atau tidak sah, dilaporkan dalam MySejahtera.

Ada ujian-ujian, contohnya yang kita buat di Parlimen kita ini. Saya ucapkan tahniah kepada pimpinan Dato Dr. Muru dan Dr. Norliza daripada MKAK yang kita buat, seminggu dua kali untuk tentukan yang kita selamat di sini. Inilah ujian berkala, dulu kita tidak buat, sekarang kita buat. Jadi maksud saya, inilah cara kita menangani secara dinamik. Terima kasih.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Soalan tambahan, satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dilaporkan dalam Jurnal Perubatan *Lancet- Medical Journal* mengatakan bahawa pihak *Sinovac* mengatakan tempoh untuk suntikan penggalak itu lebih baik sekiranya dibuat enam bulan selepas dos kedua berbanding dengan dua atau tiga bulan. Jadi saya mohon kementerian untuk meneliti perkara ini dan menjawab semasa menggulung nanti kerana ini mungkin benda baru, jawab hari ini pun mungkin tidak sesuai. Jadi minta dikaji benda ini dan dilaporkan semasa menggulung. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita akan sediakan jawapan semasa penggulungan nanti. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*. Yang Berhormat Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas penganugerahan Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Kreatif...  
[Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kerja lama.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** *One up for Jelebu, Negeri Sembilan*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**3. Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, signifikan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 terhadap penyertaan graduan-graduan baharu dalam bidang pertanian dan strategi yang sedang dirangka bagi memastikan dasar ini berupaya menaikkan taraf hidup ekonomi para petani kecil luar bandar khususnya di Negeri Sembilan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Agromakanan Negara 2021/2030 (DAN 2.0) merupakan dasar baharu kerajaan untuk memacu pertumbuhan sektor agromakanan dan meningkatkan daya saing sektor tersebut dalam tempoh jangka masa sehingga tahun 2030.



■1010

Di bawah Teras Dasar 3 DAN 2.0 iaitu membangunkan bakat yang memenuhi permintaan industri telah menggariskan strategi untuk melahirkan graduan dan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi serta menggalakkan penyertaan mereka dalam sektor agromakanan. Antara strategi yang telah dirangka melalui DAN 2.0 adalah seperti berikut:

- (i) membangunkan modal insan dan kepakaran untuk menyokong pelaksanaan teknologi baharu;
- (ii) menggalakkan dan memudahkan cara universiti dan pakar tempatan untuk menerima pakai program latihan yang holistik;
- (iii) menaik taraf pusat latihan agromakanan dan universiti dengan kemudahan dan kelengkapan moden termasuk ICT dan rangkaianannya;
- (iv) mewujudkan sumber tenaga kerja industri yang optimum melalui pengintegrasian siswazah dalam persekitaran pekerjaan yang sebenar dengan latihan amali dan juga perantisan; dan
- (v) membangunkan program peralihan untuk siswazah bukan pertanian bagi mereka yang berminat untuk menceburi sektor agromakanan.

Strategi yang dirangka dalam DAN 2.0 untuk meningkatkan taraf hidup ekonomi para petani kecil luar bandar adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan penerimagunaan teknologi dan automasi dalam sektor agromakanan;
- (ii) menyediakan sokongan kepada industri makanan tempatan dengan memperkukuhkan produk keluaran domestik di sepanjang rantai nilai;
- (iii) meningkatkan kecekapan dan khidmat teknikal pegawai pembangunan;
- (iv) menggalakkan amalan pertanian mampan; dan
- (v) memperkukuhkan *facility* dan juga sokongan berkaitan dengan urusan tanah, infrastruktur dan dana pembiayaan bagi sektor agromakanan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Negeri Sembilan merupakan salah sebuah negeri pengeluar utama bagi produk pertanian di samping Johor dan Kelantan.

Soalan saya. Minta Yang Berhormat Menteri sebutkan daerah-daerah di Negeri Sembilan yang mempunyai kawasan pertanian luar bandar yang berpotensi tinggi untuk diketengahkan sebagai penyumbang pada peningkatan sekuriti makanan negara seperti yang dihasratkan dalam Dasar Agromakanan tersebut dan hasil tani yang dihasilkan di kawasan-kawasan tersebut yang berpotensi untuk meningkatkan capaian negara pada sumber makanan hijau yang mampan yang boleh menghalang penglibatan orang tengah atau kartel yang selama ini menjadi punca pada kenaikan harga bagi produk sayur-sayuran. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Negeri Sembilan mempunyai satu potensi yang cukup besar sekali dalam mengeluarkan agromakanan terutamanya kawasan yang kita kenal pasti adalah, pertamanya, di Jelebu dan keduanya di Kuala Pilah.

Di Jelebu misalnya, dalam sektor ruminan, secara spesifiknya baka kambing biri-biri yang dipanggil damara. Di dalam *Rolling Plan* Kedua tahun 2022, kita telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.2 juta untuk pengembangan kawasan ini untuk meneruskan pembakaan. Pada ketika ini, kita telah menghasilkan sebanyak 1,100 ekor dan kita yakin dengan penambahan peruntukan ini sampai ke tahun 2025, ia bakal berjaya mengeluarkan sebanyak 1,500 ekor untuk pembakaan.

Selepas itu untuk akuakultur pula, kita mengenal pasti di Kuala Pilah. Kuala Pilah ini sebenarnya paling ramai penternak udang galah iaitu kira-kira 28 orang daripada jumlah 51 orang pengusaha udang galah di seluruh Negeri Sembilan.

Jadi, maknanya Kuala Pilah ini kita jadikan sebagai satu hab iaitu di Seri Menanti yang menjadikan kawasan ini layak kita gelar sebagai lembah penternakan udang galah Negeri Sembilan yang mampu untuk menjadi pengeluar udang galah terbesar di negara kita dalam lingkungan- pada ketika ini, keluarannya sebanyak 52.8 tan. Akan tetapi, kita menjangkakan kalau sampai hujung tahun hadapan, ia akan berkeupayaan untuk menghasilkan sampai 120 metrik tan untuk kita eksport ke Singapura.

Bagi tujuan ini bagi tahun 2021, MAFI juga telah menyalurkan peruntukan lebih daripada RM270 ribu untuk kedua-dua tujuan pengembangan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Dalam tempoh pandemik dan pasca COVID-19 ini, kita tahu ramai yang telah kehilangan punca pendapatan akibat daripada kehilangan pekerjaan. Soalan saya, apakah bentuk program yang telah dilaksanakan oleh MAFI dalam tempoh tersebut bagi menangani masalah serta apakah pencapaian pada program tersebut dalam membantu golongan yang terkesan? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita menghadapi satu kekangan yang cukup besar sekali apabila kita menghadapi COVID-19 di mana banyak daripada mereka yang kehilangan pekerjaan.

Maka MAFI mengambil satu inisiatif yang cepat untuk memperkenalkan satu program yang kita panggil *My Future Agro* kepada mereka yang hilang pekerjaan dengan menawarkan mereka dalam skim perantisan ataupun *on the job training* kepada syarikat-syarikat yang kita telah lantik sebanyak 331 buah syarikat. Sampai ketika ini, kita telah mempunyai sebanyak lebih daripada 3,300 orang peserta yang terlibat dalam program ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, peserta-peserta ini akan diberi gaji iaitu lebih kurang RM800 hingga RM1,000. Kita beri mereka satu elaun mobiliti *one-off* sebanyak RM600 hingga RM1,000. Jadi mereka ini apabila telah tamat latihan satu hingga enam bulan sama ada diserapkan kepada syarikat yang 331 ini ataupun mereka boleh memulakan usahawan mereka sebagai seorang petani moden. MAFI akan sentiasa memberikan khidmat nasihat dan bantuan untuk mereka terus maju. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, program atau inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan dalam negara kita pasca pandemik COVID-19.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah secara peribadi kepada Tuan Yang di-Pertua atas anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kreatif daripada ASWARA yang telah diterima semalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak-banyak.

**Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad:** Memang selayaknya. Untuk soalan yang telah dikemukakan oleh sahabat saya berkenaan dengan kebolehpasaran graduan, sebagaimana yang kita tahu bahawasanya antara usaha yang telah dilakukan oleh KPT untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan pasca pandemik COVID-19 ini adalah antara yang pertama yang selalu dinyatakan di sini ialah kita telah menyediakan beberapa platform perkongsian input daripada pihak industri di peringkat strategik bagi membincangkan jurang antara kemahiran graduan dan keperluan industri.

Maknanya sekarang ini, kita memberi ruang seluas-luasnya untuk membolehkan pihak industri dan juga pihak kita duduk bersama membincangkan tentang soal memastikan bahawasanya graduan yang dihasilkan oleh universiti ini dapat mereka mengguna pakai, dapat bekerja di mana-mana industri mereka.

Untuk itu, antara platform strategik yang saya maksudkan itu antaranya termasuklah, pertamanya, kita menyediakan Majlis TVET Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kedua, Majlis Penasihat Industri. Ketiga, dengan izin, *Government-Industry TVET Coordination Body* (GIC). Serta yang keempat, Pasukan Petugas Khas di bawah Majlis Pekerjaan Negara.

Itu adalah langkah pertama yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawasanya graduan ini tidak akan menganggur ataupun dapat meneruskan kehidupan mereka dengan lebih baik selepas daripada tamat pengajian.

Kedua, pihak kementerian juga telah mengusahakan untuk memastikan bahawasanya graduan-graduan ini memiliki peluang untuk bekerja dalam setiap sektor atau institusi yang telah mereka menamatkan pengajian. Maka pihak kementerian telah melaksanakan program yang dikatakan program latihan berbentuk *reskilling*, dengan izin, dan juga *upskilling* melalui inisiatif PENJANA KPT-CAP, dan juga pensijilan profesional melalui PENJANA KPT-PACE.

Untuk makluman semua, sehingga 30 November 2021, seramai 14,884 orang graduan yang telah menerima latihan ini telah mendapat penempatan pekerjaan atau menjana pendapatan melalui inisiatif yang telah dilaksanakan.

#### ■1020

Ketiga, bagi memastikan bahawasanya jikalau graduan kita mendapat keputusan yang tidak memuaskan berada di bawah paras yang sepatutnya ataupun, dengan izin, dipanggil *low achiever*. Makanya KPT telah pun melaksanakan satu program intervensi dipanggil sebagai Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan.

Program ini memberikan nilai tambah kepada graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasaran iaitu daripada tahap CGPA 3.3 ke bawah atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasarannya iaitu kadar kebolehpasaran graduan ini 50 peratus ke bawah. Program ini turut menawarkan jaminan pekerjaan kepada peserta sebaik sahaja mereka menamatkan latihan. Pada tahun 2020 dan 2021, seramai 1975 orang graduan telah mendapat penempatan pekerjaan melalui program ini.

Keempat, satu lagi iaitu pihak kementerian telah melaksanakan apa yang dipanggil sebagai *Structured Internship Programme* (SIP) yang mana program ini merupakan penempatan pelajar untuk latihan industri secara berstruktur dan seterusnya ditawarkan penempatan di universiti secara kekal selayaknya. Sebanyak 21 buah universiti telah pun menawarkan penempatan kepada 2,968 orang pelajar pada tahun akhir sehingga sesi September 2021 untuk jalani latihan industri dan sekali gus menawarkan penempatan pekerjaan. Sehingga 30 November 2021, seramai 776 orang pelajar telah pun dapat menerima tawaran pekerjaan secara tetap di universiti ini.

Akhir kata daripada saya, ingin saya nyatakan di sini bahawasanya kerajaan begitu serius untuk memastikan bahawasanya kita memberikan yang terbaik kepada pelajar dalam usaha untuk memastikan aspirasi keluarga Malaysia ini dapat kita jayakan dengan sebaik yang mungkin apabila mereka tamat pengajian nanti. Terima kasih.

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti mana kita tahu, kalau dilihat sekarang ini, pihak industri juga menekankan tentang aspek kemahiran, bahasa, skil komunikasi dan teknik penyelesaian masalah kepada para graduan kita. Soalan saya kepada pihak kementerian ialah apakah pihak kementerian mengetahui tentang permasalahan ini, dan apa metode ataupun penyelesaian kepada masalah ini, dengan izin, *closing the gap*? Barangkali apakah pihak kementerian boleh memanjangkan tempoh industri kepada adik-adik graduan kita? Terima kasih.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita ambil maklum dan kita tahu dan sedar tentang perkara ini. Saya merasakan bahawasanya *insya-Allah* selepas daripada kita betul-betul membuka universiti-universiti secara sepenuhnya kepada pelajar, saya yakin bahawasanya perkara ini akan diambil perhatian. Sektor industri sekarang sudah mula berkembang dan juga peluang-peluang pekerjaan sudah pun mula kembali kepada pasaran sekarang ini. Kita hanya perlu memastikan bahawasanya pelajar kita, graduan kita ini sentiasa positif untuk meneruskan kehidupan selepas daripada tamat pengajian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga hendak mengambil kesempatan untuk mewakili Majlis Senator Malaysia untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dianugerahkan Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Kreatif.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Mudah-mudahan agenda yang besar ini Tuan Yang di-Pertua boleh bawa ke peringkat antarabangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Insya-Allah*. Terima kasih... [Tepuk]

5. **Datuk Razali bin Idris** minta Menteri Kewangan menyatakan, sejauh mana 4 buah pakej bantuan dan rangsangan ekonomi iaitu Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), PEMERKASA Plus, dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) telah merangsang semula ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris atas soalan yang diberikan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sekarang ini telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memulihkan ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19 di samping melindungi nyawa dan kehidupan rakyat.

Antara inisiatif utama pada tahun 2021 untuk merangsang semula ekonomi negara, membantu rakyat yang terjejas dan memastikan kelangsungan perniagaan merupakan pelaksanaan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi Rakyat Malaysia atau lebih dikenali sebagai PERMAI, Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) dan PEMERKAS Plus dan Pakej Pelindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

Bagi empat buah pakej rangsangan ekonomi tersebut, sehingga 30 November 2021 tahun ini, sebanyak RM156.18 bilion daripada RM225 bilion yang diperuntukkan telah dibelanjakan bagi merangsang semula ekonomi negara, membantu rakyat yang terjejas dan memastikan kelangsungan perniagaan. Berikutan pelaksanaan pelbagai pakej pelan dan bantuan berkenaan, trend pemulihan ekonomi telah dapat dilihat di mana ekonomi negara telah berkembang sebanyak 3 peratus pada sembilan bulan pertama pada tahun 2021 berbanding penguncupan sebanyak 6.4 peratus dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Kebenaran merentas negeri dan pembukaan semula hampir kesemua sektor ekonomi dan penyambungan semula kebanyakan aktiviti sosial di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) susulan kemajuan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) telah meningkatkan permintaan domestik serta mendorong sentimen positif dalam kalangan perniagaan dan juga pengguna. Indeks Sentimen Pengguna contohnya, telah melonjak kepada 101.7 - mata, pada suku ketiga 2021 berbanding 64.3 - mata, pada suku tahun sebelumnya.

Selain itu, jumlah jualan kenderaan juga turut melonjak meningkat sebanyak 10 peratus tahun ke tahun pada bulan Oktober 2021 dan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan Nikkei Malaysia pula melonjak kepada 52.2 - mata, pada bulan yang sama berbanding 48.1 - mata, pada bulan September 2021. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Ada sedikit soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat dalam keadaan sekarang. Jadi, soalan tambahan saya bolehkah Kementerian memastikan di bawah Majlis Tindakan Sara Hidup untuk mencari jalan penyelesaian secara segera dalam kita sekarang menangani kos sara hidup yang sangat tinggi, harga barang melambung naik sesuka hati walaupun kita ada penguatkuasaan. Tuan Yang di-Pertua, kartel juga bermaharajalela dan semua ini membebankan rakyat. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan susulan. Kita mengambil maklum tentang kekusaran Yang Berhormat Senator tentang harga barang dan sebagainya. Akan tetapi mungkin saya bagi sedikit lagi *summary* tentang keadaan ekonomi negara.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang benar mencatatkan penguncupan selama 4.5 peratus dalam tempoh suku ketiga 2021 disebabkan oleh pelaksanaan langkah pembendungannya pandemik yang lebih ketat termasuk PKPD di sebahagian besar kawasan Lembah Klang susulan peningkatan kes dan ancaman varian baharu COVID-19 yang lebih berbahaya. Berdasarkan pada data KDNK bulanan prestasi bulan Julai merosot dan ketara sebanyak 7.6 peratus. Menyusut sebanyak 4.7 peratus pada bulan Ogos berikutan pelaksanaan PPN Fasa 1 dan 2 di seluruh negara.

Secara keseluruhan, pertumbuhan KDNK dari Januari hingga September kembali berkembang pada 3 peratus berbanding dengan penyusutan sebanyak 6.4 peratus dalam tempoh masa yang sama. Dari sudut permintaan juga, permintaan domestik merosot sebanyak 4.1 peratus suku ketiga 2021 berikutan pelaksanaan semula langkah pembendungan pandemik.

Walaupun ekonomi negara mengalami penguncupan suku ketiga 2021, prospek ekonomi negara sebenarnya semakin baik bermula Oktober 2021 dan dijangka mampu mencapai pertumbuhan antara tiga hingga empat peratus. Kerajaan akan terus memantau perkembangan ekonomi global dan domestik terkini dengan teliti bagi...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya tanya berkenaan dengan Majlis Tindakan Sara Hidup. Saya sudah tersasar ataupun Timbalan Menteri yang tersasar soalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kadang-kadang dua-dua tersasar [*Ketawa*] Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh ambil sedikit pemerhatian semula agar dapat isu yang dibangkitkan itu dijawab. Kalau melibatkan data, mungkin boleh minta tempoh.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa :** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ambil maklum. Akan tetapi kita cuma berkongsi juga kalau kita lihat secara keseluruhannya dalam keadaan *headline* inflasi kita sebenarnya menurun dan inflasi ini di seluruh dunia menghadapi inflasi.

**■1030**

Akan tetapi dia ada dua, *core inflation* dan *headline inflation*. *Headline inflation* kita ini sebenarnya menurun *overtime* biar pun harga barang naik. Saya cuma ingin maklumkan bahawa prospek ekonomi ke depan ini akan bertambah baik dan yang penting sekarang ini kita macam mana kita membesarkan KDNK kita supaya kita boleh mengurus ekonomi kita dengan lebih baik secara keseluruhannya biarpun harga barang naik, bukan sahaja di sini tetapi di seluruh dunia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Kadang-kadang dia macam tembak itik kena ayam. Jadi pagi ini saya fikir yang Yang Berhormat Datuk Razali tembak itik separuh ayam yang kena... [*Ketawa*] Minggu depan mungkin dapat kita penjelasan yang lebih jitu.

*Alhamdulillah* kita beri kepada soalan nombor 6, Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

**6. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, adakah disebabkan faktor Prosedur Operasi Standard dan pengamalan prosedur yang ketat menyebabkan sektor perhotelan masih kurang mendapat sambutan.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Seri Dr. Santhara]:** Tuan Yang di-Pertua. Setelah lama terjejas ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pengumuman beberapa kelonggaran selaras dengan kemudahan bagi individu yang sudah menerima vaksin lengkap amat dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia.

Kelonggaran tersebut termasuklah kebenaran aktiviti pelancongan dalam negeri yang sama melibatkan inap desa dan hotel untuk mereka menetap di negeri dalam fasa dua PPN. Seterusnya pada 9 Ogos 2021 telah memberikan sedikit kelegaan buat pihak industri pelancongan dan perhotelan khususnya berikutan penutupan sektor itu sebelum ini.

Perkembangan positif dapat dilihat apabila data oleh Persatuan Hotel Malaysia (MAH) melaporkan purata kadar penghunian, dengan izin, *average occupancy rate* (AOR) ahli-ahlinya meningkat kepada 21.04 peratus pada bulan Ogos 2021 dan 28.77 peratus pada bulan September 2021, berbanding dengan 18.52 peratus pada bulan Mei 2021 dan juga 16.38 peratus pada bulan Jun 2021.

Trend ini semakin baik apabila kerajaan mula membenarkan aktiviti pelancongan rentas negeri bermula 11 Oktober 2021. Ini dapat dilihat apabila data yang sama menunjukkan kadar AOR terus meningkat masing-masing kepada 42.46 peratus pada bulan Oktober 2021 dan 44.64 peratus pada bulan November 2021. Sebagai perbandingan data oleh MAH menunjukkan bahawa kadar AOR pada tahun 2019 iaitu sebelum penularan COVID-19 iaitu 59.99 peratus.

Maka mengambil kira bahawa sempadan antarabangsa negara yang masih belum dibuka secara sepenuhnya untuk tujuan pelancongan serta rakyat dalam negara yang mula menyesuaikan diri dengan melancong dengan norma baharu, angka ini merupakan satu permulaan yang baik. Seperti yang dinyatakan tadi, rakyat Malaysia kini sudah mula menyesuaikan diri dengan gaya hidup norma baharu pembangunan prosedur operasi standard oleh kerajaan dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan bukanlah untuk membebankan rakyat malah untuk memastikan Keluarga Malaysia dapat bersama-sama membendung penularan COVID-19.

Keluarga Malaysia juga kini bijak menilai dan mengambil cakna sekiranya terdapat ketidakpatuhan prosedur operasi standard dengan izin dengan melahirkan rasa kebimbangan dan juga melaporkan kepada pihak berkuasa. Justeru itu, prosedur operasi standard yang dibangunkan dapat membuat pengunjung hotel dapat melancong dengan penuh yakin terhadap keselamatan mereka seterusnya dapat menggunakan premis penginapan pelancong tanpa rasa bimbang.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan giat meneruskan promosi dan inisiatif dalam terus merancakkan lagi industri pelancongan negara sama ada domestik mahupun menyambut kehadiran pelancong asing ke negara kita tidak lama lagi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan ada perancangan untuk mengkaji semula pengenaan cukai hiburan sebanyak 25 peratus ke atas taman tema seluruh negara. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Dr. Santhara:** Terima kasih kepada soalan susulan tadi. Ini merupakan satu soalan yang rumit. Saya akan cuba jawab sebaik yang mungkin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Duti Hiburan 1953 dan perkara mengenai perundangan duti ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Sehubungan itu dalam hal ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) tidak mempunyai sebarang kuasa atau pengenaan duti hiburan tersebut. Walau bagaimanapun, kementerian akan memperhalusi perkara tersebut dengan mengambil kira bahawa industri pelancongan masih dalam tempoh pemulihan dan seterusnya membawa untuk perbincangan lebih lanjut bersama Kementerian Kewangan demi meringankan beban penggiat taman tema ini.

Akta Duti Hiburan ini ialah akta yang lama, akhir pada tahun 1953 dan ia n ya diguna pakai pada tahun 1973 bertujuan pemakaian meliputi Sabah dan Sarawak dan seterusnya pindaan dilakukan pada tahun 2001. Akan tetapi perlu ditekankan bahawa sebuah jawatankuasa juga telah ditubuhkan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perundingan Akta Duti Hiburan yang berfungsi sebagai medium perbincangan antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri.

Ketetapan Majlis Kewangan Negeri pada 28 Disember 1999 telah pun setuju dengan penetapan kadar duti 25 peratus ke atas jenis hiburan dan juga bayaran yang menggunakan tiket. Maka baru-baru ini kita telah tahu bahawa di negeri Pahang dan juga sebagainya mereka telah pun mahu mengenakan 25 peratus duti hiburan ini.

Namun demikian, mereka bolehlah memohon kepada Kementerian Kewangan kerana Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk memberikan pengecualian dan juga sebagainya yang pernah dilakukan sebelum ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

**7. Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, peranan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) dalam melatih, menyelidik serta memperkukuhkan dasar serta polisi diplomasi dan hubungan antarabangsa dengan misi khas untuk mempertingkatkan profesionalisme para pegawai diplomatik.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Kamarudin Jaffar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar atau juga dikenali sebagai, dengan izin, *The Institute of Diplomacy and Foreign Relations* (IDFR) sekarang berusia 30 tahun setelah ditubuhkan pada 1 Julai 1991 di bawah Jabatan Perdana Menteri susulan keputusan Kabinet.

Pada 27 Mac 2001, IDFR secara rasminya telah menjadi pusat latihan di bawah Kementerian Luar Negeri (KLN). Secara dasarnya, IDFR bertanggungjawab untuk mengendalikan program-program latihan diplomatik serta latihan kemahiran profesional dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa kepada pegawai-pegawai diplomatik Malaysia dari KLN, kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua diplomat Malaysia serta pegawai-pegawai dari agensi kerajaan yang akan berkhidmat di luar negara diwajibkan untuk menghadiri kursus-kursus tertentu anjuran IDFR contohnya bagi pegawai-pegawai dari KLN, satu program sepenuh masa selama enam bulan telah diwajibkan sebelum mereka ditugaskan di luar negara. Program intensif ini dinamakan sebagai Diploma Diplomasi atau, dengan izin, *Diploma in Diplomacy* (DiD). Selain itu, bakal-bakal Ketua Perwakilan Malaysia juga dikehendaki menghadiri kursus pra penempatan khas anjuran IDFR.

Manakala bagi pegawai-pegawai agensi lain pula kursus pra penempatan untuk pegawai dan pasangan di bawah sistem pentadbiran kerajaan Malaysia di luar negara atau SPKM turut dilaksanakan. Ini merupakan satu kursus intensif bagi mendedahkan mereka berkenaan hala tuju Dasar Luar Negara Malaysia dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan semasa bertugas di luar negara.

Dasar Luar Malaysia dibentuk dan di selaras oleh KLN. Dalam hal ini IDFR sebagai agensi dan bahagian lain di bawah kementerian turut menjalankan pelbagai aktiviti dan program yang mendukung serta mengukuhkan dasar ini. Selain itu, IDFR juga menyediakan kertas-kertas penyelidikan dan analisis yang mengupas isu-isu diplomasi dan hubungan antarabangsa untuk bacaan dan rujukan pegawai-pegawai kementerian dari semasa ke semasa.

Di samping itu, IDFR juga memainkan peranan menjadi penghubung antara bidang akademik dan bidang diplomatik melalui kerjasamanya dengan universiti, institusi serta akademi tempatan dan antarabangsa bagi memperkasakan lagi penyelidikan yang dijalankan di entiti-entiti pendidikan ini. Penyediaan ruang atau platform yang sesuai bagi pertukaran pendapat dapat mencambahkan lagi idea bernas bagi membantu KLN merangka, menggubal serta memperkukuhkan lagi polisi dan hala tuju sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Diplomasi budaya merupakan salah satu cara diplomasi awam yang menggunakan kaedah *soft power*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ataupun kuasa luhur ataupun murni yang melibatkan pertukaran bahasa dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Soft power* hendak sebut, "kuasa lembut."?

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Kuasa murni atau luhur Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Luhur.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Elok tengok balik.

#### ■1040

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Jadi soalan saya, apakah IDFR boleh diberikan mandat untuk membuat kajian mendalam untuk mengenal pasti produk kebudayaan dalam mempertingkatkan usaha diplomatik antarabangsa? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua;** Sila Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sudah tentu sebagaimana saya pasti Yang Berhormat mengikuti perkembangan semasa khususnya di KLN, antara agenda penting yang telah pun dibentangkan dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri antaranya ialah berkaitan dengan tumpuan kita kepada apa yang disebut tadi, diplomasi budaya.



Ini sudah tentu akan dijadikan satu daripada perkara-perkara dan bahan-bahan yang akan merupakan sebahagian daripada urusan IDFR dan juga agensi lain seperti juga Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) kita untuk memastikan bahawa kepentingan negara kita akan terus dilaksanakan sebaiknya oleh KLN dan agensi-agensi di bawahnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada tambahan?

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Ya, ada.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** Ada Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** Baik. Okey, okey.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Boleh atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kejayaan terkini diplomat negara dalam aspek kerjasama dan hubungan antarabangsa dan cabaran yang dihadapi. Terima kasih.

**Dato' Haji Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang agak umum dan luas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Besar ya.

**Dato' Haji Kamarudin Jaffar:** Kita yakin bahawa pegawai-pegawai Wisma Putra KLN akan senantiasa dan telah senantiasa menjalankan tugas-tugas mereka dengan jayanya dalam pelbagai bidang.

Terkini misalnya, kita telah berjaya dipilih untuk menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia Sedunia. Baru-baru ini, minggu lepas Kementerian Pengangkutan telah berjaya sekali lagi dengan usaha sama di pihak KLN juga dipilih sebagai anggota Majlis *International Maritime Organization* (IMO) dan sebagainya. Jadi sudah tentulah pegawai-pegawai kita terlibat dalam pelbagai bidang. Saya yakin dan saya percaya mereka telah mencapai kejayaan yang tinggi sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan minggu lepas, bahawa kita telah mencapai kita punya KPI kepada tahap yang tertinggi keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' Haji Kamarudin. Saya cuma hendak bertanya sebagai orang lama di kementerian itu, '*dip in dip*' tadi itu, adakah *Diploma in Diplomacy* dengan 'L' hujung atau tidak ada? Kalau tidak, ia jadi '*dip in dip*' seperti *dip in edu* dalam *education*.

**Dato' Haji Kamarudin Jaffar:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ini '*dip in dip*' atau DIPL.

**Dato' Haji Kamarudin Jaffar:** DIPL, saya tidak pasti. Saya boleh semak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diploma dalam Diplomasi.

**Dato' Haji Kamarudin Jaffar:** Kalau istilah sini *Diploma in Diplomacy* dalam Inggerisnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Disebut terus.

**Dato' Haji Kamarudin Jaffar:** Begitu, begitu nampaknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih.

**Dato' Haji Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sahaja. Kalau tidak itu bak kata orang tidak ada kait tempat lama.

**Dato' Haji Kamarudin Jaffar:** Saya faham minat dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah, alhamdulillah.*

Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

**8. Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kerajaan menjalankan sebarang temu duga atau saringan terhadap individu asing yang mendapat penarafan sebagai warganegara Malaysia. Apa syarat wajib yang perlu dipenuhi sebelum individu terbabit benar-benar layak untuk mendapat penarafan sebagai warganegara Malaysia.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]:** Salam Sejahtera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak komen sedikit sahaja. Yang Berhormat Menteri tidak pernah datang ke Dewan sampai sekarang.

**Tuan Jonathan bin Yasin:** Saya akan sampaikan pesan itu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya baik.

**Tuan Jonathan bin Yasin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pemberian kewarganegaraan Malaysia bagi individu warga asing telah diperuntukkan dalam Bahagian 3, Perlembagaan Persekutuan melalui dua kaedah iaitu pendaftaran dan penaturalisasian. Tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-kaedah Kewarganegaraan 1994 serta peruntukan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pesahatarafan dan peraturan Imigresen.

Dalam melaksanakan pemberian kewarganegaraan ini, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara akan melaksanakan beberapa proses saringan. Antaranya, temu duga secara lisan dan bersemuka melalui ujian pengetahuan Bahasa Melayu terhadap pemohon kewarganegaraan di bawah Perkara 16 dan Perkara 19, Perlembagaan Persekutuan dan saringan tapisan keselamatan terhadap pemohon kewarganegaraan di bawah Perkara 15(1), Perkara 16 dan Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, terdapat syarat-syarat wajib kelayakan untuk warga asing memohon kewarganegaraan seperti berikut:

- (i) Kewarganegaraan melalui pendaftaran. Di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan, bagi isteri kepada warganegara Malaysia dengan syarat-syarat berikut:
  - (a) suami kepada wanita warganegara asing berkenaan bertaraf warganegara Malaysia;
  - (b) perkahwinan masih wujud dan berterusan;
  - (c) perkahwinan yang didaftarkan mengikut perundangan bertulis di Malaysia;
  - (d) pemohon telah memenuhi tempoh pemastautinan melebihi dua tahun sebelum tarikh permohonan; dan
  - (e) berniat untuk bermastautin secara tetap dan berkelakuan baik.

Di bawah Perkara 15(2), permohonan boleh dibuat kepada kerajaan persekutuan oleh ibu atau bapa atau penjaga, mana-mana orang yang di bawah umur 21 tahun. Maka, kerajaan boleh menyiapkan orang itu didaftarkan sebagai warganegara jika sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapanya sekarang atau pada masa kematiannya, seorang warganegara. Manakala di bawah Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur bawah 21 tahun dalam keadaan khas adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan, bagi individu berumur 18 tahun dan ke atas yang dilahirkan di persekutuan sebelum hari merdeka dengan syarat-syarat berikut:

- (i) pemohon telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh tidak kurang dari lima tahun dalam tempoh masa tujuh tahun sebelum tarikh permohonan;

- (ii) berniat untuk bermastautin secara tetap;
- (iii) berkelakuan baik; dan
- (iv) mempunyai pengetahuan asas dalam Bahasa Melayu.

Seterusnya berkenaan dengan kewarganegaraan melalui penaturalisasian. Kewarganegaraan melalui penaturalisasian di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan dengan syarat-syarat berikut:

- (i) umur 21 tahun atau lebih;
- (ii) pemohon telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh tidak kurang 10 tahun dalam masa 12 tahun sebelum tarikh permohonan dibuat;
- (iii) berniat untuk bermastautin secara tetap;
- (iv) berkelakuan baik; dan
- (v) mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang mencukupi.

Kementerian ingin menegaskan bahawa syarat-syarat yang dinyatakan hanya melayakkan permohonan dikemukakan oleh individu warga asing atau bertaraf bukan warganegara untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian jika telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran serta lain-lain.

Namun permohonan berkenaan tidak dijamin akan diluluskan kerana sebagai sebuah negara yang berdaulat, penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kesavades A. Achyuthan Nair:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, ayat yang akhir tadi itu tolong ingat. Ayat yang akhir tadi itu, tidak semestinya dapat.

**Tuan Jonathan bin Yasin:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dato' Kesavades A. Achyuthan Nair:** Okey, soalan tambahan saya Timbalan Menteri ialah, apakah bentuk campur tangan daripada pihak kementerian dalam isu sekatan kemasukan ke negeri Sarawak yang dikenakan terhadap dua orang Ahli Parlimen Dewan Rakyat daripada Pakatan Harapan? Sedang mereka tidak terikat dengan apa-apa pendakwaan di mahkamah seperti beberapa orang pemimpin tertentu yang bebas di luar negara. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan lain Yang Berhormat.

**Tuan Jonathan bin Yasin:** Tuan Yang di-Pertua, seingatnya saya memang Sarawak juga mempunyai kuasa imigresennya tersendiri. Mungkin itu merupakan keputusan kerajaan negeri dan di luar daripada keputusan KDN sendiri.

Walau bagaimanapun, kita akan beri maklumat secara bertulis terhadap soalan itu kerana ia bukan berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan. Bukan kepada soalan asal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua;** Ya.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambahan lagi, ada? Silakan. Payah nampak dalam kotak plastik ini.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masih dalam kategori kewarganegaraan yang kita dimaklumkan terdapat lebih 150 ribu orang pelarian di Malaysia termasuk komuniti yang tidak bernegara iaitu masyarakat Rohingya.

Ada yang lahir di sini, menetap di negara kita lebih 20 tahun. Mereka pandai berbahasa Melayu, faham selok-belok kebudayaan negara kita. Mohon Timbalan Menteri bahawa kesediaan kementerian dalam memberikan ruang meneliti kewarganegaraan kepada mereka daripada perspektif kemanusiaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

■1050

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan-cadangan itu akan dilihat. Walau bagaimanapun, seperti mana yang dimaklumkan sebentar tadi bahawa semuanya tertakluk kepada keputusan kerajaan. Ini merupakan budi bicara kerajaan sama ada mahu mempertimbangkan atau tidak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, barangkali Pengerusi Jawatankuasa Sejahtera suka hendak bawa beberapa persoalan berhubung dengan soalan ini, saya serahkan kepada Ahli Jawatankuasa berkenaan. Oleh sebab terlampau banyak hal-hal berkaitan dengan Jabatan Pendaftaran yang telah dirakam sebagai bermasalah untuk rakyat.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin.

**9. Dato' Ajis bin Sitin** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apa tindakan kerajaan untuk memastikan semua projek yang dilaksanakan di perkampungan Orang Asli termasuklah Projek Bekalan Air Terawat di perkampungan Orang Asli sekitar Gua Musang yang banyak tidak berfungsi, Projek Perumahan PPRT di Pos Gob, Gua Musang dan Pos Kemar, Ulu Perak yang telah ditinggalkan terbengkalai begitu sahaja diambil tindakan dan dilaksanakan sehingga siap sempurna seperti yang dijadualkan dan ditetapkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang kemukakan soalan.

Untuk makluman, terdapat 117 buah kampung Orang Asli yang diiktiraf di daerah Gua Musang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 105 buah kampung peroleh bekalan air daripada sistem rawatan alternatif yang dibina oleh kementerian dan Jabatan Kemajuan Orang Asli. JAKOA telah melantik sebanyak 26 orang kontraktor penyelenggaraan di kampung-kampung tersebut bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil sisa rawatan untuk memastikan penduduk sentiasa menerima bekalan air terawat dan selamat untuk kegunaan mereka.

Pada masa yang sama, JAKOA juga telah membuat perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih sistem rawatan yang memerlukan penggantian peralatan. Pada tahun 2021, JAKOA telah membelanjakan sebanyak RM805 ribu untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan di tujuh buah kampung Orang Asli di daerah Gua Musang. Manakala, bagi tahun 2022, JAKOA akan memperuntukkan sejumlah RM800 ribu untuk kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf sistem rawatan di Pos Brooke, Jajahan Gua Musang, Kelantan.

Bagi Projek Perumahan Rakyat Termiskin yang terbengkalai di Pos Gob, Gua Musang Kelantan dan Pos Kemar, Ulu Perak adalah disebabkan oleh kekangan kos disebabkan kedua-dua lokasi terletak di kawasan pendalaman yang ekstrem. JAKOA mengambil perhatian serius berkenaan perkara ini dan sedang dalam tindakan bagi memastikan projek tersebut disiapkan dan penerima akan mendapat manfaat sewajarnya.

Memandangkan projek tersebut telah terbengkalai dalam tempoh yang lama, rumah tersebut didapati tidak kondusif dan ekonomi untuk dibaiki. Penerima bantuan PPRT yang terbengkalai di Pos Gob, Gua Musang, Kelantan telah menerima bantuan rumah pada tahun 2016. Manakala, bagi penerima di Pos Kemar, Ulu Perak, Perak pula pihak JAKOA masih mengenal pasti keperluan kos sebenar untuk membaik pulih projek sekiranya bersesuaian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan? Tidak ada.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip.

**10. Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk mengindahkan Sungai Gombak dan Sungai Klang yang merentasi Bandaraya Kuala Lumpur menggunakan kaedah yang sama seperti projek pengindahan Sungai Melaka.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Jalaluddin bin Alias]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip, saya bagi pihak kementerian dan juga Parlimen Jelebu ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua atas penganugerahan Ijazah kehormat Kedoktoran Seni Kreatif Perancang Seni Budaya dari ASWARA semalam. Tahniah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, dari telapak sendiri. Alhamdulillah, silakan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua, bagi- terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip ke atas soalan yang ditanya.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan Negara yang mulia ini, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mentransformasikan Sungai Klang dan Sungai Gombak kepada ikon *waterfront*, dengan izin, yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi melalui projek *River of Life*.

Seperti Dewan ini sedia maklum, pelaksanaan projek *River of Life* ini terdiri daripada tiga buah komponen utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan juga pembangunan tanah. Secara amnya, projek RoL dilaksanakan di sepanjang 110 kilometer di sekitar Kuala Lumpur yang melibatkan lapan batang sungai iaitu Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Kroh, Sungai Kerayong, Sungai Ampang dan juga Sungai Bunus.

Untuk makluman Yang Berhormat, komponen pengindahan sungai melibatkan kerja-kerja menaik taraf taman-taman awam, fasiliti laluan pejalan kaki dan basikal di pinggir Sungai Klang dan Sungai Gombak sepanjang 10.7 kilometer serta kawasan tumpuan orang ramai di sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad dan Masjid Jamek Kuala Lumpur yakni dikenali sebagai Presint 7. Masjid India, Jalan Tun Perak, Jalan Tun Tan Cheng Lock dan juga Dataran Merdeka dikenali sebagai pakej 1C dan 1D. Sekitar PWTC sehingga Dang Wangi pula pakej 3A 3B dan sekitar LRT Pasar Seni sehingga Brickfields iaitu pakej 4A 4B.

Keempat-empat pakej ini telah siap pelaksanaannya di tapak, kerja pengindahan sungai yang terlibat untuk Presint 7 merupakan Sungai Klang. Pakej 1C, pakej 1D iaitu Sungai Gombak dan Sungai Klang. Pakej 3A, pakej 3B merupakan Sungai Gombak dan pakej 4A, pakej 4B iaitu Sungai Klang.

Namun kerja pengindahan yang dilaksanakan di kawasan pinggir sungai ini hanya tertumpu di kawasan-kawasan yang saya nyatakan tadi dan tidaklah di sepanjang Sungai Gombak dan Sungai Klang yang bermula di sempadan Selangor di Gombak untuk Sungai Gombak dan juga di Jelatek untuk Sungai Klang.

Umum sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, bahawa lokasi projek pengindahan Sungai Melaka atau yang lebih dikenali sebagai *Melaka River Cruise* ini terletak berhampiran dengan Laut Selat Melaka menyebabkan pengaliran air sungai ini tenang dan boleh dikawal dengan pintu air. Manakala, keadaan di Sungai Gombak dan Sungai Klang adalah lebih agresif dan dinamik terutama di kawasan yang merentasi bandar raya Kuala Lumpur. Oleh itu, ia merupakan satu cabaran besar untuk projek RoL dilaksanakan sama seperti projek pengindahan Sungai Melaka, memandangkan kemajuan Projek RoL ketika ini berada pada tahap 94.85 peratus. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Senator untuk diteliti bagi projek-projek baharu yang bakal dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, silakan.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan sebentar tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini Putrajaya boleh.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Saya, walaupun soalan asal disebutkan Sungai Melaka, penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi cukup bagus, tetapi cuma saya menarik perhatian sedikit bahawa di Korea Selatan terdapat sebatang sungai nama dia Sungai Cheonggyecheon (Sungai Mati) sungai yang telah mati tetapi telah dapat dihidupkan semula menjadi tarikan pelancong dari seluruh dunia untuk ke Korea Selatan. Negara Turki dan Paraguay saya difahamkan telah pun meniru cara itu. Apakah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kerajaan Malaysia bersedia untuk belajar daripada kejayaan Korea Selatan mengindahkan dan menghidupkan sungai yang telah mati itu?

Kalau boleh kita cadangkan kerajaan pilih seorang atau dua orang Senator dari Wilayah Persekutuan untuk melawat Korea, kalau sekiranya ada rancangan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semacam lain tembak itu Yang Berhormat... [Ketawa] Silakan.

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun belum berkesempatan hendak pergi ke Korea. Akan tetapi, berdasarkan kepada bacaan dan juga kajian saya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Korea dan juga di negara-negara lain, dia mengindahkan sungai itu menggunakan pendekatan *double deck level* ataupun macam mana- *double deck level*. *Double deck level* ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang ada dalam perancangan kita. Saya hendak maklumkan di dalam Dewan ini, hari pertama saya masuk, saya berfikir berpemikiran dengan Yang Berhormat Senator Zahid untuk kita jadikan itu sebagai tempat perancangan.

Akan tetapi, setelah kajian dibuat Tuan Yang di-Pertua, kita pernah buat kajian sepanjang dua kilometer kita hendak buat *double deck level*. Di bawah aliran biasa, atas itu *artificial water* yang memakan belanja sebanyak RM1 bilion untuk- bagi sepanjang dua kilometer. Dalam keadaan negara menghadapi tekanan ekonomi, dalam keadaan negara untuk memulihkan keadaan ekonomi, kementerian berfikir bahawa kewajaran untuk membelanjakan sejumlah wang berkenaan adalah lebih afdal jika diberikan kepada keperluan rakyat. Kemungkinan ini boleh kita jadikan sebagai perancangan masa depan kementerian dan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1100

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, tadi Yang Berhormat Senator dari Putrajaya. Silakan.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM4 bilion ke atas Program *River of Life* (RoL) dalam kerja-kerja pembersihan dan pengindahan sungai. Bilakah kerja pembangunan tanah-tanah berpotensi di sepanjang sungai akan dimulakan supaya pelaburan RM4 bilion yang telah dikeluarkan oleh kerajaan itu dapat kita kutip balik?

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua, kita dah belanja sekitar RM4 bilion untuk program- komponen pembersihan sungai, kita dah capai 95 peratus. Untuk komponen pengindahan, kita dah capai 100 peratus. Kita ada sepanjang 110 kilometer sungai. Pengindahan kita ada 10.7 kilometer yang 100 peratus siap.

Akan tetapi, berdasarkan kepada pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator tadi, untuk Program *Sewerage Non River* (SNR) ini berlaku melibatkan peningkatan daripada masa ke semasa untuk kita menaik taraf ataupun menaikkan pembangunan di sekitar projek *River of Life* ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan Negara, bahawa program pengindahan ini dah siap 100 peratus untuk kita punya *jogging track*, untuk *cycling track*, untuk kios dan sebagainya termasuk pengindahan dalam soal lampu dan sebagainya.

Ini sudah siap. Akan tetapi, pembangunan bagi kawasan tanah yang berhampiran itu mengambil peringkat demi peringkat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab kita semua tertarik dengan Malaysia, dan atas dilema Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Seri Jalaluddin tadi, *River of Life* baik kita fikirkan sebagai Sungai Kehidupan dan juga pemikiran dua lapisan tadi sebagai mengganti perkataan *double level idea* atau pemikiran *double level* sahaja, Yang Berhormat Timbalan Menteri, supaya kita makin lama makin maju dalam terma-terma kita. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.

**11. Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah Pusat Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) yang masih aktif, dan apa langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan kadar morbiditi disebabkan oleh penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis dan darah tinggi.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** Saya mewakili Kementerian Kesihatan dan juga Parlimen Bagan Serai mengucapkan setinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pengurniaan Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Kreatif ASWARA semalam di Istana Budaya dalam Istiadat Konvokesyen ASWARA ke-16.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Tahniah Tuan Yang di-Pertua.

KOSPEN ini merupakan satu usaha kerajaan untuk menangani masalah peningkatan bebanan penyakit tidak berjangkit sejak tahun 2013. Pada ketika ini, ada 974 lokaliti KOSPEN yang aktif dengan 7000 orang sukarelawan, ataupun Gerak Sihat Malaysia (GSiM) yang terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, KKM memberi fokus kepada strategi pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit pada peringkat awal lagi mengikut pendekatan perjalanan kehidupan berdasarkan Pelan Strategik Kebangsaan Penyakit Tidak Berjangkit 2016-2025. Ini bermakna keperluan kesihatan dan sosial sejak sebelum lahir lagi iaitu ibu ini, pemakanan dan kesihatan ibu, pemakanan dan kesihatan bayi termasuk promosi penyusuan bayi dan juga amalan kehidupan yang sihat sehinggalah kepada kepenuaan.

Untuk penuntut-penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi, kita ada program seperti Program Doktor Muda, Program Ekspresi Anak Remaja dan Program Siswa Siswi Sihat. Untuk komuniti dan warga kerja melalui Program KOSPEN dan KOSPEN Plus. Daripada segi perawatan pula, kerajaan membuat intervensi awal menyeluruh untuk pesakit yang mengidap penyakit tidak berjangkit di hospital dan klinik-klinik.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kini diadakan, sudah diwujudkan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11 Disember iaitu satu lagi penawaran kerajaan supaya rakyat Malaysia sihat, supaya rakyat Malaysia dapat menikmati kehidupan yang baik melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran.

Jadi, di dalam ANMS ini, ada pendekatan KOSPEN iaitu untuk memperkasakan komuniti dengan memperkasakan ejen-ejen kesihatan seperti KOSPEN, COMBI, PeKa B40 dan sebagainya. Inilah yang dikatakan memperkasakan apa yang dikatakan *my champion* yang wujud dalam ANMS.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkara ini sangat penting. Ini kerana kalau kita lihat pada Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019, ada data-data yang saya kira amat menggerunkan untuk kesihatan kita.

Pertama, kencing manis. Daripada lima orang, seorang ada kencing manis dan hari ini dekat hampir-hampir empat juta orang ada kencing manis. Pada tahun 2011, sebanyak 11.2 peratus. Pada tahun 2015, sebanyak 13.4 peratus. Pada tahun 2019, sebanyak 18.3 peratus. Makin naik, makin naik.

Darah tinggi. Tiga dalam 10 orang ada darah tinggi. Setengah tidak tahu pun dia ada darah tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada cadangan tidak hendak teliti kita di Dewan ini berapa yang kena penyakit itu?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Itu sebab saya hendak bagi data yang menggerunkan supaya kita bertindak lepas ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlahan-perlahan ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Selepas itu baru kita pergi kepada Sungai Kehidupan... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Penting ini.

Jadi, hanya 90 peratus yang ambil ubat dan hanya 45 peratus yang dikawal.

Seperkara lagi ialah tentang obesiti. Sebanyak 50 peratus rakyat Malaysia *overweight* dan obes. Saya baca data. Pada tahun 2011, sebanyak 15.1 peratus. Pada tahun 2015, sebanyak 17.7 peratus. Pada tahun 2019, sebanyak 19.7 peratus. Sekarang ini, berapa peratus agak-agaknya sekarang? Ini yang kita bimbang. Jadi, daripada itu, 50 peratus rakyat Malaysia hari ini mempunyai obesiti abdomen. Ini panjang kalau hendak cerita.

Akan tetapi, apa yang berlaku sekarang ialah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang sangat cerita itu. "Obesiti" ini, orang kampung tidak faham.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** "Kegemukan".

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Kegemukan, ya. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya katakan, kegemukanlah yang menyebabkan kencing manis dan juga darah tinggi dan juga kanser dan sebagainya. Jadi, pendekatan KOSPEN adalah sangat-sangat diperlukan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada tambahan?

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bersemangat jawabannya tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, semangat dia.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Takut saya hendak tanya soalan tambahan. Okay, tidak apa. Senang sahaja soalan tambahan saya. Sebenarnya saya ada banyak soalan tetapi sebab masa singkat, saya hanya tanya satu sahaja, Yang Berhormat.

Saya cuma hendak tanya, apa usaha kerajaan ataupun kementerian untuk memastikan pemantauan pesakit-pesakit kencing manis- tadi untuk mencegah. Ini dia dah dapat kencing manis. Kita bimbang ada komplikasi yang lebih teruk. Jadi, apakah usaha kerajaan sama ada untuk kita bekalkan glukometer untuk pesakit-pesakit kencing manis terutamanya kepada pesakit-pesakit yang menerima rawatan insulin secara percuma?

Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, silakan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan Yang Berhormat ini soalnya sangat penting sebenarnya. Itu yang saya pun teruja untuk menjawab.

Saya sebut tadi ANMS. Dalam itu, ada empat buah teras, dan salah satunya ialah pemerkasaan kawalan kesihatan sendiri. Inilah termasuknya. Hari ini kita hendak bagi motivasi kepada rakyat supaya *check* tekanan darah. Tahu ada tidak darah tinggi. Cuba *check* gula. Semua *test* ini murah sahaja sebenarnya. Murah sahaja. Boleh dibuat dan- di klinik kesihatan pun boleh dibuat dan ramai orang dah beli pun alat itu untuk *test* sendiri. Darah tinggi, *check* gula, *check* dia punya indeks jisim tubuh, hendak tahu dia *overweight* atau tidak. Jadi, memang inilah langkah-langkah kerajaan untuk memperkasakan.



Malah hari ini KKM telah mengeluarkan Pek Penjagaan COVID-19 iaitu PPC. Ia ada banyak barang-barang dalam itu untuk menjaga kesihatan. Jadi, mungkin disebabkan oleh peningkatan ini, sebab itu kerajaan sangat-sangat mengambil berat. Kita tidak mahu orang datang pada peringkat akhir yang ada komplikasi di hujung. Contohnya, kebutaan, terpaksa potong kaki dan sebagainya kerana kencing manis ini.

Jadi, cadangan Yang Berhormat itu penting tetapi saya hendak nyatakan bahawa apa yang kita hendak perkasakan dalam ANMS, salah satunya merupakan kawalan kesihatan sendiri. Termasuklah kita *check* untuk COVID-19. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**12. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah pelan kontingensi kerajaan bagi mengatasi jangkaan bahawa negara akan berhadapan dengan defisit fiskal yang semakin meningkat memandangkan pada ketika ini defisit fiskal kerajaan berada hampir 6.0 peratus daripada KDNK pada 2021 berbanding 6.2 peratus pada tahun 2020 walaupun disokong oleh aspek pemulihan ekonomi.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, paras defisit fiskal tahun 2021 telah disemak semula dan dijangka meningkat pada 6.5 peratus kepada KDNK seperti yang telah dibentangkan dalam Bajet 2022. Bagi tahun 2022 pula, dengan jangkaan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dan liputan vaksinasi yang lebih luas serta permintaan domestik dan luar yang stabil, defisit fiskal diunjurkan lebih rendah pada enam peratus KDNK.

#### ■1110

Pada masa ini, keutamaan kerajaan untuk melindungi rakyat daripada ancaman COVID-19 selain memastikan prospek pertumbuhan ekonomi kekal kukuh dalam jangka sederhana dan panjang. Ia disokong juga oleh Pelan Pemulihan Negara serta pengurusan kewangan yang berhemah. Dalam jangka masa sederhana, trajektori konsolidasi fiskal dijangka lebih perlahan berbanding dengan unjuran asal dalam menyediakan ruang fiskal yang mencukupi ke arah pemulihan dan krisis kesihatan dan ekonomi.

Selain itu, kerajaan juga telah melancarkan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang menyediakan rangka kerja dasar yang holistik bagi pembaharuan struktur dan menetapkan hala tuju jangka masa sederhana.

Sebagai langkah awal untuk memperkukuhkan kedudukan fiskal negara, kerajaan juga telah mengumumkan beberapa inisiatif bagi meningkatkan hasil kerajaan dalam Bajet 2022. Bagi tempoh jangka masa sederhana pula, kerajaan mengguna pakai rangka kerja fiskal jangka sederhana sebagai panduan dalam menggubal strategi ke arah konsolidasi fiskal jangka sederhana yang selari dengan pelan pembangunan RMKe-12.

Dalam RMKe-12, kerajaan juga menyasarkan defisit fiskal berada antara tiga hingga 3.5 peratus daripada KDNK pada tahun 2025. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kemampuan kerajaan untuk membayar semula hutang yang dibuat setakat ini susulan peningkatan had hutang statutori kepada sebanyak 6.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar yang bertujuan untuk membolehkan kerajaan mempunyai lebih banyak ruang bagi membiayai defisit bajet dalam jangka masa sederhana serta menampung pelaksanaan Rancangan Malaysia yang secara tidak langsung memberi implikasi kepada kedudukan defisit fiskal negara? Sekian.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa:** Kerajaan mengambil maklum tentang perkara itu. Maka, kita juga sebenarnya dalam proses merangka apa yang dipanggil sebagai Akta Tanggungjawab Fiskal bagi menambah baik tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan fiskal. Kita juga sedang membangunkan strategi hasil jangka sederhana bagi menambah baik asas hasil, merangkumi pelaksanaan langkah hasil secara berperingkat, semakan semula perundangan cukai dan pemodenan pentadbiran hasil.

Semakan semula perbelanjaan awam juga akan kita laksanakan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan kerajaan. Semua inisiatif ini saya rasa penting kerana ia memastikan kedudukan kewangan kerajaan kekal kukuh dan seterusnya menyediakan ruang fiskal yang mencukupi bagi menghadapi sebarang krisis pada masa hadapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada soalan tambahan lagi?

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Merujuk balik kepada soalan asal yang ditanyakan oleh rakan kita Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, beliau hendak tahu bagaimana cara, mengambil langkah dan sebagainya.

Jadi, soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kita hendak mengatasi masalah ketirisan cukai yang mana kita tahu bahawa *black economy* ini saya rasa semakin berkembang balik. Sejauh manakah kerajaan melihat cukai kemakmuran yang dikenakan dalam Bajet 2022 ini akan membantu kerajaan meningkatkan lagi hasil? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, daripada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah menjawab tadi, soalan tersebut. Untuk memperbaiki kutipan hasil kita, belanja kepada pemodenan atau pelaburan kepada teknologi untuk memastikan hasil dikutip secara lebih terperinci. Cukai Makmur ini merupakan satu cukai yang penting bukan sahaja untuk kutipan hasil tetapi sebenarnya kalau ada sesetengah syarikat yang mempunyai keuntungan yang sedikit lebih banyak daripada jumlah RM100 juta, mereka mungkin akan mengambil keputusan daripada membayar cukai atau hasil kepada kerajaan, mereka akan membuat pelaburan semula kepada syarikat. Mereka akan membuat-terpulang dalam industri mana. Kalau macam syarikat kelapa sawit misalnya, mereka akan membuat *replanting*. Itu juga akan memberi atau merancakkan ekonomi.

Mungkin ada syarikat-syarikat yang besar juga akan membuat misalnya yang akan boleh memberi kelebihan kepada SME. Mereka ingin membuat pengubahsuaian pejabat misalnya untuk memperbaiki pejabat mereka yang lama dan memodenkan pejabat mereka. Itu juga akan memberi kelebihan kepada SME. Jadi, apa yang penting di sini selain daripada kutipan hasil, Cukai Makmur ini juga mudah-mudahan akan dapat mendorong syarikat-syarikat ini untuk membuat pelaburan yang lebih banyak di syarikat sekali gus merancakkan lagi domestik ekonomi dan juga membantu SME kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

**13. Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, pada tahap mana penggunaan teknologi IR4.0 dalam sektor pertanian di Malaysia, dan sejauh mana keberkesanannya dalam menjamin keselamatan makanan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa menggalakkan penggunaan teknologi berteraskan Revolusi Perindustrian 4.0 (4IR) seperti penggunaan sensor dan dron serta kaedah pertanian terkini oleh peladang, penternak dan juga petani bagi meningkatkan lagi hasil pengeluaran sekali gus untuk menjamin keselamatan makanan negara.

Hal ini kerana teknologi merupakan antara langkah penyelesaian bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor agromakanan di peringkat global dan juga di Malaysia seperti kekurangan sumber tanah bagi aktiviti pertanian, kebergantungan kepada tenaga buruh asing dan juga perubahan iklim.

Dalam hubungan ini, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah membangunkan beberapa aplikasi berteknologi berteraskan 4IR seperti Kit Pertanian Pintar dengan syarikat telekomunikasi *Maxis* iaitu, dengan izin, *NarrowBand Internet of Things* (NB-IoT) bagi pemantauan persekitaran, pengairan dan kelembapan tanah di bawah struktur lindungan hujan serta projek teknologi pertanian tepat bagi pengukuran nutrien di pokok.

Menerusi penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI, didapati bahawa aplikasi pertanian pintar yang berteraskan daripada 4IR membolehkan pembajaan dan pengairan tanaman dibuat dengan optimum serta mengurangkan risiko penyakit dan gangguan haiwan perosak. Keberkesanan ini juga dapat dilihat menerusi projek pembuktian konsep oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dengan kerjasama *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) iaitu Sistem Fertigasi Pintar bagi tanaman cili. Menerusi projek ini, kita dapat melihat pencapaian positif iaitu pengurangan kos operasi dan juga peningkatan pendapatan petani sehingga 30 peratus.

Oleh itu, LPP melaksanakan Program Ladang e-Satelit dengan peruntukan sebanyak RM10 juta yang berbentuk geran padanan dengan nisbah 70:30 dan had maksimum sebanyak RM30 ribu kepada Pertubuhan Peladang dan usahawan peladang. Setakat ini, seramai 394 orang peserta program sedang menjalankan projek dengan elemen pertanian pintar di seluruh negara.

Seterusnya, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, jabatan dan juga agensi di bawah MAFI seperti Jabatan Pertanian juga telah diluluskan peruntukan sebanyak RM232 juta bagi projek yang berteraskan teknologi 4IR seperti menaik taraf sistem pengairan pintar yang menggunakan *Internet of Things* (IoT). Aplikasi teknologi 4IR juga digunakan dalam sektor ternakan iaitu sistem daya jejak sarang burung walet. Bagi sektor perikanan pula, antara teknologi yang diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan merupakan sistem pintar dan tepat untuk ternakan ikan marin melalui teknologi *wireless sensor* dan IoT. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** Ya, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan berkenaan pendekatan 4IR dalam bidang pertanian yang lebih mengkhusus kepada sektor tanaman.

Saya hendak minta untuk diperincikan sedikit di sini, apakah inisiatif-inisiatif berkaitan teknologi Revolusi Perindustrian 4.0 ini yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dalam bidang perikanan khusus bagi mentransformasikan sektor perikanan negara? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Berhubung dengan inisiatif yang diambil untuk bidang pertanian, antara teknologi yang berteraskan kepada Revolusi Industri 4.0 (4IR) yang diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan merupakan sistem penentuan lokasi penangkapan ikan atau, dengan izin, *fishing site identification* (FSI).

#### ■1120

Jadi sistem ini untuk digunakan oleh nelayan ketepatan untuk mencari di manakah tempat ikan berada. Jadi dengan menggunakan sistem ini, bukan sahaja daripada yang dibangunkan dengan kepakaran daripada yang pertama itu tadi, Jabatan Remote Sensing dan juga Jabatan Perikanan Malaysia (LKIM) dan juga di bawah NEKMAT iaitu Persatuan Nelayan Kebangsaan untuk menjimatkan masa, untuk menjimatkan tenaga, mereka akan terus dapat mengenal pasti di manakah lubang ikan.

Jadi bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti dia, dia juga dapat mengurangkan kos operasi, dalam masa yang sama, penjimatan masa untuk pencarian. Dalam masa yang sama, penjimatan masa untuk kos bahan bakar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Soalan tambahan.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambah lagi? Baik, silakan.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah cadangan kerajaan menggunakan teknologi yang terkini seperti platform teknologi kewangan dan pasar berasaskan, dengan izin, *blockchain* kepada petani-petani kecil untuk meminimumkan peranan orang tengah?

**Tuan Yang di-Pertua:** *Blockchain* ya? Ya lah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semakin lama semakin banyak nampaknya terma ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Ya. Banyak terma baharu sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cubalah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Tentang *blockchain* ini ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Bagi memastikan supaya ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi orang kampung buat bendang tidak ada banyak terma ini jadi juga... *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** *Insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi tujuan dia sama lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Itu sebenarnya untuk penjimatan dan juga memastikan supaya tidak ada eksploitasi oleh orang-orang tengah terutamanya kepada petani-petani kita. Kita mahu melihat bahawa apa juga hasil yang dikeluarkan bukan sahaja mereka dapat mengecap nikmatnya bahkan tidak ada orang yang akan mengambil kesempatan daripada apa juga yang dibuat. Jadi kita hendak melihat kalau boleh petani-petani sahaja membuat perancangan yang rapi, bahkan dapat berhubung dengan jabatan-jabatan pertanian.

Kalau dia mengeluarkan apa juga dalam bidang pertanian, FAMA sentiasa akan membantu. Begitu juga untuk perikanan dan penternakan, DVS ada iaitu jabatan haiwan. Ini kerana kita mahu melihat supaya tidak ada mereka yang mengambil kesempatan, yang mengakibatkan bukan sahaja petani rugi, bahkan pembeli nanti akan juga menanggung kos yang tinggi.

Justeru itu, daripada melalui *Internet of Things* dan IR4.0 ini, kita boleh gunakan secara menggarap apa juga aktiviti-aktiviti yang ada bagi memastikan tidak ada ketirisan berlaku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih ...

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Soalan, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah. Siapakah yang- tidak mahu lagi ya? Baik.

Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 14.

**14. Tuan Aknan a/l Ehtook** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, langkah yang diambil bagi memastikan maklumat seperti keturunan dan agama yang tercatat pada Sijil Lahir diselaraskan secara automatik dengan maklumat dalam cip Kad Pengenalan tanpa perlu pemilik memohon untuk memindanya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]:** Salam hormat kepada Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini JPN sememangnya menyelaraskan secara automatik butiran yang terdapat dalam Sijil Lahir ke dalam cip Kad Pengenalan. Oleh itu, isu ini tidak berbangkit sebenarnya. Untuk makluman kita semua, maklumat seperti keturunan dan agama yang tercatat pada Sijil Lahir adalah berdasarkan kepada keturunan ibu bapa anak-anak sewaktu kelahiran berlaku.

Peraturan 4(c) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 telah menetapkan butir-butir maklumat individu yang didaftarkan pada Kad Pengenalan adalah berdasarkan kepada maklumat pada Sijil Lahir. Maklumat keturunan dan agama yang tercatat dalam daftar tidak boleh dipinda tanpa permohonan daripada pemilik Kad Pengenalan.

Sebarang pembetulan butir-butir kad pengenalan adalah tertakluk kepada Peraturan 14(c) PPN 1990 yang membolehkan pemilik membuat pindaan dengan segera di JPN semasa mengemukakan permohonan gantian. Maklumat dalam cip boleh dikeluarkan dengan maklumat baharu setelah penggantian atas pindaan butiran dalam Kad Pengenalan diluluskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Akan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Akan a/l Ehtook:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi itu saya ingin memberikan pandangan berbeza kerana berdasarkan pengalaman saya, dalam Sijil Lahir saya dicatatkan keturunan saya Siam tetapi dalam IC, dalam Kad Pengenalan masih lagi Thai. Jadi apabila saya bertanya macam mana hendak tukar, apa yang dilakukan oleh jabatan kepada saya ialah supaya saya memohon Kad Pengenalan baharu dan dibayar RM10. Sedangkan maklumat itu ada di jabatan dan saya tidak tahu pun perbezaan tersebut.

Jadi logik saya adalah, maklumat yang dalam kad pengenalan dan juga sijil lahir sepatutnya sama tanpa saya perlu campur tangan. Itu kelulusan jabatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini dalam konteks Siam dan Thai tadi ya? Baik.

**Tuan Jonathan bin Yasin** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan maklumat secara spesifik oleh Yang Berhormat Senator tadi, perkara ini akan kita lihat dan kita akan maklumkan kepada Yang Berhormat Senator nanti kerana ia merupakan isu spesifik. Akan tetapi secara *general*, sepatutnya maklumat di dalam Sijil Lahir sama dengan di dalam cip Kad Pengenalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk Bobbey bin Suan.

**Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 15.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nombor 15. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**15. Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, adakah fasiliti di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan pembelajaran secara hibrid.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]:** Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua dan juga semua Yang Berhormat Senator sekalian.

Kementerian sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan pelajar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Dalam usaha ini, kementerian telah memberikan perhatian terhadap pengukuhan infrastruktur dengan menambah baik rangkaian yang melibatkan liputan internet dan juga pelan data peranti yang berpatutan. Itu yang pertama.

Kedua ialah Kementerian turut mengambil langkah dalam usaha itu untuk menaiktarafkan *Malaysian Research and Education Network* (MYREN), dengan izin, dengan mempertingkatkan kebolehcapaian internet pada kadar 500 mbp kepada 10 gbp.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian dengan usaha universiti awam secara proaktif telah memberikan bantuan dalam bentuk peranti dan juga pelan data kepada pelajar sebagai usaha sokongan dalam hal ini.

- (i) bantuan sebanyak RM50 secara *one-off* untuk langganan awal pelan data dengan anggaran peruntukan daripada pihak kerajaan sebanyak RM3.8 juta diberikan kepada 76,153 orang pelajar baharu bagi sesi akademik 2020/2021;
- (ii) bantuan pelan data B40 dengan peruntukan sebanyak RM24 juta yang memanfaatkan hampir 320,396 orang pelajar; dan
- (iii) bantuan peranti bagi B40 bersasar yang melibatkan peruntukan sebanyak RM13.4 juta yang memanfaatkan hampir 8,965 orang pelajar.

Ini merupakan inisiatif bantuan peranti dan juga pelan data bagi menyokong IPT dalam usaha untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran secara hibrid dapat dilaksanakan dengan lancar selepas dari waktu pandemik COVID-19 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan.

Satu lagi soalan tambahan, apa usaha kerajaan dalam memastikan para pelajar khususnya yang tinggal jauh di luar bandar atau hulu dan sebagainya, contoh di Sabah dan Sarawak, bagi memastikan kemudahan capaian internet dapat direalisasikan di semua kawasan yang saya maksudkan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini jawapan yang susah juga saya hendak katakan sebab capaian internet tidak terangkum dalam ruang lingkup Kementerian Pengajian Tinggi.

Akan tetapi saya merasakan begini, kita sentiasa berusaha untuk membolehkan setiap pelajar mendapat manfaat yang terbaik dalam keadaan negara tengah krisis begini. Makanya saya melalui pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah berbincang dengan beberapa buah universiti yang ada untuk membuat seolah-olah sebagaimana apa yang dikatakan sebagai *the focal* pembelajaran yang berpusat. Di mana jikalau pelajar-pelajar yang jauh misal contoh di Ranau sebagai contoh tidak mempunyai kemudahan internet, makanya mereka boleh bergerak ke mana-mana institusi yang ada di sekitar yang mempunyai capaian internet yang membolehkan mereka meneruskan pengajian dan sebagainya.

Akan tetapi dalam proses begini, saya yakin bahawasanya *insya-Allah*, apa ini kita akan berusaha sebaik mungkin untuk berkolaborasi lebih mantap dengan pihak Kementerian Multimedia sebagai contohnya untuk memastikan capaian internet dapat dicapai di kawasan berkenaan.

■1130

Dalam konteks kementerian, untuk pengetahuan Yang Berhormat kita menyediakan MyRAM. Makna pelajar boleh akses segala bentuk kajian yang telah pun dibuat untuk membolehkan mereka meneruskan pengajian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk bersoal jawab berakhir. Kita berpindah kepada agenda yang berikutnya.

**[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PINDAAN) 2020**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum proses ini dilaksanakan, suka saya memaklumkan bahawa lantaran pengehadan peluang dan masa serta bilangan akta yang harus kita perkirakan dan luluskan di Dewan ini tetap seperti yang dijadualkan, maka catuan masa kena dilaksanakan. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, 13 orang ini maka diberi anggaran lapan minit seorang sahaja, tidak melebihi dalam masa kita berbahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**11.31 pg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang saya akan bantangkan merupakan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 yang digubal bagi memantapkan penguatkuasaan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja. Sebagaimana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 selepas ini disebut sebagai Akta 514 merupakan suatu akta yang membuat peruntukan:

Pertama, bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja.

Kedua, bagi melindungi orang lain seperti orang awam terhadap risiko kepada keselamatan dan kesihatan berkaitan dengan aktiviti orang yang sedang bekerja.

Ketiga, bagi menubuhkan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, dan keempat, bagi perkara lain yang berkaitan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Akta 514 ini dikuatkuasakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ringkasnya (JKKP). Ia digubal berlandaskan prinsip pengaturturan sendiri yang menekankan konsep tiga pihak iaitu komitmen-komitmen dan tanggungjawab kerajaan, majikan dan pekerja dalam memastikan keselamatan kesihatan dan kebajikan pekerja terjamin. Pada masa yang sama, terdapat satu lagi akta yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dikuatkuasakan oleh JKKP iaitu Akta Kilang dan Jentera 1967 selepas ini disebut Akta 139.

Akta 139 ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalan kilang berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang di dalamnya serta pendaftaran dan pemeriksaan jentera. Akta 139 telah dikuatkuasakan sejak tahun 1967, menggunakan pendekatan preskriptif yang tidak lagi sesuai dengan teknologi yang sentiasa berkembang pada masa ini.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan cadangan pindaan Akta 514, Kementerian memutuskan untuk memansuhkan Akta 139 dan memasukkan peruntukan berkaitan pemeriksaan jentera yang terdapat dalam Akta 139 ke dalam cadangan pindaan kepada Akta 514 tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, oh sudah bertukar. Setelah dikuatkuasakan selama 27 tahun, kini pindaan dibuat kepada Akta 514 bagi menambah baik dan memantapkan lagi perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara ini dengan objektif utama seperti yang berikut:

- (i) untuk meluaskan liputan pemakaian akta ini ke semua tempat kerja;
- (ii) untuk mengintegrasikan peruntukan yang terdapat di dalam Akta 139 dan Akta 514 bagi mewujudkan suatu perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang komprehensif selaras dengan perkembangan semasa;
- (iii) untuk mencegah risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan seawal mungkin melalui kewajipan prinsipal dengan menggunakan pakai prinsip pencegahan. Ini adalah selaras dengan perubahan yang berlaku dalam landskap pekerjaan teknologi dan proses kerja;
- (iv) untuk melindungi kesihatan pekerja melalui perkhidmatan kesihatan pekerjaan yang merupakan perkhidmatan bagi perlindungan kesihatan pekerja semasa bekerja bagi penggalakan kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja dan juga bagi pencegahan penyakit dan keracunan pekerjaan;
- (v) untuk mengambil kira saranan konvensyen antarabangsa bagi melindungi hak pekerja;
- (vi) mengenakan penalti di bawah akta yang lebih bersifat mencegah sesuatu kesalahan dilakukan; dan yang terakhir
- (vii) untuk mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja dan penyakit pekerjaan.

Dalam menggubal pindaan kepada Akta 514 ini, pihak Kementerian telah mengadakan pelbagai sesi libat urus semenjak tahun 2011 bersama agensi kerajaan, pemegang taruh, pihak industri serta pihak berkepentingan yang lain.

Cadangan pindaan ini juga turut dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (Pindaan) Undang-undang Perburuhan di bawah Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan juga Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak kesatuan majikan dan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 mengandungi 55 fasal yang merangkumi penambahan 27 seksyen baharu, pemotongan dua seksyen dan juga pindaan terhadap 35 seksyen yang sedia ada. Seterusnya, saya akan menjelaskan fasal-fasal utama dalam rang undang-undang ini.

Fasal 1, merangkumi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai penetapan tarikh permulaan kuat kuasa pindaan akta ini.

Fasal 2, bertujuan untuk meminda seksyen 1 bagi membolehkan pemakaian Akta 514 ke semua tempat kerja di seluruh Malaysia dan mengecualikan jenis pekerjaan tertentu daripada pemakaian Akta 514 sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual yang pertama. Pengecualian daripada pemakaian akta diberikan kepada pekerjaan di atas kapal yang dikawal selia di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 bagi Semenanjung Malaysia dan Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sabah dan Sarawak Pekerjaan Domestik dan Angkatan Tentera.



Fasal 3, bertujuan untuk meminda seksyen 3 mengenai tafsiran dengan memasukkan takrif penyedia latihan berdaftar, perakuan kelayakan, orang berlesen, orang kompeten, perkhidmatan kesihatan pekerjaan, kontraktor, ketua pengarah prinsipal dan pengawal perubatan berdaftar ke dalam Akta 514 serta meminda tarif lain bagi perkataan dan ungkapan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 5 bertujuan untuk menggantikan seksyen 5, dengan seksyen baharu bagi memperuntukkan antara lain seperti berikut:

- (i) memberi Menteri kuasa untuk melantik ketua pengarah, timbalan ketua pengarah, pengarah, timbalan pengarah, penolong pengarah, dan pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan lain daripada kalangan pegawai awam dalam skim pemeriksaan kilang dan jentera; dan
- (ii) memberi Menteri kuasa untuk melantik mana-mana pegawai awam daripada mana-mana skim perkhidmatan yang lain bagi maksud menguatkuasakan akta ini.

#### ■1140

Pegawai awam yang dilantik ini adalah tertakluk kepada batasan kawalan, arahan dan pengawasan Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan ringkasnya JKKP.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan empat seksyen baru iaitu seksyen 7A, 7B, 7C dan 7D. Peruntukan ini dimasukkan bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk memberikan lesen kepada mana-mana orang yang akan menjalankan pemeriksaan loji yang ditetapkan mengikut akta ini iaitu orang berlesen. Menteri boleh menetapkan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut bagi mengawal selia orang berlesen termasuklah membatalkan lesen orang tersebut jika orang itu telah melanggar mana-mana syarat yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 9 hingga 12 mengandungi pindaan kepada peruntukan berkenaan dengan Majlis Negara bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan selepas ini disebut Majlis. Antara pindaan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) menaikkan bilangan anggota Majlis iaitu tidak kurang daripada 22 orang anggota dan tidak lebih daripada 25 orang anggota, ketika ini saya sebagai Pengerusi Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan. Pada masa ini Majlis terdiri daripada tidak kurang daripada 12 orang dan tidak lebih daripada 15 orang anggota;
- (ii) menjelaskan senarai dan kriteria keanggotaan Majlis yang berdasarkan pengalaman atau pengetahuan khas yang luas dalam perkara yang berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan; dan
- (iii) meluaskan fungsi, skop dan fungsi Majlis dalam membuat syor kepada Menteri berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengan tujuan Akta 514 dan memberi Majlis kuasa untuk menyelaraskan perkara yang berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dijalankan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 14 bertujuan untuk meminda seksyen 5 [Akta 514] mengenai kewajipan am majikan dengan mengecualikan orang yang bekerja sendiri daripada seksyen ini memandangkan kewajipan orang bekerja sendiri telah diperuntukkan dalam seksyen 17 [Akta 514].

Melalui fasal ini juga, liputan kewajipan majikan di bawah seksyen 15 diperluas agar termasuklah membangunkan dan melaksanakan tatacara bagi berurusan dengan kecemasan yang boleh timbul semasa pekerjaanya sedang bekerja. Fasal 16 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 18(A), dan 18(B) seperti yang berikut:

- (i) seksyen baharu 18(A) memperuntukkan mengenai kewajipan kepada prinsipal untuk mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan keselamatan dan kesihatan mana-mana kontraktor, sub kontraktor dan pekerja yang diambil kerja oleh kontraktor atau sub kontraktor semasa menjalankan kerja mereka selagi prinsipal itu mempunyai kawalan ke atas mereka; dan
- (ii) seksyen baharu 18(B) memperuntukkan mengenai kewajipan majikan, orang yang bekerja sendiri atau prinsipal untuk menjalankan pentaksiran risiko dan untuk melaksanakan langkah-langkah kawalan jika diperlukan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Pindaan ini juga bertujuan untuk mencegah risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan seawal mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 18 hingga 20 mengandungi pindaan kepada peruntukan dalam Bahagian 5 mengenai kewajipan am pereka bentuk, pengilang dan pembekal. Antara pindaan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) memasukkan kewajipan am pereka bentuk, pengilang, pengimport dan pembekal sesuatu loji untuk memastikan pengguna dilengkapi dengan maklumat terkini jika diketahui terdapat risiko baru yang akan menjejaskan keselamatan dan kesihatan pekerja semasa menggunakan loji dan;
- (ii) memasukkan kewajipan am rumus, dengan izin, *formulator*, pengilang, pengimport dan pembekal sesuatu bahan untuk memastikan pengguna dilengkapi dengan maklumat terkini jika diketahui terdapat risiko baharu yang akan menjejaskan keselamatan dan kesihatan pekerja semasa menggunakan bahan.

Fasal 22 hingga 24 mengandungi pindaan kepada peruntukan dalam Bahagian 6 mengenai kewajipan am pekerja. Antara pindaan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) memasukkan seksyen baharu 26(A) mengenai hak pekerja untuk mengeluarkan dirinya daripada bahaya atau aktiviti kerja jika majikan gagal melakukan apa-apa tindakan untuk menghapuskan bahaya hampir pasti dan pekerja itu hendaklah dilindungi daripada akibat tidak wajar dan tidak boleh didiskriminasikan. Perlindungan hak pekerja ini adalah selaras dengan peruntukan dalam Konvensyen Antarabangsa, dengan izin, *Occupational Safety and Health Convention 1981, Number 155, C155*; dan
- (ii) meminda seksyen. Saya ubah balik Bahasa Malaysia iaitu dalam 1981, Nombor 155 atau C155 dan yang kedua meminda seksyen 27 bagi menjelaskan bahawa seseorang pekerja yang membantu dalam siasatan yang dijalankan oleh pegawai atau pengapit tidak boleh dikenakan tindakan oleh majikan seperti dipecat, dcederakan dalam pekerjaan atau diubah kedudukannya sehingga memudaratkan pekerja itu.

Pindaan Akta 514 ini turut melibatkan kemasukan bahagian baharu 6A melalui fasal 25 berkaitan dengan keperluan pemberitahuan menduduki tempat kerja, pemasangan, pemeriksaan, pembuatan, mengubah suai, mendirikan dan membuat apa-apa loji yang ditetapkan.

Bahagian 6A mengandungi seksyen baharu 27(a) hingga 27(g) yang antara lain memperuntukkan seperti yang berikut:

- (i) mengenakan kewajipan kepada orang yang menduduki atau menggunakan premis sebagai tempat kerja atau menjalankan aktiviti kerja yang ditetapkan untuk memberikan notis kepada pegawai bagi membolehkan penguatkuasaan dijalankan secara proaktif;

- (ii) memperuntukkan mengenai kuasa Menteri untuk menetapkan mana-mana loji yang memerlukan perakuan kelayakan;
- (iii) memperuntukkan bahawa tidak ada sesiapa pun dibenarkan untuk mengendali atau membenarkan pengendalian mana-mana loji yang ditetapkan tanpa perakuan kelayakan yang sah; dan
- (iv) memperuntukkan bahawa penghuni boleh memohon kelulusan bagi skim pemeriksaan khas daripada Ketua Pengarah berkaitan dengan pemeriksaan loji kelas tertentu dan tertakluk kepada pembayaran satu- fi. Jika permohonan diluluskan, pemeriksaan loji hendaklah dijalankan mengikut skim pemeriksaan khas.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 26 bertujuan untuk meminda seksyen 28, Akta untuk menggantikan sebutan mengenai pengawasan perubatan dengan sebutan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan. Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan mempunyai skop yang lebih luas termasuklah perkhidmatan bagi perlindungan kesihatan pekerja semasa bekerja bagi penggalakan kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja dan pencegahan penyakit pekerjaan dan keracunan pekerjaan.

Fasal 27 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 28(a) bagi memberi perlindungan kepada mana-mana orang yang menjalankan perkhidmatan kesihatan pekerjaan daripada dikenakan apa-apa tindakan oleh majikan kerana membuat aduan mengenai perkara yang dianggap risiko kepada kesihatan atau membuat laporan kepada Ketua Pengarah mengenai mana-mana penyakit yang dipercayainya menghidapi apa-apa penyakit pekerjaan atau keracunan pekerjaan.

Fasal 28 bertujuan untuk meminda seksyen 29 bagi memperuntukkan antara lain bahawa seseorang hendaklah dilantik sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan hanya untuk tempat kerja pada satu-satu masa melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah.

#### ■1150

Fasal 29 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 29A berhubung dengan kewajipan majikan untuk melantik salah seorang daripada pekerjanya sebagai penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja sekiranya majikan mengambil kerja seramai lima orang atau lebih pekerja.

Fasal 31 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 31A berhubung dengan kuasa Menteri untuk membuat perintah yang disiarkan dalam Warta bagi menghendaki mana-mana kelas atau perihal orang untuk menghadiri kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan penyedia latihan berdaftar di bawah akta.

Majikan hendaklah memastikan mana-mana orang tersebut menyelesaikan kursus tersebut sebelum membenarkan orang itu melaksanakan apa-apa kerja yang baginya latihan itu diperlukan. Latihan merupakan elemen keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang penting bagi memastikan pekerja yang menjalankan aktiviti berisiko tinggi diberi latihan yang diperlukan sebelum boleh menjalankan aktiviti tersebut.

Menjadi hasrat kementerian dengan adanya peruntukan mengenai latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam Akta 514, pekerja dapat menjalankan aktiviti kerja dengan selamat dan sihat, tidak membahayakan orang lain dan dengan itu dapat mencegah atau mengurangkan kemalangan di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 32 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu VIIA yang mengandungi seksyen 31B hingga 31F berkaitan dengan kawal selia aktiviti orang kompeten dan penyedia latihan berdaftar serta prosedur untuk pendaftaran, pembaharuan dan pembatalan pendaftaran orang yang kompeten dan penyedia latihan.

Ingin ditegaskan bahawa tujuan peruntukan mengenai orang kompeten dimasukkan ke dalam akta ini adalah untuk memastikan beberapa aktiviti yang dilaksanakan seperti pemasangan loji, pengendalian loji serta pentaksiran risiko kesihatan hendaklah dilaksanakan oleh orang yang benar-benar kompeten dan perlu berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Peruntukan ini dilihat sebagai salah satu usaha untuk menambah baik Akta 514 bagi mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja yang merupakan objektif dan tujuan utama rang undang-undang digubal.

Bagi penyedia latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan pula, kehendak bagi pendaftaran dengan JKPP adalah untuk memastikan kualiti latihan dan perkhidmatan penyedia latihan sentiasa berada pada standard yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 33 hingga 35 bertujuan untuk meminda peruntukan dalam Bahagian VIII antara lain bertujuan untuk:

- (i) membenarkan pengapit yang dilantik oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 32(2) untuk memasuki dan memeriksa mana-mana premis bagi menjalankan inkuri; dan
- (ii) memasukan seksyen baharu 34A berhubung dengan kewajipan pemunya atau penghuni atau majikan untuk membantu pengapit dalam apa-apa inkuri yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 36 bertujuan untuk memasukan subseksyen baharu 35(3) bagi mewujudkan penalti khusus bagi kesalahan di bawah subseksyen 35(1) mengenai ketidakpatuhan terhadap perintah larangan penggunaan loji atau bahan iaitu denda tidak melebihi RM500 ribu dan penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Agak teknikal, Tuan Yang di-Pertua.

Fasal 37 bertujuan untuk memotong seksyen 36 mengenai rayuan orang yang terkilan dengan perintah yang dikeluarkan di bawah seksyen 35.

Selanjutnya, fasal 38 hingga 41 bertujuan untuk meminda peruntukan dalam Bahagian XI antara lain bagi memberikan kuasa tambahan kepada pegawai semasa menjalankan penguatkuasaan Akta 514.

Fasal 42 hingga 46 bertujuan untuk meminda peruntukan dalam Bahagian XII antara lain bagi memperkatakan perkara berikut:

- (i) tanggungan pengarah, pekongsi, pengurus, setiausaha dan sebagainya apabila kesalahan dilakukan oleh syarikat;
- (ii) penalti bagi seseorang atas perbuatan, peninggalan, pengabaian atau pengingkaran yang dilakukan oleh pekerja atau ejen orang itu atau pekerja ejen orang itu; dan
- (iii) memperuntukkan mengenai keterangan yang menjelaskan bahawa apa-apa laporan rekod atau daftar atau apa-apa cabutan daripadanya yang diperakui oleh pegawai boleh digunakan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding atau perbicaraan mahkamah.

Fasal 50 bertujuan untuk menggantikan seksyen 67 bagi memperuntukkan kewajipan terhadap mana-mana orang termasuk seorang pegawai, badan pemeriksa bebas kepakaran daripada mana-mana bidang dan penilai untuk melindungi kerahsiaan maklumat bagi perkara-perkara yang telah dikelaskan dan diisytiharkan sebagai rahsia pengeluaran atau perdagangan oleh penghuni atau pemilik. Kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen ini boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM100 ribu dan penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Fasal 51 bertujuan untuk memasukkan seksyen yang berikut:

- (i) seksyen baharu 67A bagi memberikan kuasa kepada Menteri atas syor Ketua Pengarah untuk mengecualikan mana-mana loji, bahan, proses, orang atau tempat kerja atau kelas orang atau kelas tempat kerja daripada mana-mana peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya; dan
- (ii) seksyen baharu 67B bagi memberikan kuasa kepada Menteri untuk meminda jadual-jadual kepada akta ini kecuali Jadual Pertama.

Fasal 52 hingga 54 memperkatakan mengenai pindaan kepada jadual sedia ada dan memasukan Jadual baharu Keempat dan Kelima.

Fasal 55 mengandungi peruntukan kecualian bagi akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dinyatakan, salah satu objektif pindaan kepada Akta 514 adalah untuk mengenakan penalti yang lebih bersifat mencegah terhadap sesuatu kesalahan yang telah dilakukan.

Sehubungan dengan itu, fasal 17, 20, 22, 30 dan 41 mengandungi peruntukan yang secara amnya menaikkan jumlah penalti yang ditetapkan secara khusus bagi kesalahan-kesalahan tertentu di bawah akta seperti yang berikut:

- (i) fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 19 bagi menaikkan kadar denda bagi kesalahan di bawah seksyen 15, 16 dan 17 daripada RM50 ribu kepada RM500 ribu, dan denda ini juga terpakai bagi kesalahan di bawah seksyen baharu 18A, dan juga 18B.
- (ii) fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 23 bagi menaikkan kadar denda bagi kesalahan di bawah seksyen 20, dan 21 daripada RM20 ribu, kepada RM200 ribu;
- (iii) fasal 22 bertujuan untuk meminda seksyen 24 bagi menaikkan kadar denda bagi kesalahan di bawah seksyen tersebut daripada RM1,000 kepada RM2,000;
- (iv) fasal 30 bertujuan untuk meminda seksyen 30 bagi menaikkan kadar denda bagi kesalahan di bawah seksyen tersebut daripada RM5,000 kepada RM100 ribu;
- (v) fasal 41 bertujuan untuk meminda seksyen 49 bagi menaikkan kadar denda bagi kesalahan di bawah seksyen tersebut daripada RM50 ribu kepada RM500 ribu dan menaikkan kadar denda bagi kesalahan berterusan daripada RM500 kepada RM2,000 bagi setiap hari

#### ■1200

Fasal 42 pula mengandungi pindaan untuk menaikkan penalti am bagi kesalahan-kesalahan di bawah akta dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta yang tidak diperuntukkan secara nyata dalam peruntukkan khusus daripada RM10 ribu kepada RM100 ribu. Pindaan lain yang tidak dinyatakan secara khusus adalah pindaan bersifat kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini merupakan satu usaha kerajaan yang penting dan signifikan bagi menambah baik aspek keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja dan bagi melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan kesihatan berkaitan aktiviti orang yang sedang bekerja.

Rang undang-undang ini juga menunjukkan usaha dan komitmen kerajaan dalam memastikan undang-undang buruh di negara ini termasuklah perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah selaras dengan kehendak di bawah instrumen sejagat. Secara khususnya C155. Ini seterusnya dapat meningkatkan imej negara di mata dunia.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan, dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia yang telah membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 bagi bacaan kali kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]:** Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua tadi telah mengusulkan untuk lapan minit setiap perbahasan kerana kita ada 13 orang pembahas untuk perbahasan.

- (i) Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair;
- (ii) Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek;
- (iii) Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff;
- (iv) Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan;
- (v) Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan;
- (vi) Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah;
- (vii) Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya;
- (viii) Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad;
- (ix) Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin;
- (x) Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin;
- (xi) Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah;
- (xii) Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying; dan
- (xiii) Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Untuk itu, saya menjemput pembahas pertama iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Dipersilakan.

## 12.02 tgh.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan varian *Omicron* yang menggemparkan negara kita baru-baru ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada sektor-sektor kerja tempatan yang banyak menggunakan khidmat warga asing sebagai tenaga kerja mereka. Seperti yang dinyatakan baru-baru ini oleh Menteri Dalam Negeri, terdapat kawalan dalam proses pengambilan tenaga kerja asing kerana pihak Kementerian Dalam Negeri sedang menetapkan prosedur tertentu bagi kemasukan warga asing ke negara ini.

Sebagai langkah berjaga-jaga, saya ingin menyarankan agar pihak kementerian dapat merangka alternatif baharu yang membolehkan industri-industri tempatan mahupun multi nasional dapat beroperasi seperti sedia kala tanpa memerlukan penglibatan tenaga warga asing. *Every crisis comes with an opportunity*, dengan izin.

Saya percaya antara hikmah kewujudan varian *Omicron* ini adalah untuk kerajaan merencanakan dasar-dasar baharu yang boleh meningkatkan penglibatan tenaga kerja tempatan khususnya ke dalam sektor perkilangan dan perladangan yang juga dikenali sebagai sektor 3D atau *dirty, dangerous and difficult*. Sudah tentu antara aspek penting yang perlu diberikan penekanan oleh pihak kementerian merupakan soal gaji. Tiada makna jika industri-industri pembuatan dan perladangan menikmati penjimatan kos buruh menerusi pengambilan pekerja asing sedangkan di luar sana ribuan rakyat tempatan khususnya anak muda yang masih mencari peluang pekerjaan.

Tidak dinafikan kenaikan kos sara hidup semasa merupakan antara sebab utama golongan pencari kerja di negara ini masih mencari peluang pekerjaan yang boleh menawarkan gaji yang berpatutan dan relevan dengan cabaran tugas yang dihadapi. Kadar gaji RM2,000 yang termasuk elaun *overtime* wajar dipertimbangkan semula oleh pihak kementerian. Dalam keadaan harga barang yang tidak menentu di samping peningkatan kos sara hidup yang lain, kadar minimum bagi gaji di sektor 3D harus dinaikkan kepada di antara RM2,500 hingga RM3,000 iaitu kadar yang setimpal dengan risiko kerja dengan jumlah masa yang dedikasikan oleh tenaga kerja.

Dalam perihal sumber manusia, gaji merupakan perkara paling asas dalam membentuk kelestarian satu-satu sektor pekerjaan. Terutamanya dalam situasi pandemik hari ini amatlah tidak wajar bagi kerajaan mengalu-alukan kedatangan pekerja asing ke negara kita hanya kerana mereka merupakan buruh murah.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pemberian dos penggalak sedang diperluaskan di seluruh negara, kementerian seharusnya menyediakan pemudah cara buat sektor-sektor pekerja tempatan dalam melaksanakan pemberian dos penggalak khususnya industri perkilangan yang melibatkan tenaga kerja yang ramai. Seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan, pengambilan dos penggalak ini dapat mengadakan perlindungan terhadap risiko jangkitan COVID-19, lebih-lebih lagi varian delta sudah mula dikenal pasti di negara ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyatakan galakan kepada industri perkilangan tempatan untuk menjadikan kilang-kilang mereka sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi menggalakkan kesesakan di pusat-pusat pemberian vaksin di seluruh negara. Pihak penguat kuasa kementerian di setiap negeri perlu melakukan pemeriksaan atau *spot check* terhadap kilang-kilang yang beroperasi secara aktif dalam aspek vaksinasi pekerja.

Di samping itu, pihak majikan juga perlu menyediakan apa-apa juga bentuk kemudahan yang boleh memudahkan mereka mempercepatkan proses pemberian vaksin termasuk dos penggalak kepada para pekerja mereka khususnya pekerja asing. Selain pelaksanaan vaksinasi, kementerian juga perlu memastikan kilang-kilang serta sektor-sektor pekerja yang lain melakukan pemeriksaan asas kesihatan termasuk ujian saringan COVID-19 secara berkala bagi memastikan kesihatan para pekerja berada pada tahap yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, bagi sektor 3D termasuk industri perladangan dan pembuatan, penyediaan tempat tinggal yang selesa, selamat dan bersih buat pekerja tempatan dan asing perlu diwajibkan bagi setiap majikan dalam memastikan tiada majikan yang mengambil sikap acuh tidak acuh dalam melaksanakan pematuhan ini.

Pihak penguat kuasa kementerian di seluruh negara perlu berperanan sebagai inspektor untuk memeriksa tahap keselamatan tempat tinggal pekerja khususnya pekerja asing. Penguatkuasaan ini bukan untuk melebihi-lebihkan layanan kepada pekerja asing. Akan tetapi pada hakikatnya bertujuan untuk melindungi permasalahan pekerja tempatan yang bekerja dalam persekitaran yang sama.

Cuba kita bayangkan sekiranya pekerja asing tempatan di tempat tinggal yang tidak bersih dan tidak selamat mereka boleh terdedah dengan risiko jangkitan pelbagai penyakit yang boleh menjangkiti pekerja-pekerja lain biarpun mereka tidak tinggal sebumbung dengan mereka.

#### ■1210

Lebih teruk lagi jika kawasan persekitaran tempat tinggal mereka terdapat banyak tempat takungan air tempat nyamuk aedes bertandang, majikan tidak seharusnya membiarkan pekerja-pekerja mereka tinggal dalam persekitaran yang banyak nyamuk yang boleh mengundang bahaya jangkitan demam denggi yang kemudiannya memberi kesan kepada produktiviti sesebuah syarikat yang terjejas dengan pengurangan tenaga kerja.

Penyediaan tempat tinggal pekerja yang kondusif juga boleh meningkatkan motivasi pekerja lebih-lebih lagi dalam sektor perladangan. Tugas-tugas rutin bagi setiap pekerja di ladang-ladang sudah tentu memerlukan kudrat yang banyak dan perkara ini seharusnya diberi perhatian oleh pihak majikan yang perlu meletakkan kebajikan pekerja sebagai prioriti utama dalam pengurusan sumber manusia syarikat mereka.

Dalam hal ini, tidak salah sekiranya pihak kementerian mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi bagi menyediakan perancangan khusus dalam aspek penyediaan tempat tinggal pekerja terutama pekerja tempatan dan yang kebanyakan daripada mereka tidak berkemampuan untuk menyewa rumah.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2020. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

#### 12.12 tgh.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran untuk membenarkan saya berpartisipasi dalam rang undang-undang perbahasan berkaitan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan rang undang-undang ini ada beberapa perkara yang menjadi punca keprihatinan saya antara lain adalah berkaitan kesihatan mental pekerja di bawah rang undang-undang ini.

Ketika ini, tiada undang-undang atau peraturan berkaitan pekerja dan kesihatan mental secara khusus disebut dalam rang undang-undang ini. Aspek pembangunan kesihatan mental merupakan dimensi penting yang mana sewajarnya rang undang-undang ini sepatutnya menyediakan peruntukan bagi menyediakan sokongan kesejahteraan mental di tempat kerja.

Maka soalan saya kepada Menteri, bagaimana rang undang-undang pindaan ini memberikan prioriti, tumpuan, sokongan dalam aspek sokongan, intervensi dan kesejahteraan kesihatan mental pekerja dan apakah isu kesihatan mental pekerja ini termasuk dalam definisi isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau perkhidmatan kesihatan yang dimaksudkan dalam rang undang-undang ini termasuk perkhidmatan kesihatan bagi isu kesihatan mental.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil perhatian terhadap pindaan-pindaan ini yang melibatkan hukuman yang lebih tinggi yang lebih berat atas justifikasi yang signifikan iaitu bagi pencegahan dan melindungi kebajikan pekerja serta mendidik majikan agar lebih bertanggungjawab dalam aspek keselamatan dan kesihatan serta kebajikan mereka.

Kita boleh lihat dalam rang undang-undang ini, hukuman denda telah meningkat sehingga RM500 ribu bagi kesalahan tertentu sebagai peringatan, pendidikan dan hukuman kepada pesalah. Ia membawa soalan saya kepada Timbalan Menteri berapakah peratus kes-kes pendakwaan yang dibuat oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) terhadap majikan atau syarikat yang telah berjaya disabitkan dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah setakat ini.

Adakah rang undang-undang yang baharu ini akan memberikan impak daripada segi peningkatan pendakwaan dan sabitan kes-kes bagi memberikan keadilan kepada para pekerja dengan peningkatan jumlah denda.



Soalan saya yang selanjutnya juga kepada Timbalan Menteri, apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian dan JKKP untuk membuat penelitian yang menyeluruh sama ada wujud sebarang kelemahan dalam proses pendakwaan atau siasatan kemalangan yang dijalankan yang membawa kepada kegagalan pihak pendakwaan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon penjelasan Menteri apakah dengan pindaan rang undang-undang ini yang cukup besar ini kementerian juga mengambil kira isu fundamental iaitu penguatkuasaan rang undang-undang ini termasuk kelemahan penguatkuasaan, kekurangan pegawai pemeriksa, kelewatan siasatan yang sedikit sebanyak boleh menyebabkan pasukan JKKP ini dibebani dengan tugas yang tidak tertanggung.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyaksikan pindaan terbesar dalam rang undang-undang ini apabila ia melibatkan 55 fasal merangkumi penambahan 27 seksyen baharu, pemotongan dua seksyen dan pindaan terhadap 35 seksyen sedia ada. Ia juga selaras dengan kehendak di bawah instrumen universal atau sejagat khususnya Konvensyen Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1981.

Rang undang-undang ini bagi saya antara rang undang-undang yang cukup komprehensif bagi memastikan Malaysia berada dalam landasan yang tepat untuk melindungi dan memastikan kebajikan pekerja berdasarkan piawaian antarabangsa. Hak pekerja untuk mendapatkan perlindungan keselamatan dan kesihatan adalah hak asasi yang bukan sahaja dijamin oleh undang-undang tetapi juga hak asasi sejagat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

#### 12.16 tgh.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya membuat perbincangan kepada Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020. Izinkan saya memetik sebuah hadis sabda Rasulullah SAW, "*Tidak boleh membuat bahaya kepada diri sendiri dan tidak boleh membahayakan orang lain*". Riwayat Muslim.

Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 untuk meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] mengandungi 55 fasal merangkumi penambahan 27 seksyen baru, pemotongan dua seksyen dan pindaan terhadap 35 seksyen yang sedia ada. Pindaan RUU ini perlu dibuat untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja terpakai di semua tempat kerja seluruh Malaysia termasuk sektor awam dan pihak berkuasa berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai matlamat keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, majikan mahupun pekerja mestilah bersama-sama berusaha mewujudkan suasana dan budaya kerja yang baik. Isu keselamatan pekerja perlu dilihat bukan sahaja daripada segi kesan fizikal secara langsung oleh cara kerja atau persekitaran kerja kepada pekerja sahaja. Malah kita perlu melihat lebih jauh lagi kesannya kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Tadi sahabat saya Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek telah menyentuh berkaitan kesihatan mental dan sekali lagi saya akan menyentuh isu kesihatan mental pekerja yang sering terlepas pandang. Kesihatan mental pekerja yang tidak terjaga boleh membawa kepada implikasi yang lebih sukar untuk kita atasi.

Persekitaran tempat kerja, hubungan sesama pekerja, hubungan dengan orang bawahan atau atasan atau majikan yang tidak baik boleh menjadi punca kepada kesihatan mental yang tidak sihat yang seterusnya menjadi punca kepada prestasi kerja yang merosot, kesan emosi kepada rakan sekerja, orang bawahan dan majikan.

Keadaan yang boleh mencetuskan persekitaran kerja yang tidak sihat yang akhirnya menjadi satu kitaran yang tidak berkesudahan. Pasangan atau anak-anak akan menjadi mangsa melampiasakan emosi dan menjadi bibit-bibit permulaan keganasan rumah tangga seterusnya mengakibatkan keruntuhan institusi keluarga dan juga masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana kerajaan memastikan atau memantau kursus-kursus atau latihan keselamatan dan kesihatan oleh majikan dan saya memohon penjelasan adakah modul kesihatan mental dimasukkan dalam silibus khusus tersebut. Akta ini juga perlu melindungi wanita yang bekerja; keselamatan, kebajikan dan kesihatan wanita di tempat kerja wajib diberi perhatian oleh majikan serta sistem sokongan yang lain, 65 peratus pekerja kesihatan merupakan wanita.

Dalam suasana pandemik COVID-19 yang masih lagi melanda negara bagaimana keselamatan, kesihatan dan kebajikan mereka dijaga. Adakah pihak kerajaan mempunyai sistem pemantauan khusus untuk memastikan wanita bekerja adalah selamat dan kesihatan fizikal dan mental serta kebajikan mereka terjaga.

#### ■1220

Adakah dengan akta ini menjamin kebajikan, keselamatan dan kesihatan mereka? Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian berkenaan isu pakaian wanita yang tidak dibenarkan menutup aurat di tempat kerja. Majikan perlu memberi kebebasan kepada pekerja untuk berpakaian menutup aurat semasa bekerja.

Ini merupakan hak dan kewajipan seorang wanita Muslim yang wajib dilaksanakan. Ia bukan isu remeh-temeh, isu ini menjaga keselamatan wanita dan melindungi wanita daripada membuat dosa merupakan isu besar yang wajib dilaksanakan oleh pimpinan di sebuah negara yang agama rasminya Islam. Sudah tiba masanya kerajaan membenarkan pramugari bekerja dengan berpakaian menutup aurat. Kerajaan boleh memulakan dengan syarikat penerbangan MAS sebuah syarikat milik kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, teringat saya suatu masa dahulu di mana saya terpaksa membuka tudung semasa menjalankan tugas di dewan bedah. Keterpaksaan dan jiwa yang sering terganggu kerana terpaksa berada dalam dilema di antara menjalankan tugas menyelamatkan nyawa dan menunaikan kewajipan menutup aurat. Apabila kerajaan mula membenarkan tudung di dewan bedah dan jururawat boleh bertudung, ia sudah menjadi suatu normalisasi budaya kerja yang baharu tanpa memberi kesan buruk kepada pesakit dan tidak menjejaskan prestasi kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah akta ini boleh memberi hak kepada pramugari Muslim untuk menuntut supaya dibenarkan memakai pakaian menutup aurat? Ini kerana ini juga penting demi menjaga kesihatan mental, keselamatan dan hak dalam menunaikan kewajipan sebagai seorang Islam.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah Ayat 195 yang bermaksud, *“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan, perbaikilah segala usaha dan perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha supaya baik amalannya.”* Surah Al-Baqarah Ayat 195. Dengan itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan. Dipersilakan.

#### 12.22 tgh.

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya sama-sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, tempat kerja boleh diibaratkan sebagai rumah kedua bagi seseorang pekerja. Rutin harian seorang pekerja selain daripada rumah semestinya berulang alik ke tempat kerja iaitu tempat mereka mencari rezeki untuk keluarga. Boleh dikatakan lapan jam sehari, lima hari seminggu dan ada yang tujuh hari seminggu. Malah ada yang hidup mereka terpaksa didedikasikan di tempat kerja.

Seperti kediaman tempat kerja yang selamat juga menjadi dambaan setiap pekerja bagi melindungi mereka sama ada daripada aspek keselamatan kesihatan dan kebajikan. Majikan juga berperanan penting dalam menyediakan sebuah tempat kerja yang selamat untuk pekerja mereka dan memastikan ia bebas daripada risiko kemalangan dan penyakit. Ini kerana jika persekitaran tempat kerja tidak selamat dan merisikokan pekerja, majikan juga turut berisiko kehilangan pekerja tanpa mengira tahap kemahiran mereka. Saban tahun kita dihidangkan dengan berita berkaitan kemalangan di tempat kerja yang berpunca daripada pelbagai faktor sekali gus menyebabkan pekerja tersebut kehilangan mata pencarian.

Antara industri yang mencatatkan kadar kemalangan tinggi merupakan perkilangan, pembinaan serta kemudahan utiliti. Manakala bagi industri yang mencatatkan kematian pekerjaan yang tinggi iaitu pembinaan, perlombongan dan pengkuarian serta perkilangan. Sebagai rekod, pada tahun 2020 sebanyak 32,674 kes kemalangan pekerjaan direkodkan dan 312 daripadanya ialah kes maut. Secara puratanya, bagi setiap 1,000 orang pekerja kadar kemalangannya sebanyak 2.18 peratus manakala kadar kematian pekerja pula merupakan 2.09 peratus setiap 100 ribu orang pekerja.

Jumlah ini dilihat sebagai menurun berbanding rekod pada tahun 2019 iaitu penurunan 20 peratus bagi kadar kemalangan dan 45 peratus bagi kadar kematian. Namun, ia tidak boleh dilihat sebagai suatu pencapaian atau kejayaan dalam pengamalan keselamatan di tempat kerja. Ini kerana kita perlu mengambil kira tahun 2020 merupakan tahun yang mana pandemik COVID-19 meletus dan kebanyakan tempat kerja tidak beroperasi bagi suatu tempoh yang agak lama. Melihat kepada data dan rekod yang pastinya tidak menyeronokkan ini merupakan satu langkah yang bernas dan wajar apabila kerajaan meminda seksyen 19 dalam rang undang-undang ini yang mana jumlah denda dinaikkan daripada RM50 ribu kepada RM500 ribu.

Walau bagaimanapun, beberapa persoalan juga ingin diajukan selaras dengan pelaksanaan pindaan ini. Pertama, apakah statistik semasa pada tahun 2021 jumlah syarikat dan majikan yang dikenakan tindakan di bawah akta ini? Apakah makna tahap penguatkuasaan kerajaan berkenaan isu ini?

Kedua, nyatakan jumlah denda dan penalti yang telah dikenakan kepada majikan di bawah akta ini dan adakah kerajaan turut memberikan sebarang diskaun atas sebab-sebab yang tertentu?

Ketiga, apakah bentuk keadilan yang diterima oleh pekerja yang mengalami kecederaan dan ahli keluarga pekerja yang meninggal dunia disebabkan kemalangan di tempat kerja? Adakah terdapat pampasan lain yang turut diberikan selain daripada pampasan menerusi caruman PERKESO?

Keempat, nyatakan jumlah pampasan yang dikeluarkan oleh PERKESO kepada pekerja atau waris pekerja yang meninggal dunia. Terakhir, apakah tindakan kementerian terhadap majikan yang enggan mengajikan semula pekerja yang cedera dan melakukan helah supaya pekerja berhenti secara paksa rela disebabkan kekurangan keupayaan selepas kemalangan di tempat kerja?

Saya juga ingin menyentuh mengenai kesihatan mental pekerja, memandangkan saya kira ia merupakan antara aspek penting dalam kesihatan pekerja. Sehingga tahun 2020, lebih setengah juta orang rakyat Malaysia didiagnosis mengalami depresi dan jumlah itu pastinya meliputi para pekerja. Secara dasarnya, aspek kesihatan fizikal boleh dilihat dengan mata kasar namun tidak bagi kesihatan mental. Malah sering kali kesihatan mental dipandang rendah oleh ramai pihak termasuk majikan dan menganggap pekerja hanya berpura-pura atau sengaja mengadakannya.

Suatu perkara yang pasti dan suatu realiti tekanan di tempat kerja adalah suatu yang nyata dan wujud. Boleh dikatakan hampir semua pekerja mengalaminya, yang membezakannya adalah bagaimana seseorang pekerja mampu mengawalinya dan sejauh mana tekanan itu menekan mereka daripada aspek emosi dan mental. Persekitaran kerja yang toksik boleh dikatakan ada di semua tempat pekerja, apatah lagi politik di tempat kerja, dasar *favoritism*, rasis dan sebagainya.

Ada yang terpaksa bertahan dengan pekerjaan mereka walaupun menghadapi tekanan melampau disebabkan sukar mendapat pekerja di tempat lain, sekali gus menyebabkan tekanan yang lebih teruk serta mempengaruhi prestasi kerja. Disebabkan perkara sebegini, ada yang menyatakan tempat kerja dan rakan sekerja yang baik merupakan suatu anugerah.

Ditambah lagi dengan situasi bekerja semasa pandemik COVID-19, ada kata-kata yang menyebut mereka yang bekerja seharusnya bersyukur kerana masih mempunyai pekerjaan dalam situasi ramai yang kehilangan kerja.

Namun ramai yang tidak sedar, dugaan bekerja semasa pandemik jauh lebih mencabar. Antaranya cabaran bekerja dari rumah dengan persekitaran kerja yang kurang kondusif. Bayangkan sahaja melakukan tugas sebagai pekerja dalam masa yang sama perlu mengendalikan anak-anak yang masih kecil. Memantau anak-anak yang belajar dalam talian, persekitaran rumah yang mungkin bising dengan pelbagai gangguan sedikit sebanyak ia memberikan tekanan kepada seseorang pekerja.

#### ■1230

Belum lagi ditambah dengan majikan yang tidak bertimbang rasa; memaksa pekerja sentiasa bersedia- *standby*. Akhirnya, waktu kerja selama lapan jam menjadi 24 jam, di mana-mana sahaja tanpa mengira masa dan tempat. Ini adalah serba sedikit penyumbang kepada masalah kesihatan mental di tempat kerja. Banyak lagi sebenarnya punca dan akar kepada masalah ini. Namun, dalam membicarakan aspek ini, apa yang ingin ditekankan adalah peri pentingnya kesihatan mental seseorang pekerja.

Justeru, beberapa persoalan juga ingin saya ajukan; nyatakan rekod berkaitan kesihatan mental yang diterima di tempat kerja dan statistik bagi aduan berkenaan majikan yang memaksa pekerja berhenti kerja atau memberhentikan pekerja disebabkan isu kesihatan mental pekerja.

Kedua, adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk mewajibkan pekerja menjalani ujian kesihatan mental secara berkala dan menyediakan sesi kaunseling kepada pekerja yang memerlukannya?

Ketiga, adakah terdapat sebarang kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia yang memperuntukkan satu peruntukan spesifik berkaitan kesihatan mental pekerja?

Keempat, nyatakan jika terdapat sebarang bentuk aduan berkenaan kesihatan mental diterima daripada pekerja asing, terutamanya dalam sektor 3D dan penyelesaian yang dilakukan bagi aduan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan. Dipersilakan.

#### 12.32 tgh.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], dan dipinda dengan Pindaan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2020 merupakan satu usaha kerajaan yang tepat pada masanya.

Ia hadir ketika mana negara sedang melalui satu tempoh yang mencabar untuk berhadapan dengan pandemik COVID-19. Turut terkesan dalam pandemik ini merupakan golongan pekerja yang sebahagiannya telah diberhentikan kerja oleh majikan yang juga terkesan dengan pandemik ini dan juga kes-kes lain yang dialami oleh golongan pekerja.

Adalah penting majikan untuk menyediakan kemudahan asas yang secukupnya kepada para pekerja. Mengikut maklumat yang saya terima melalui Kementerian Sumber Manusia, kesalahan paling banyak ialah majikan yang tidak menyediakan kemudahan asas kepada pekerja. Tidak kiralah sama ada mereka merupakan pekerja warga tempatan mahupun warga asing, majikan mestilah melayani mereka sebagai manusia.

Saya membaca kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia bahawa terdapat sebanyak 5,003 aduan kes berkaitan pelbagai isu perburuhan menerusi aplikasi *Working For Workers* (WFW) sejak ia dilancarkan pada bulan Mei sehingga 6 Julai pada tahun ini. Antara kesnya adalah; sebanyak 2,154 kes melibatkan majikan tidak membenarkan bekerja dari rumah ketika pandemik COVID-19 diikuti gaji yang tidak dibayar atau pembayaran gaji lewat sebanyak 1,180 kes. Terdapat juga kes seperti aduan potongan upah tidak mengikut undang-undang sebanyak 388 kes; dibuang tanpa notis sebanyak 312 kes; tiada bayaran lebih masa dan faedah pemberhentian sebanyak 306 kes.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kerajaan untuk menambah peruntukan berkaitan pemeriksaan jentera yang terdapat dalam Akta 139 ke dalam cadangan pindaan RUU Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2020 merupakan satu langkah bijak untuk pengawalan kilang berkenaan dengan perkara yang berhubung dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang di dalam serta pendaftaran dan pemeriksaan jentera. Sebelum ini dikuatkuasakan sejak tahun 1967 iaitu kira-kira 54 tahun yang lalu dengan kecanggihan teknologi ketika itu. Sudah tentu peralatan yang digunakan ketika ini jauh lebih canggih dan ia tidak lagi sesuai sekiranya menggunakan akta tahun 1967.

Saya juga ingin menyentuh dalam perbahasan saya berkaitan dengan menambah baik dan memantapkan lagi perundangan dan kesihatan pekerjaan di negara ini iaitu pindaan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau Akta 514 bagi menambah baik dan memantapkan lagi perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Selain daripada melindungi kesihatan pekerja melalui perkhidmatan kesihatan pekerjaan, pindaan ini sangat penting bagi menyahut saranan konvensyen antarabangsa bagi melindungi hak pekerja, mengenakan penalti yang lebih bersifat mencegah sesuatu kesalahan yang dilakukan, dan mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja dan penyakit pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan sokongan terhadap hukuman yang dikenakan kepada majikan yang tidak mengikut akta ini dinaikkan daripada sebanyak RM50 ribu kepada RM500 ribu bagi kesalahan dan kegagalan majikan untuk membentuk dasar keselamatan dan kesihatan.

Seksyen 22(3) pula menaikkan denda daripada RM20 ribu kepada RM200 ribu bagi pihak yang melanggar peruntukkan seksyen 21 dan 22 mengenai kewajipan pengilang ke atas loji dan bahan bagi kegunaan semasa bekerja.

Saya juga ingin mencadangkan supaya hukuman penjara yang lebih berat diambil ketika dalam usaha membela nasib pekerja di negara ini.

Oleh itu, saya dengan ini menyokong usul yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan atas perbahasannya tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah. Dipersilakan.

**12.38 tgh.**

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim atas Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Kreatif daripada ASWARA. Selawat dan salam saya, saya ucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan berbanyak-banyak kesyukuran kepada Allah SWT yang memberi kesihatan yang baik kepada kita pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga saya ucapkan atas ruang yang diberikan kepada saya untuk saya bahaskan mengenai Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Pindaan 2020).

Saya memetik keterangan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia melalui penyata rasmi bertarikh 27 Oktober yang lalu, iaitu tujuan akta ini dipinda adalah pertama, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 atau disebut sebagai Akta 514 merupakan satu akta yang membuat peruntukan:

- (i) bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja;
- (ii) untuk melindungi orang lain seperti orang awam terhadap risiko terhadap keselamatan dan kesihatan berkaitan aktiviti orang yang sedang bekerja;
- (iii) bagi menubuhkan Majlis Negara bagi keselamatan dan kesihatan pekerja; dan
- (iv) bagi perkara-perkara yang berkaitan.

Seperti yang kita ketahui, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja atau Akta 514 bagi menambah baik dan memantapkan lagi perundangan keselamatan dan kesihatan pekerja negara ini. Objektif utama pindaan ini meluaskan liputan pemakaian Akta 514 ke semua tempat kerja serta integrasi peruntukan yang terdapat dalam Akta 139 yang akan dimansuhkan.

#### ■1240

Dalam Akta 514, bagi mewujudkan suatu perundangan keselamatan, kesihatan pekerja yang komprehensif, selaras dengan perubahan yang berlaku dalam landskap pekerjaan, teknologi dan proses kerja. Saya menyambut baik cadangan daripada kerajaan berkenaan Akta 514 untuk menggubal landas prinsip pengaturan sendiri, dengan izin, *self-regulation* yang menekankan konsep *triparte* iaitu komitmen dengan tanggungjawab kerajaan, majikan dan pekerja dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Hari Sedunia bagi Keselamatan Kesihatan Pekerja atau *World OSH Day* pada 28 April setiap tahun bertujuan memperingati kembali mangsa yang terlibat dalam kemalangan penyakit pekerjaan. Peningkatan perangkaan penyakit pekerjaan dan kemalangan mampu memberikan impak besar kepada negara. Kehilangan pekerja kemahiran tinggi disebabkan penyakit dan kemalangan merupakan kerugian yang sukar diganti. Tambahan pula, kita sedang menuju ke arah negara pekerja berkemahiran tinggi sejajar menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Banyak faktor yang mempengaruhi kadar penyakit pekerja dan kemalangan dalam kalangan pekerja seperti kekangan pengetahuan, kurang kemahiran. Kebanyakan kes kecederaan dan kemalangan menyebabkan pekerja kehilangan mata pencarian bukanlah insiden yang tidak boleh dicegah. Namun, perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana mempunyai matlamat yang lebih utama yang perlu dicapai. Harus diingat, menjadi tanggungjawab pihak pengurusan untuk memastikan pekerja seliaan mereka bekerja dengan selamat dan sihat.

Ya, saya setuju risiko boleh berada di mana-mana sahaja selain di tempat kerja tetapi risiko di tempat kerja sangat tinggi yang boleh menyebabkan keadaan seperti fizikal, kimia, biologi dan ergonomik.

Perkara ini perlu dititikberatkan oleh majikan bagi membuktikan iltizam mereka terhadap pembudayaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 15(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan memperuntukkan hukuman maksimum RM50 ribu atau penjara dua tahun atau keduanya atas pihak yang didapati bersalah kerana cuai mengabaikan aspek keselamatan pekerja sehingga menyebabkan kemalangan dan kematian.

Persoalan saya pada hari ini, apakah pendirian yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi membincang dan memperhalus isu pihak yang didakwa gagal menyediakan prosedur pekerja selamat itu mencukupi? Adakah bentuk penelitian yang dilakukan oleh kementerian untuk meningkatkan kadar denda maksimum daripada RM50 ribu seperti dalam akta tersebut?

Banyak pihak yang beranggapan hukuman berkenaan itu terlalu rendah, tidak setimpal berbanding dengan nasib yang menimpa pekerja malang itu. Kerajaan perlu membuat semakan semula dan mengambil kira situasi mereka. Ini kerana hukuman dalam kes jenayah perlu mencapai matlamatnya iaitu penghukuman, teladan, pencegahan serta pemulihan.

Saya berpendapat hukuman sedia ada ini perlu dinaikkan sekurang-kurangnya penjara maksimum 10 tahun. Ini menjadikan kes ini sebagai kes isu tangkap dan bukan kes saman. Jikalau hukuman kurang daripada dua tahun, ia tergolong di bawah kes saman dan lazimnya dianggap tidak serius.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, menurut Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, mengikut rekod, kadar kemalangan pekerja negara menurun sebanyak 63 peratus iaitu daripada 5.84 untuk setiap 1,000 orang pekerja pada tahun 2004 kepada 2.18 peratus untuk setiap 1,000 orang pekerja tahun 2020. Manakala kadar kematian pekerja menyusut sebanyak 71 peratus iaitu daripada 7.17 peratus setiap 100 ribu orang pekerja pada tahun 2004 kepada 2.09 untuk setiap 100 ribu orang pekerja pada tahun 2020.

Walaupun kadar kemalangan dan kematian pekerja negara mencatatkan penurunan, masih ramai pekerja yang ditimpa kemalangan di tempat kerja. Pada tahun 2020, seramai 32,674 orang pekerja terlibat dalam kemalangan pekerjaan, manakala 312 orang daripadanya merupakan kemalangan maut.

Justeru itu, kadar kenaikan denda yang tinggi untuk kesalahan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja adalah sangat perlu. Ia selaras dengan praktis yang dilaksanakan oleh negara-negara maju bagi memastikan majikan melaksanakan tanggungjawab mereka bagi memastikan keselamatan dan kesihatan para pekerja mereka dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada huraian seksyen 3, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, ada empat kriteria yang perlu diambil kira iaitu bermaksud perkhidmatan kesihatan pekerjaan termasuk perkhidmatan bagi perlindungan kesihatan pekerja semasa bekerja. Bagi menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja, juga bagi mencegah penyakit keracunan pekerjaan dan kemalangan, yang pertama, tahap keterukan perlu dikenal pasti dalam proses penilaian risiko di tempat kerja.

Dalam proses ini, bahaya pekerjaan disenaraikan di fasa pengenalan. Bahaya seterusnya di tahap keterukan dalam dedah risiko berkaitan dianggarkan. Fasa ini mengehendaki pihak bertanggungjawab mewujudkan, berbincang dan pihak keselamatan dan kesihatan pekerja bagi mendapatkan pandangan serta syor kawalan bahaya impak risiko secara spesifik.

Kedua, ilmu pengetahuan. Keutamaan memahami justifikasi sesuatu perkara itu menjadi kriteria yang perlu langkah kawalan pengetahuan bagi bahaya dan risiko dalam proses kerja penting sebagai faktor pengesyoran langkah kawalan kesesuaian. Oleh itu, individu yang mempunyai kepakaran dan pengalaman terhadap satu proses kerja spesifik dirujuk ketika fasa penafsiran risiko.

Majikan boleh meminta nasihat pihak perunding mengenai isu keselamatan dan kesihatan bersifat teknikal serta kompleks. Jangan menggunakan khidmat kakitangan pelbagai bidang syarikat untuk membincangkan isu berkaitan mudah cara pegawai keselamatan dan kesihatan bagi kes yang lebih praktikal di lapangan.

Ketiga, keberadaan dan kesesuaian. Langkah kawalan bahaya dan risiko pekerjaan dicadangkan perlu dilihat daripada keadaan sedia. Dalam keberadaan sistem, kesesuaian premis untuk melaksanakan kawalan dipersetujui, faktor ini perlu diberikan perhatian agar langkah kawalan bakal diambil tidak mendatangkan risiko lain.

Kesimpulannya, saya pada hari ini merasakan pekerja merupakan aset penting negara, menjadi tulang belakang dalam proses pembangunan di mana tanpa sumbangan mereka, pembangunan ekonomi dan sosial tidak akan dicapai. Justeru itu, usaha-usaha perlu dijalankan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja tidak terjejas.

Oleh sebab jutaan orang kehilangan pekerjaan sepanjang pandemik COVID-19, banyak orang akan berfikir secara kritis tentang pekerjaan mereka di mana mereka bekerja, kesihatan mereka, realiti kewangan menjadi persoalan. Pekerja yang tidak sihat tidak dapat menyumbangkan kepada produktiviti diri, perusahaan dan negaranya. Keprihatinan dan komitmen pihak kerajaan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja ini akan dapat dilihat dalam penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Akhir kata, saya menyeru agar usaha daripada pihak kerajaan dan pihak-pihak lain. Ayuh! Sama-samalah kita membantu menjadikan ia sebagai panduan bagi mencapai objektif berdasarkan kepada isu yang timbul.

Sekian sahaja daripada saya, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah atas perbahasannya tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya. Dipersilakan.

#### 12.48 tgh.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikuti rapat perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514].

Sudah tentu pindaan Akta 514 ini begitu dekat di hati saya kerana ia begitu penting kepada usaha kita bersama bagi melindungi nyawa dan kesihatan untuk sejumlah tujuh juta orang ahli Keluarga Malaysia yang bekerja membanting tulang dan mengerah keringat di pelbagai sektor industri dan jenis pekerjaan di negara ini. Disebabkan itu, saya telah terpanggil untuk bersama-sama terlibat dalam menyambung perbahasan bagi mengulas aspirasi kerajaan dalam mendukung cadangan usul bagi meminda Akta 514 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan komitmen kerajaan dalam memastikan transformasi perundangan selari dengan keperluan semasa, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ini telah diusul untuk dipinda.

#### ■1250

Ia mengambil kira usia Akta 514 ini yang telah menjangkau 27 tahun semenjak kali pertama digazetkan pada 25 Februari 1994. Seperti yang kita sedia maklum, Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 untuk meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] mengandungi 55 fasal. Merangkumi penambahan 27 seksyen baharu, pemotongan dua seksyen dan pindaan terhadap 35 seksyen sedia ada serta mengintegrasikan Akta 139 iaitu Akta Kilang dan Jentera 1967.



Kita yakin pindaan ini sudah diteliti dengan baik melalui pelbagai sesi libat urus yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia bersama pelbagai agensi kerajaan berkaitan. Pemegang taruh, pihak industri dan termasuk persatuan mahupun NGO berkaitan. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa sejak Akta 514 ini dikuatkuasakan pelbagai kesan positif dan kejayaan telah dicapai. Terutama dalam penurunan kadar kematian di tempat kerja serta kadar kemalangan di tempat kerja dalam negara ini. Sebagaimana yang dilaporkan oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) setiap tahun.

Walau bagaimanapun, kita menyedari bahawa ekosistem pekerjaan telah banyak berubah daripada segi teknologi dan proses kerja jika dibandingkan dengan 27 tahun yang lalu. Maka, sudah tepat pada masanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan untuk menyokong pindaan Akta 514 yang diperbaharui selaras dengan perkembangan landskap pekerjaan semasa.

Antara objektif utama pindaan 514 ini dilaksanakan adalah untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta 514 kepada semua tempat kerja. Ia meliputi sektor yang lebih luas di seluruh Malaysia serta menekankan prinsip pencegahan oleh pihak kerajaan dalam mengenal pasti risiko kesihatan dan keselamatan pekerjaan.

Selain itu, pindaan ini turut mengadakan nilai penalti di beberapa seksyen undang-undang ini terutamanya berkaitan dengan tanggungjawab majikan. Kita harus memahami bahawa prinsip mengenakan penalti yang lebih keras ini bukanlah semata-mata bersifat menghukum. Sebaliknya, merupakan satu tindakan mencegah daripada pengabaian tanggungjawab di tempat kerja.

Sekiranya prinsip ini difahami dengan baik oleh semua pihak termasuk pihak pekerja, matlamat akhir untuk mengurangkan kes kemalangan pekerjaan dan penyakit pekerjaan di negara ini boleh dicapai. Saya ingin menarik perhatian semua bahawa pindaan Akta 514 ini merupakan satu lagi usaha untuk menyokong komitmen kerajaan dalam melaksanakan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) di bawah agenda Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), *United Nations 2030*.

Usaha ini juga selari dengan matlamat kelapan, dengan izin, *decent work and economic growth* yang merupakan salah satu sasaran spesifiknya untuk menzahirkan tanggungjawab dalam mempromosi hak-hak pekerja termasuk keselamatan persekitaran pekerjaan kepada semua pekerja. Oleh itu, pindaan yang kita laksanakan bagi Akta 514 ini sememangnya bertunjangan kepada tanggungjawab kita untuk terus melindungi kesihatan pekerja. Melalui perkhidmatan kesihatan pekerjaan sebagaimana yang disarankan oleh konvensyen antarabangsa bagi melindungi hak-hak pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pada Oktober yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021 hingga 2025 (OSHMP25). Pelan jangka sederhana selama lima tahun ini bertujuan untuk menerapkan nilai kebersamaan semua pihak bagi merealisasikan anjakan transformasi dalam sektor keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia.

Salah satu strategi yang ditekan dalam pelan induk ini adalah untuk meningkatkan penguatkuasaan keselamatan dan kesihatan pekerja melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini. Maka, pindaan 514 ini harus didukung sepenuhnya sebagai satu-instrumen utama dalam menjayakan segala strategi yang telah direncanakan menerusi pelan induk OSHMP25 ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menghadapi persekitaran kerja yang lebih mencabar dan kompetitif di peringkat global mahupun tempatan ini telah menggesa kerajaan untuk bertindak proaktif bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif bagi menjaga serta mengelakkan tragedi kehilangan nyawa dalam kalangan ahli Keluarga Malaysia di tempat kerja.

Apabila persekitaran kerja yang selamat dan kondusif ini dapat diwujudkan, produktiviti kerja akan dapat dipertingkatkan. Sekali gus, mampu membantu meningkatkan daya saing negara kita.

Saya turut tertarik untuk berkongsi tentang amalan 5S yang diamalkan di kilang-kilang dan kawasan industri negara Jepun.

Di Malaysia, kita hanya sekadar memahami bahawa 5S hanya satu elemen kebersihan dan kecantikan. Sebenarnya di negara Jepun, amalan 5S adalah bertujuan untuk mempertingkatkan keselamatan di industri dan juga mengelak daripada sebarang kemalangan yang tidak berbau.

Untuk makluman semua, 5S yang asalnya dalam *Nihon* iaitu bahasa Jepun-*“Seiri”*, *“Seiton”*, *“Seiso”*, *“Seiketsu”* dan *“Shitsuke”*. Dalam Bahasa Malaysia ia membawa maksud *“Sisih”*, *“Susun”*, *“Sapu”*, *“Seragam”*, dan *“Sentiasa Amal.”*

Amalan 5S merupakan amalan kepada asalnya dipraktikkan di *Nihon* untuk mewujudkan satu persekitaran kerja yang selamat. Disebabkan hasil keberkesanan yang baik amalan 5S ini telah menjadi satu kaedah pengurusan *‘kandri houho’* yang akhirnya bukan sahaja menjadikan persekitaran kerja yang bersih dan kemas. Malah membantu meningkatkan keselamatan, kuantiti dan seterusnya, kualiti yang tinggi bagi negara Jepun.

Amalan 5S ini sebenarnya merupakan satu konsep yang mudah tetapi ia mampu memberi impak yang hebat sekiranya ia dilaksanakan dengan baik. Saya ingin tekankan di sini bahawa pindaan Akta 514 untuk menjamin keselamatan pekerja, faktor amalan pekerja dan inisiatif kilang dan industri juga amat penting dalam membina satu suasana pekerjaan yang sihat dan berdaya saing.

Kita harus sedar bahawa keselamatan di tempat kerja bukan hanya sekadar bermaksud jauh daripada kemalangan berlaku apatah lagi kita di musim pandemik COVID-19 ini. Persekitaran pekerjaan di dalam industri kilang harus lagi bersih, di sanitasi dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Jika sesuatu industri terpaksa ditutup kerana kes-kes virus COVID-19, ia juga akan memberi kesan yang serius kepada bidang ekonomi dan terus menjejaskan punca pendapatan rakyat kita.

Oleh yang demikian, terapkanlah amalan 5S ini sebagai budaya kerja kita dengan baik. Ia bukan sekadar menjamin keselamatan fizikal, malah menjauhkan kita daripada jangkitan virus COVID-19. Akhir kata, saya menaruh sepenuh keyakinan dan kepercayaan bahawa pindaan Akta 514 ini adalah bertepatan dengan matlamat kita semua secara inklusif dan muafakat ke arah memartabatkan agenda keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia akan terlaksana dengan jayanya. Sekian, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya atas perbahasan tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat selepas ini ialah Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohd Apandi dan kita tahu bahawa Yang Berhormat selalu agak panjang. Masa kita pun dah menunjukkan...

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Bagi satu minit dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh? Lepas itu sambung ya. Jadi, saya menjemput Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Dipersilakan.

**12.58 tgh.**

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera,

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.*

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian. Bagi saya membicarakan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 yang bermula pada 2019. Ia bermula daripada Akta 514 yang digubal pada 1994, telah lama tidak mengalami pindaan. Hanya dalam tempoh 26 tahun bermula Mei 2019 baru bermula pindaan yang berikut. Maknanya, 26 tahun akta ini tidak pernah melalui pindaan.

Sebelum itu saya mengajak semua untuk merujuk kepada Firman Allah SWT dalam Surah At-Tin... *[Membaca sepotong Ayat al-Quran]* Maksudnya, "Demi buah tin dan buah delima demi Tursina, Bukit Tursina dan demi bumi Mekah yang penuh keamanan, sesungguhnya manusia ini dijadikan sebaik-baik kejadian. Kemudian Allah, kata dia akan jadinya serendah-rendah kejadian. Serendah-rendah tempatnya". Jadi, oleh sebab akta ini lebih fokus kepada hendak memastikan- objektif akta ini memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja itu sendiri.

Kemudian, melindungi orang lain selain pekerja terhadap risiko keselamatan dan kesihatan pekerja. Kemudian menggalakkan persekitaran pekerjaan yang sesuai dengan fisiologi dan psikologi pekerja. Jadi, walaupun saya seorang majikan daripada 1984 lagi tetapi jiwa, hak, perasaan saya terhadap kerja mesti tinggi. Sesuai dengan hasrat dalam akta yang kita akan bincangkan. Rehat dahulu tidak apa...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sambung ya?

**Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad:** Ya sambung. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad dan diminta nanti sambung selepas rehat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari ini. Sekian, terima kasih.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]*

■1430

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan meneruskan perbahasan dan dengan hormatnya dipersilakan terus Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apani bin Haji Mohamad.

2.32 ptg.

**Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian. Bagi saya menyambung perbahasan tentang rang undang-undang, pindaan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa jua yang kita buat, keberkesanannya bergantung kepada firman Allah SWT yang berbunyi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kita kena bersiap siaga dengan segala kekuatan yang ada pada kita, baru kita boleh menang dalam apa jua akta yang kita bentangkan, apa jua enakmen yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu masih tidak terlambat untuk saya dan rakan-rakan lain mengucapkan tahniah lah kepada Tuan Yang di-Pertua atas penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat oleh ASWARA kerana mengenangkan jasa Tuan Yang di-Pertua dalam hal seni dan juga *insya-Allah* selepas ini jasa Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan Negara ini *insya- Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*, terima kasih Yang Berhormat.

**Sr. Haji Mohamad Apani bin Mohamad:** Dewan tertinggi. Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan Akta 514 ialah pertama hendak menjelaskan konsep perundangan secara sendiri yakni, dengan izin, *self-regulation*.

Kedua, penggubalan dan peraturan supaya seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

Ketiga, percanggahan peruntukan Akta 514 iaitu Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan juga Akta 139 Rang Undang-undang Jentera dapat diseragamkan. Akta 139 dimansuhkan dan dimasukkan dalam pindaan Rang Undang-undang Akta 154 ini supaya segala benda yang berlaku dalam kedua-dua akta dahulunya dapat diseragamkan.

Keempat, untuk meratifikasikan Artikel 13 ILO, dengan izin, *International Labour Organization Convention* yang bernombor C155.

Kelima, untuk mengatasi isu kelompangan Akta 514 itu sendiri dan yang keenam untuk meningkat keberkesanan penguatkuasaan undang-undang itu sendiri.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dikejutkan dalam satu insiden di mana dengan undang-undang yang kita laksanakan, walaupun sekarang ini kita hendak meluluskan, kita bertanya pada diri kita Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita tidak menemui kesilapan syarikat-syarikat gergasi ini kerana Tuan Yang di-Pertua umumnya rang undang-undang ini lebih berfokus pada kilang-kilang secara umum. Adapun sektor perdagangan, sektor perkhidmatan, dia *insya-Allah* secara umumnya mereka ini dapat memenuhi kehendak-kehendak rang undang-undang ini. Secara umumnya.

Akan tetapi yang menjadi masalah merupakan sektor pembuatan kerana di situlah selalunya berlaku, dengan izin, *haphazard*, situasi keadaan *haphazard* kilang itu sendiri. Jadi kita dikejutkan baru-baru ini. Syarikat gergasi milik *billionaire* Malaysia, yang menemu kesilapan itu bukan dari negara kita. Perkara itu berada di depan mata kita. Akan tetapi yang menemukan kesalahan, kesilapan sehingga menyekat dari produk-produk kilang tersebut, syarikat daripada syarikat tersebut untuk masuk ke negara Amerika Syarikat. Mereka menemu beberapa kesilapan yang dilakukan, pelanggaran kepada akta ini yang dilakukan oleh syarikat gergasi ini kerana mengikut cerita Menteri Kesihatan sebentar tadi, syarikat ini membuat keuntungan RM7 bilion. Akan tetapi tiga kali berlaku kluster COVID-19 daripada syarikat ini.

Bayangkan. Bayangkan yang menemui pelanggaran ini dari luar negara, tidak dalam negara. Ini menimbulkan satu persoalan yang besar Tuan Yang di-Pertua kepada imej negara kita. Secanggih mana pun akta kita buat, sehebat mana pun akta kita buat, tapi kalau penguatkuasaannya, dia akan jadi macam sarang labah-labah. Kalau binatang besar yang melanggar undang-undang tersebut, maka robohlah undang-undang tersebut. Akan tetapi kalau lalat, nyamuk yang kerdil-kerdil, maka terlekatlah dia dengan undang-undang tersebut.

Oleh sebab itu, rakyat Malaysia hendak melihat keberanian kerajaan kita dari sudut penguatkuasaan kerana kita tidak mahu jawapan-jawapan lepas ini merupakan kelemahannya berada dalam penguatkuasaan dengan mengatakan bahawa tidak cukup kakitangan. Alasan yang sering diberikan adalah tidak cukup kakitangan. Bayangkan, yang menahan produk-produk tersebut daripada masuk ke dalam negara Amerika Syarikat iaitu daripada negara Amerika Syarikat. Mereka menemu beberapa percanggahan, pelanggaran pada akta ini sehingga terpaksa dibetulkan oleh syarikat ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bila mana dia beritahu kepada negara bahawa dia dalam sektor pembuatan dia memenuhi, dengan izin, *comply* dengan akta yang disebutkan.

Akan tetapi kita kena faham, segala mesin itu direka bentuk sebelum COVID-19. Bila direka bentuk sebelum COVID-19, maka dia ada penjarakan dia dan sudah tentu yang pereka kepada mesin-mesin ini hendak melibatkan gandingan keuntungan. Sudah tentu direka bentuk jentera ini antara satu orang petugas dengan petugas lain mesti rapat. Mesti kurang daripada satu meter. Baru memaksimumkan pengutipan hasil tersebut kerana dalam industri *glove* ini Tuan Yang di-Pertua, dia ada dua kaedah sahaja setakat hari ini. Sama ada kaedah *glove*, sarung tangan getah itu yang canggih, separa canggih dan sebagainya. Dia ada dua kaedah. Kalau dari sudut Bahasa Inggerisnya, *vocabulary English*-nya satu *dipping*, jenis celupan. Satu lagi *roller*, jenis rantaian.

Jadi yang memakai kaedah rantaian dia lagi cepat, lagi menguntungkan dan memakan ruang tempat kerja lebih kecil. Jadi sebab itu yang popular, yang syarikat boleh tumbuh secara cepat merupakan syarikat-syarikat sarung tangan getah yang menggunakan kaedah rantaian kerana dia memakan ruang yang kecil dan pekerja-pekerja itu dapat menunggu pada waktu-waktu tertentu. Sudah tentu telah direka bentuk pekerja berada di situ semasa mesin itu berjalan dan penjarakan sudah tentu tidak akan melebihi satu meter.

#### ■1440

Akan tetapi, bila mana dia mengatakan bahawa pekerja-pekerja dapat dijarakkan dengan satu meter, sedangkan mesin ini direka bentuk sebelum COVID-19, kita amat sangsi. Mungkin dia boleh menipu orang Malaysia, sebab itu orang Malaysia tidak nampak tetapi Amerika Syarikat dia mesti nampak. Ini kerana Amerika Syarikat bilamana dia beri produk-produk untuk dibenarkan masuk ke dalam negara mereka, dia ada keluarkan lesen *Good Manufacturing Practice* (GMP). Makna praktis pembuatan dan piawaian, dia ada.

Jadi dia tahu bahawa dengan keadaan COVID-19, 1.5 meter penjarakan ini sudah barang tentu syarikat ini tidak boleh patuhi. Kalau dia buat, dia akan mengalami kerugian. Ini kerana keuntungan, dengan izin, *per piece*, untuk setiap unit produk ini sangat kecil. Oleh sebab itu, negara pembeli sudah tahu bahawa dia tidak boleh memenuhi piawai, dia tidak boleh memenuhi syarat-syarat penjarakan COVID-19 tersebut. Jadi, malulah kita kerana kita tidak mengambil apa-apa jua tindakan tetapi secara teknikalnya, orang sudah tahu.

Jadi sebab itu, walaupun dia membuat keuntungan sebanyak RM7 bilion, tetapi negara Amerika Syarikat dengan negara-negara pembeli, dia tidak kisah kamu siapa tetapi, dalam negara kita ini masih ada pertimbangan-pertimbangan seperti itu. Ini juga diluahkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebentar tadi. Tentang penganan denda-denda yang tinggi sehingga tidak melebihi dua juta dan sebagainya.

Dia bimbang sekiranya orang-orang tertentu dendanya mudah dikurangkan tanpa merujuk asas-asas yang kukuh. Jadi kita tidak mahu sebegitu rupa. Bahkan kita lihat syarikat ini dia mengguna pekerja-pekerja dalam negara sangat kecil, umumnya pekerja dia dari Nepal, Bangladesh, Indonesia atau India. Saya rasa lebih kurang 95 peratus dari sudut pekerja-pekerja umum, amnya dari luar negara. Mungkin dari sudut kerja-kerja pentadbiran, akauntan dan sebagainya mungkin anak Malaysia.

Akan tetapi yang penting merupakan kita tidak boleh takut. Penguatkuasaan kita walaupun- saya rasa dengan rang undang-undang yang kita ada ini dia tidak boleh lari. Kalau dia buat silap, dia kena tetapi kita minta zaman penguatkuasaan nanti biar kita betul-betul mempraktikkan, mengguna pakai akta yang bakal diluluskan ini. Ini kerana kita Dewan Negara sentiasa bersikap baik kepada kerajaan. Kita- zaman Tan Sri jadi Tuan Yang di-Pertua ini, kita tidak hendak mengganggu rancangan-rancangan kerajaan tetapi, kalau endah tidak endah, kita bersungguh-sungguh berbahas untuk meluluskan, tetapi apabila sampai pemakaian dan praktisnya nanti, tidak dibuat secara yang dikehendaki.

Saya fikir mungkin sedikit sebanyak kita kena buat pengajaran Tuan Yang di-Pertua supaya mereka peka dan ambil perhatian tentang rang undang-undang ini. Jangan kita nanti hanya dianggap sebagai *rubber stamp*, dengan izin, sampai Dewan Negara *no problem*, dengan izin, tidak ada masalah. Kita tidak mahu macam itu, supaya masing-masing berbahas menggunakan kepakaran, kita tidak mahu menjadi- maknanya latihan akademik bagi kita, tidak mahu macam itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Boleh Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah. Kemudian Tuan Yang di-Pertua, kita tengok maknanya bilamana kita menyebut tentang COVID-19 ini, benda yang baharu, kita pun sedia maklumlah, kita mungkin kena berteman dengan varian-varian baharu untuk satu tempoh yang lama lagi. Kita sudah menjangka dan menduga bahawa kita kena belajar hidup dalam norma baharu. Bahkan kita difahamkan dalam sidang Dewan Negara kita akan ada satu lagi rang undang-undang yang akan dibentangkan oleh Kementerian Kesihatan bersangkutan dengan isu COVID.

Ini kerana kita akan melalui zaman endemik beberapa, tetapi kita mesti tegas dari sudut mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh akta dan kerajaan supaya kita memberi keselamatan kepada diri kita, keluarga kita, seluruh negara walau siapa pun kamu. Maksudnya kita jaga kita itu bukan setakat kita jaga kita, kita jaga kita dan kita jaga kawan kita, kita jaga keluarga kita dan jaga negara kita. Bermula daripada kita jaga kita, kita jaga jiran kita seterusnya kita jaga negara kita supaya ekonomi negara kita tidak terancam walaupun datangnya nanti varian Omikron dan sebagainya.

Itulah harapan saya dan semua sahabat sekalian hendak melihat bahawa kelulusan akta ini nanti tidak disia-siakan dan tidak diberi jawapannya nanti, tidak cukup kuat kuasa untuk melaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan dan menyokong. *Insyallah*, demi kebaikan negara kita. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator atas hujah-hujah yang sedemikian.

Saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

#### 2.46 ptg.

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera.

Pertamanya, saya menzahirkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020.

Kesemua majikan di seluruh negara kita tidak kira sama ada mereka pemilik industri besar, industri kecil ataupun industri tradisional yang ada dalam akta yang asal perlu mengambil perhatian terhadap isu kesihatan dan keselamatan pekerja ini secara serius. Peningkatan had denda. Antara inti pati rang undang-undang ini yang perlu diberikan perhatian merupakan penetapan had denda maksimum terhadap majikan dan juga pekerja-pekerja. Perkara ini telah pun dibentangkan dalam beberapa seksyen berkaitan iaitu seksyen 19, seksyen 23 dan seksyen 49.

Saya percaya, isu keselamatan dan kesihatan pekerja wajar diletakkan had yang tinggi bukan kerana kita ingin mendenda syarikat yang kecil sehingga terpaksa menggulung tikar tetapi meletakkan keadilan kepada syarikat-syarikat yang telah mendapat keuntungan berjuta-juta untuk menitikberatkan soal keselamatan dan kesihatan ini secara serius.

Tuan Yang di-Pertua, justeru langkah kerajaan meminda seksyen 19 dan seksyen 49 dengan menetapkan denda daripada RM50 ribu kepada RM500 ribu. Manakala seksyen 23 daripada RM20 ribu kepada RM200 ribu merupakan langkah yang cukup baik dalam memastikan mereka lebih bertanggungjawab dan menunjukkan dengan jelas ketegasan kerajaan di dalam memastikan tempat kerja dalam negara kita berada dalam suasana yang selamat dan sihat. Namun, apabila langkah serta pendekatan yang diambil oleh pihak kementerian dalam memastikan semua majikan dan pekerja mengikut segala garis panduan yang dibuat serta memastikan mereka yang bersalah menerima hukuman yang sepatutnya tanpa sebarang kompromi dan telus.

Tuan Yang di-Pertua, industri *p-hailing*. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, *p-hailing* merupakan sebuah industri yang baharu sahaja bertapak di Malaysia dan kita seharusnya meneliti tahap keselamatan dan kesihatan yang wajar diberi penekanan. Tidak dapat dinafikan, sejak kebelakangan ini, syarikat-syarikat *p-hailing* seperti *Foodpanda*, *GrabFood*, *Lalamove*, *Airasia Delivery* dan sebagainya tumbuh bagai cendawan.

Baru-baru ini banyak isu hangat diperkatakan oleh masyarakat terhadap cara pemanduan pekerja *p-hailing* yang laju, berbahaya dan kerap melanggar isyarat lampu merah. Ini menyebabkan merisaukan pengguna jalan raya yang lain.

Walaupun kesalahan tersebut terletak di bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan, namun pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja perlu mengambil langkah jangka masa yang panjang serta memandangkan syarikat-syarikat *p-hailing* ini tidak mengira besar mahupun secara kecil-kecilan merupakan sebuah perniagaan yang perlu memastikan pekerja di bawahnya mendapat perhatian yang sewajarnya.

Perkara ini penting kerana pemandu *p-hailing* berdepan dengan pelbagai ancaman keselamatan dan risiko kesihatan seperti masalah poster badan. Apabila menunggang, memandu terlalu lama, terdedah kepada keadaan cuaca yang tidak menentu, kesesakan lalu lintas yang tinggi, tiada tempat rehat yang khusus serta banyak lagi.

#### ■1450

Sekiranya pihak kerajaan tidak mengambil sebarang pendekatan dan tindakan yang segera, sudah pasti pekerja-pekerja dalam sektor ini merasa mereka dipinggirkan memandangkan lebih terdedah kepada kemalangan jalan raya yang berkemungkinan meragut nyawa mereka sendiri serta memberi impak yang negatif terhadap ahli keluarga mereka. Namun, apa langkah serta usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi menjamin keselamatan serta kesihatan pekerja sektor *p-hailing* serta keluarga mereka terus terjamin dan mendapat manfaat yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan mental. Pandemik COVID-19 yang telah melanda dunia pada hari ini telah membawa kesan kepada ekonomi, kesihatan dan juga kepada rakyat. Krisis COVID-19 telah membuka mata ramai di kalangan masyarakat terhadap kepentingan penjagaan mental. Perkara ini mungkin disebabkan oleh penggunaan teknologi maklumat yang tinggi dicatatkan akibat daripada pelaksanaan perintah kawalan pergerakan.

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan ramai pekerja terpaksa bekerja dalam norma baharu seperti bekerja dari rumah, bekerja menggunakan *gadget* serta atas talian. Tidak kurang juga ramai pekerja yang telah kehilangan pekerjaan dan beralih ke bidang pekerjaan yang berbeza daripada pekerjaan asal mereka. Depresi, kerisauan, tekanan merupakan tiga tunjang kesihatan mental yang sering kali diabaikan oleh ramai daripada kita.

Sebelum ini PDRM telah melaporkan peningkatan 60 peratus kes bunuh diri dari bulan Januari hingga Julai 2001 berbanding tempoh masa yang sama tahun yang lalu. Kesihatan mental dilihat sebagai isu global yang memberi impak besar terhadap produktiviti organisasi.

Sejak kebelakangan ini, kita sering mendengar para pekerja mengalami masalah tekanan mental. Ada pekerja yang terpaksa bekerja melebihi masa terutamanya para pekerja yang bertugas di barisan hadapan, sama ada para pekerja daripada sektor swasta mahupun sektor awam. Pekerja yang bekerja dari rumah juga turut menghadapi tekanan mental disebabkan terpaksa menguruskan keluarga dan dalam masa yang sama terpaksa menguruskan hal-hal berkaitan kerja mereka.

Faktor lain yang menjejaskan lagi tahap kesihatan mental mereka termasuklah risiko pemotongan gaji, kehilangan pekerjaan, pekerja mengalami kelesuan akibat daripada perubahan cara kerja dan pengurangan pekerja. Bagi pihak syarikat pula, cabaran untuk memastikan kelangsungan perniagaan susulan pandemik ini menjadi satu faktor yang menyebabkan kesihatan mental akibat di tahap yang optimum.

Oleh itu, saya mencadangkan agar kerajaan dapat menyediakan mekanisme bagi memastikan setiap pertubuhan kerajaan mahupun swasta mampu menyediakan perkhidmatan kaunseling di setiap tempat kerja yang mudah untuk di akses oleh mana-mana pekerja tanpa mengira pangkat. Jika isu ini gagal diselesaikan, ia akan merugikan organisasi dan negara kerana masalah mental di tempat kerja ibarat pembunuh senyap kepada tenaga kerja berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, latihan keselamatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila lihat masa.

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau belajar berdebat...

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin:** Pada tahun lalu sahaja, sebanyak 32,674 kes kemalangan pekerja direkodkan dengan 312 daripadanya merupakan kes maut. Angka yang dicatatkan amat tinggi dan merisaukan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi apa usaha pihak kementerian dalam usaha untuk mengajak para majikan bersama-sama dengan agensi yang terlibat untuk menjadikan keselamatan dan kesihatan pekerja sebagai fokus utama serta mewajibkan para majikan menjalankan latihan keselamatan dan kesihatan secara berkala sebagai salah satu usaha kita mengekang berlakunya kemalangan.

Akhir kata, walaupun kita memiliki undang-undang yang baik, namun tanpa pendidikan, kaedah atau pendekatan yang tidak di laksanakan dengan baik serta pengawasan dan pemantauan yang efektif, sudah pastinya kita akan gagal untuk mencapai matlamat yang disarankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kembali dan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin. Harap bersedia Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin. Selepas itu, Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Silakan.

## 2.56 ptg.

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** Islam memberikan keadilan kepada semua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian berbahas dalam kita membicarakan tentang satu RUU bagi meminda ataupun menggubal Akta 514 bagi melindungi keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja di dalam negara kita. Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua adalah paling rapat dengan akta ini kerana daripada awal selepas graduasi di universiti, saya bekerja dalam bidang minyak dan gas dan akta ini lah yang memberikan pertahanan kepada kami terhadap majikan khususnya dan memberikan keselamatan kepada pekerja-pekerja yang bekerja dengan industri yang *dangerous* ataupun berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita berbicara tentang rang undang-undang ini yang mengandungi 55 fasal dan merangkumi penambahan 27 seksyen baharu, pemetongan dua seksyen dan pindaan terhadap 35 seksyen menunjukkan inilah dia kerajaan ataupun kementerian mempunyai satu kehendak politik, dengan izin, *political will* untuk menjadikan akta ini ataupun rang undang-undang ini sebagai tempat perlindungan terakhir kepada para pekerja kita untuk mendapat keselamatan.

Jadi, tahniah saya ucapkan kepada kerajaan dan tahniah kepada ahli legislatif, sama ada di peringkat Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara yang berusaha untuk memastikan rang undang-undang ini tuntas dan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, menurut fasal 31 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 31A, majikan hendaklah memastikan mana-mana orang yang tersebut menyelesaikan kursus sebelum dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa kerja yang baginya latihan untuk diperlukan. Kita berbicara tentang soal kompetensi. Saya menyokong usaha kementerian untuk memastikan pekerja dapat menjalankan aktiviti kerja dengan selamat dan sihat, tidak membahayakan orang lain serta mencegah atau mengurangkan kemalangan di tempat kerja ini.

Cuma kerunsingan saya dalam hal ini merupakan dalam proses mendapatkan latihan ini pastinya memerlukan kepada pelaburan. Pelaburan itu merupakan pembayaran yuran sebagai satu contoh untuk menampung kos *training* ataupun latihan.

Jadi, adakah inisiatif-inisiatif yang dapat dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk kita meringankan beban sama ada kepada pekerja mahupun majikan yang mahu memberikan latihan kepada para pekerja. Kenapakah saya mengatakan perkara ini?



Ini adalah kerana dalam keadaan kita dalam proses menambah ataupun membawa minda daripada pandemik kepada endemik untuk era COVID-19 ini, kita faham kita sedang berusaha untuk meningkatkan ekonomi. Jadi, kita takut majikan menjadikan kewajipan ini sebagai alasan untuk menekan pekerja serta meletakkan beban kos latihan ini di atas bahu pekerja semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya mengambil perhatian kepada sidang Dewan adalah berkaitan dengan kesihatan mental setelah dibawa oleh beberapa Ahli Dewan Negara sebelum ini.

■1500

Cuma, di sini ingin saya nyatakan ada empat langkah yang telah dilakukan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) iaitu penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; penyediaan sistem pelaporan secara atas talian iaitu e-JKKP; penyemakan perundangan sedia ada; dan pelaksanaan program saringan kesihatan mental kepada pekerja.

Persoalan yang ingin saya timbulkan kepada pihak kementerian, sejauh manakah empat langkah ini memberikan solusi kepada isu kesihatan mental dalam kalangan pekerja dan rakyat negara ini? Adakah ia suatu strategi yang berkesan dalam mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh masyarakat berdasarkan kebimbangan yang dinyatakan sebentar tadi?

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga dan terakhir ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan ekonomi gig yang telah meningkat sehingga 25 peratus. Barangkali inilah dia hikmah daripada COVID-19. Ia turut menambah bilangan pekerja dalam sektor *e-hailing* sehingga 120 ribu orang seperti pemandu *Foodpanda*, *Grab* dan sebagainya.

Persoalan saya, sejauh mana kebajikan dan keselamatan mereka diambil kira dalam Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP25)? Menteri Sumber Manusia ada mengatakan bahawa terdapat strategi khusus kepada golongan ini. Persoalan saya seterusnya, apakah program tersebut dan bagaimanakah strategi dalam OSHMP25 itu mampu melindungi kebajikan dan keselamatan mereka?

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh PERKESO, kes kemalangan semasa ulang alik ke tempat kerja telah meningkat hampir 83 peratus dalam tempoh 10 tahun iaitu daripada 20,810 kes pada tahun 2009 kepada 38,142 kes pada tahun 2019, dan jumlah kematian tiga- kali ganda lebih tinggi berbanding kematian industri pada tahun 2020. Ini angka-angka yang amat membimbangkan kita kerana di antara ini adalah di kalangan anak-anak muda kita yang sedang berusaha *survive* ataupun mendapatkan pendapatan bagi menampung keadaan terkini.

Kajian sosial PERKESO turut menunjukkan bahawa lebih 55 peratus kematian pekerja berlaku dalam jarak lima kilometer dari destinasi ke tempat kerja dan 65 peratus kemalangan dalam perjalanan melibatkan orang muda berusia di bawah 40 tahun dengan 80 peratus daripadanya merupakan lelaki. Ini juga merupakan satu perkara yang amat membimbangkan kita. Sudahlah statistik menunjukkan wanita lebih ramai daripada lelaki dan yang meninggal pula lebih ramainya merupakan remaja-remaja lelaki.

Justeru, apakah tindakan pihak kementerian dalam mengurangkan kes yang tidak diingini seperti ini dari terus berlaku terutamanya dalam kalangan pemandu *e-hailing*?

Jadi, sekadar itu sahaja ucapan perbahasan saya berkenaan dengan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin dan terima kasih kerana berucap dalam tempoh yang diberi oleh Dewan. Saya meneruskan jemputan kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah... *[Disampuk]* Tidak ada.

Terus kita kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

### 3.04 ptg.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas anugerah Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Kreatif semalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih. Saya juga ingin merakamkan penghargaan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan pindaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2020.

Pekerja merupakan tulang belakang kepada industri negara kita dalam apa jua sektor. Tanpa pekerja, tiada ladang-ladang yang subur, bangunan-bangunan yang megah dan produk serta perkhidmatan yang membina ekonomi negara.

Namun, disebabkan ketidakseimbangan kuasa antara majikan dan pekerja dan kekurangan perlindungan ke atas pekerja, pihak pekerja sering mendapati mereka berada dalam situasi yang merugikan. Contohnya, semasa pandemik COVID-19, wakil-wakil rakyat menerima aduan bagaimana mereka terpaksa pulang ke tempat kerja yang mendapat kelulusan kerajaan untuk beroperasi tetapi dalam keadaan yang mendedahkan mereka kepada risiko COVID-19.

Seksyen 26A yang baharu dalam Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan memberi hak kepada pekerja untuk mengeluarkan dirinya daripada apa-apa risiko bahaya di tempat kerja. Ini sememangnya dialu-alukan tetapi saya berpendapat ini hanyalah hak minima. Seksyen baharu 26A(2) sepatutnya melindungi pekerja daripada akibat tidak wajar dan diskriminasi berikutan tindakan mengeluarkan diri daripada risiko bahaya, namun tidak memperuntukkan apa-apa tindakan terhadap pihak yang melakukan diskriminasi tersebut termasuk majikan.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, dilema pekerja dalam keadaan sebegini sebenarnya serupa dengan isu gangguan seksual di tempat kerja. Dalam kebanyakan kes, ramai pekerja yang berpangkat lebih rendah tidak terdaya untuk melaporkan tindakan pegawai yang berpangkat lebih tinggi daripada mereka. Peruntukan undang-undang masa kini telah pun dikritik pelbagai pihak kerana mempunyai kelemahan-kelemahan seperti ini.

Walaupun ada dinyatakan hak terhadap pekerja daripada diskriminasi, gangguan dan risiko bahaya, namun proses membuat aduan, *inquiry* dan akhirnya rayuan tidak memihak kepada pekerja dalam keadaan ketidakseimbangan kuasa yang saya sebut di awal ucapan.

Jika pekerja akhirnya kehilangan kerja ataupun sukar untuk terus berada di tempat kerja yang sama walaupun si pelaku telah dijatuhkan hukuman, pekerja tersebut tetap tidak mendapat sebarang pampasan kecuali mungkin beliau mengambil tindakan sivil. Ini sudah tentu memakan masa dan memerlukan sumber kewangan yang besar dan tidak mampu ditanggung oleh pekerja bagi melawan majikan di mahkamah. Akhirnya, seorang pekerja mungkin akan membuat keputusan untuk tidak mengadu.

Di sini saya ingin mengetengahkan kes berkaitan pekerja migran. Bagi seorang pembantu rumah ataupun pembantu domestik, kepada siapa beliau boleh mengadu jika berlaku keadaan beliau terdedah kepada bahaya diri, gangguan dan diskriminasi?

Justeru, kita lihat bahawa tanpa proses yang lebih berkesan untuk aduan dan pelaporan tindakan membuli, diskriminasi dan gangguan, sebarang pembaharuan rang undang-undang ini hanya akan menjadi sekadar menanam tebu di bibir.

Akta ini sepatutnya dibaca bersama Akta Kerja yang dipinda untuk lebih berkesan, keperluan untuk sebuah akta gangguan seksual serta lain-lain pengukuhan hak pekerja seperti hak berpersatuan, perlindungan pekerja migran dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying dan terbaik saya dengar menggunakan perumpamaan bagi menanam tebu di bibir.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

**3.08 ptg.**

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang dianugerahkan Ijazah Kehormat Kedoktoran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kembali.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih juga Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada hari ini. Juga ingin saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana membentangkan bacaan pada kali ini dan kementerianya yang bertungkus lumus dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dijamin dalam pindaan yang dicadangkan oleh pihak berkuasa terutamanya dengan terma suasana bekerja yang baharu semasa dan selepas pandemik COVID-19.

Setelah saya meneliti pindaan yang dimaksudkan dalam rang undang-undang, yakinlah bahawa pindaan yang dibawa oleh kementerian menekankan kepada keadaan terkini yang lebih menyeluruh dan berpaksikan perundangan antarabangsa dalam menjaga kebajikan pekerja.

■1510

Sebagai usaha yang berterusan, saya hendak mencadangkan kepada kementerian untuk sentiasa menekankan kepada penegasan ke atas penguatkuasaan peruntukan undang-undang dalam memelihara kebajikan pekerja. Setiap pekerja perlu dijamin bahawa tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang melanggar peruntukan dalam rang undang-undang ini. Saya juga ambil kesempatan ini menyeru bahawa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk bertindak dengan lebih efisien atau lebih berkesan dalam memastikan tugasnya sebagai penguat kuasa menepati keadaan semasa, jika perlu jabatan sepatutnya boleh menambahkan keanggotaannya. Janganlah bagi seorang itu terpaksa memantau kes-kes melebihi keupayaan mereka masing-masing.

Oleh sebab, kita dalam perbahasan keselamatan pekerja. Saya ingin menyentuh kes Dyson iaitu sebuah syarikat pengeluar pembersih vakum yang menamatkan hubungannya dengan syarikat tempatan yang merupakan pembekal produk itu di Malaysia berikutan keputusan audit yang dilakukan syarikat berkenaan dengan mendakwa terdapat elemen buruh paksa di kilang tersebut di Malaysia. Kes seperti ini bukan pertama kali atau kedua sahaja. Ada juga kes kilang pengeluar sarung tangan terbesar di dunia didakwa mengamalkan elemen buruh paksaan dalam kilangnya. Jadi, adakah terdapat ketirisan dalam penguat kuasa yang dilaksanakan? Kita pasti kementerian faham bahawa perkara sebegini bukan sahaja mencemarkan imej negara malah berlakulah ketidakadilan kepada golongan pekerja. Ini kita katakan penting.

Mohon juga pandangan kementerian tempat kerja yang dimaksudkan ini melibatkan rumah kerana keadaan dalam pandemik sekarang yang memaksakan kebanyakan para pekerja dan majikan untuk memilih bekerja dari rumah, dengan izin, *work from home*. Jadi, bagaimanakah kementerian akan memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja yang bekerja dari rumah dapat dijamin?

Jika kita menurut kajian *Randstad Workmonitor* terdapat sebanyak 48 peratus daripada responden tempatan menginginkan peraturan kerja yang fleksibel diteruskan selepas pandemik COVID-19 berakhir. Bagaimanakah kebajikan mereka akan dijamin? Adakah mereka diberi peluang untuk berehat yang secukupnya? Adakah kesihatan mental para pekerja ini dipantau? Kesemua persoalan ini melibatkan norma baharu, *norms* yang baharu dalam perspektif keselamatan dan kesihatan pekerja.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak berkuasa melalui pendekatan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di dalam memastikan pekerja diberikan prihatin kesihatan yang secukupnya dan sepatutnya? Bagaimana kementerian memastikan pihak majikan menekankan kepada kepentingan kesihatan pekerja sebelum, semasa dan selepas seseorang itu dilantik dan diberikan pekerjaan.

Adakah kementerian mempunyai sebarang peraturan atau pihak majikan yang diberikan mandat dalam menginterpretasikannya? Jika, ya. Saya mohonlah kementerian menyatakan bagaimana interpretasi pendekatan tersebut dilaksanakan dan jika, tidak adakah langkah yang akan diambil oleh kementerian dalam memastikan setiap pekerja di tanah air ini diberi layanan penjagaan kesihatan yang menyeluruh termasuk para pekerja 3D iaitu Kotor, Bahaya dan Sukar dari luar negara.

Saya juga mengalu-alukan langkah-langkah kerajaan meminda seksyen 19 dengan menaikkan kadar denda yang kesalahan daripada RM50 ribu kepada RM500 ribu. Ia boleh dilihat sebagai usaha komitmen dan ketegasan kerajaan dalam menjaga kebajikan pekerja. Tindakan tegas ke atas majikan yang enggan, yang angkuh dan tidak mematuhi undang-undang yang dirangka dalam menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja perlulah dihukum dengan jumlah yang banyak. Merekalah yang mengaut keuntungan berjuta-juta ringgit. Akan tetapi, asas kewajipan mereka kepada pekerja diabaikan ataupun sengaja diabaikan.

Di sinilah saya ada satu soalan kepada pihak kementerian. Apakah kajian atau mekanisme boleh dilakukan oleh pihak berkaitan dalam menentukan jumlah baharu yang tersebut dan adakah jumlah denda baharu tersebut akan dinilai semula dari semasa ke semasa?

Mengikut konteks perbahasan pada hari ini, saya ingin memohon penjelasan pihak Menteri dengan kenyataan pihak Kementerian Sumber Manusia yang berpandangan cadangan kadar gaji minimum baharu akan ditetapkan kepada RM1,500 sebulan. Mohonlah sedikit pencerahan bagaimana proses pelaksanaan yang mengambil tempat? Bagaimanakah kementerian akan memainkan peranan dalam perkara ini dan secepat yang mana kita dapat melihat pelaksanaan gaji minimum ini?

Selain daripada gaji minimum, adakah kementerian meneliti atau mengkaji gaji minimum mengikut kategori kerja tahap pembelajaran? Saya lihat gaji seseorang yang mempunyai ijazah sarjana muda tidak berubah dalam 10 tahun ini secara purata. Kalau adapun sedikit sana, sedikit sini sahaja. Akan tetapi, hakikatnya ia masih kekal sama. Malangnya, kenaikan barang dan perkhidmatan bukan pun sama dalam 10 tahun ini. Banyak yang naik melambung, kita dah ada banyak menara tinggi tetapi gaji anak-anak kita masih sama.

Saya menyuarakan penelitian, pandangan dan harapan kepada kementerian dan berharap seluruh warga kerja di Malaysia dilindungi, keselamatan dan kesihatan. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang yang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kembali. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Sampai masa bagi Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

3.17 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya juga bagi pihak kementerian mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diiktiraf dengan penerimaan PhD. Kehormat, semalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Walaupun Tuan Yang di-Pertua sudah ada PhD tetapi diiktiraf. Inilah yang kita hendak dan saya hendak cadangkan juga... [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu kerja dahulu. *Alhamdulillah.*

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Saya hendak cadangkan juga kita bawa usul ini supaya Dewan Bahasa dan Pustaka mengkaji balik bahasa-bahasa yang kita rasa kita boleh sebut dengan mudah dalam perbincangan kita di masa akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Insyah-Allah.*

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Sekali lagi salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian bagi sesi perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 pada hari ini. Terima kasih juga kepada 13 orang Yang Berhormat Senator yang membahaskan isu-isu tersebut dan sekali lagi saya juga hendak mengucapkan terima kasih kerana menyokong, kesemua yang membahaskan tadi menyokong rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan isu yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair yang mana berhubung dengan kebergantungan pekerja asing dan pengurusan pekerja asing secara amnya. Isu-isu tersebut adalah berkaitan dengan dasar penggajian pekerja asing serta melibatkan undang-undang lain seperti mana Akta Kerja 1955 iaitu Akta 265 dan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446].

Oleh sebab itu, kementerian mengambil maklum cadangan yang akan diusulkan oleh Yang Berhormat Senator akan dipanjangkan dipihak Jabatan Tenaga Kerja yang terlibat dalam Akta 446 dan juga Akta 265 yang kita akan bentangkan di Dewan Rakyat pada sesi yang akan datang. Ini kerana dikatakan sesi ini kita tidak ada kesempatan lagi kerana banyak usul yang telah dimasukkan.

#### ■1520

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit kepada Yang Berhormat Senator berkaitan dengan program vaksinasi dalam kalangan pekerja, Kementerian Sumber Manusia melalui agensi seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan juga Jabatan Tenaga Kerja, dua buah agensi yang di bawah Kementerian Sumber Manusia merupakan antara agensi yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan Akta 342 terutamanya di tempat kerja dan juga Akta Penginapan bagi mereka yang disediakan tempat penginapan. Memang dalam kita menjalankan kerja-kerja kita, kita membuat operasi dari semasa ke semasa ketika kita menghadapi pandemik COVID-19.

Kita mendapat jawapan yang besar selepas ini, itulah yang mana kerajaan telah meluluskan satu program wajib yang dinamakan CLQ untuk penempatan pekerja-pekerja di industri tersebut. Penguatkuasaan Akta 342 juga dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan majikan dan pekerja SOP yang telah ditetapkan walaupun Akta 342 ketika kita menghadapi Ordinan Darurat ini di bawah KKM tetapi telah diturun kuasa kepada beberapa kementerian termasuk KSM untuk kita menjalankan *enforcement* ataupun, dengan izin, minta maaf untuk pelaksanaan.

Pihak kementerian juga mengambil maklum mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas yang mana mengambil maklum mengenai mempercepatkan program vaksinasi di kalangan pekerja. Walau bagaimanapun, ia bukan dalam bidang kuasa kementerian. Saya hendak menjelaskan di sini, kesemua hampir 98 peratus migrasi pekerja asing telah kita *swab test* dan kita vaksin. Itu berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek telah membangkitkan cadangan pindaan ini dengan supaya kementerian aktif dalam menjalankan pendakwaan terhadap majikan yang melanggar peruntukan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan iaitu JKPP telah menjalankan sebanyak 243 ribu.

JKPP ini adalah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan yang di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu sebanyak 243 ribu aktiviti penguatkuasaan-*enforcement*, dengan izin, di seluruh negara menerusi aktiviti ini sebanyak 168 kes pendakwaan telah selesai dijalankan dengan penalti keseluruhan berjumlah RM1.9 juta dan 424 kompaun telah dikeluarkan dengan jumlah kompaun RM1.44 juta.

Jadi ini perkara yang dibangkitkan daripada segi statistik yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melakukan penyiasatan dan membuat pendakwaan, kementerian melalui JKKP telah mempunyai prosedur kualiti dan prosedur kerja yang telah dipersijilkan dengan ISO 9001 pada tahun 2015, ISO 45001 pada tahun 2018 dan ABMS 37001 pada tahun 2016. Di samping itu, bagi memperkasakan proses siasatan dan pendakwaan, pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan dalam proses mengukuhkan struktur organisasi bahagian perundangan dengan cadangan penambahan pegawai undang-undang.

Seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff ada tak? Ada. Tak ada saya tak nak, saya nak *skip*. Yang mana tak ada saya akan *skip*. Ada. Okey. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia secara proaktif telah menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang mempunyai objektif utama bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja terhadap menghadapi risiko kepada keselamatan atau berdepan dengan risiko kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti kerja mereka.

Kita menggalakkan sesuatu persekitaran pekerjaan disesuaikan dengan keperluan fisiologi dan psikologi pekerja perlu dilaksanakan oleh para majikan. Agak panjang sedikit yang ini, Tuan Yang di-Pertua jadi aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan aspek ini turut merangkumi aspek pakaian di tempat kerja. Sebagai contoh, pakaian- dalam hal ini reka bentuk pakaian Tuan Yang di-Pertua hendak minta izin, berapa minit yang diberikan kepada saya untuk membuat penggulungan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Buat ringkas mungkin, jelas.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal ini, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina berkenaan dengan soal pakaian. Dalam reka bentuk pakaian yang bersesuaian dengan aktiviti kerja yang hendak dijalankan adalah penting bagi mengelakkan sebarang risiko kemalangan semasa pekerja menjalankan kerjanya. Oleh itu majikan hendaklah memastikan pakaian dipakai oleh pekerja mereka tidak mendatangkan risiko semasa menjalankan aktiviti kerja mereka. Sebagai contoh, pakaian hendaklah bersesuaian dengan aktiviti kerja seperti pemakaian seluar adalah lebih sesuai untuk bergerak dalam ruang yang sepatutnya, terutamanya ruang yang sempit bekerja seperti contoh lagi yang bekerja di sektor penerbangan seperti pramugari dan pramugara.

Namun dalam landskap negara yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum dan menganut pelbagai agama, isu pakaian ini hendaklah diseimbangkan antara aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan tuntutan agama pekerja tersebut. Ini adalah selaras dengan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan mengenai kebebasan beragama termasuklah hak asasi pekerja yang beragama Islam. Oleh itu, kementerian menasihatkan agar majikan untuk menghormati sensitiviti agama dalam kalangan pekerjaannya di samping memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan tidak dikompromi.

Berkenaan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan disentuh berkenaan dengan tindakan penguatkuasaan, pampasan kemalangan, diskriminasi pekerja yang tercedera. Ini perkara yang sangat baik dibangkitkan. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2021 sebanyak 25,605 aktiviti pemeriksaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah dijalankan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan (JKKP) dapatan pemeriksaan tersebut didapati 81 peratus tempat kerja yang diperiksa mencapai tahap pematuhan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerja yang memuaskan atau lebih baik.

Manakala bagi majikan yang gagal mematuhi perundangan KKP, tindakan punitif dalam bahasa Melayu saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah digunakan.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Sudah digunakan, *alhamdulillah*. Seperti berikut telah diambil iaitu:

- (a) ada 156 kes pendakwaan selesai dijalankan dengan penalti berjumlah RM1.7 juta;
- (b) terdapat 5,757 Notis Larangan, dan 3,119 Notis Penambahbaikan telah dikeluarkan oleh jabatan.

Seterusnya, 30,752 Surat Arahan penambahbaikan KKP telah diberikan iaitu daripada segi penambahbaikan daripada segi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja telah dikeluarkan supaya majikan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi melindungi pekerja kita. Selain daripada itu untuk makluman, kadar denda ataupun penalti yang telah kita berikan telah ditetapkan oleh pihak mahkamah, tiada kompaun diperuntukkan bagi kes pelanggaran. Kalau kes yang telah dibawa ke mahkamah tidak ada kompaun lagi. Selain daripada itu, pampasan PERKESO mangsa atau keluarga mangsa yang terlibat dalam kes kemalangan pekerjaan juga telah mengambil tindakan saman sivil dibenarkan.

Bagi isu-isu diskriminasi terhadap pekerja, termasuk memberhentikan pekerja tanpa alasan yang munasabah di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967, pihak pekerja boleh melaporkan menerusi aplikasi Pekerja untuk Bekerja yang dipanggil dalam nama khasnya, dengan izin, *Working For Workers* yang telah dibina di bawah Kementerian Sumber Manusia. Boleh lapor terus dan kita akan mengambil tindakan siasatan dengan segera yang dikendalikan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Yang ini sangat bagus sambutan daripada para pekerja yang mana kita sudah jawab dalam soalan-soalan yang dibangkitkan pada ketika itu.

Bagi jawapan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan ada tak? Ada. Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, majikan tidak menyediakan kemudahan asas khususnya penginapan kepada pekerja asing bahawa telah ada akta khusus untuk menangani isu ini dan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1994.

#### ■1530

Jadi, kementerian juga berbesar hati atas sokongan Yang Berhormat Senator yang menyambut baik pindaan Akta 514 ini di mana akta yang dibangkitkan ini adalah berkait dengan Akta 446 iaitu Akta Penginapan Pekerja yang mana inilah yang keluarnya apa yang dipanggil CLQ ataupun akta perumahan bersepadu yang telah dijadikan satu akta yang diwajibkan kepada para majikan.

Seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha atas sokongan dan saranan yang diberikan. Pihak kementerian akan meneliti cadangan tersebut. Dalam menilai tentang peningkatan penalti, pihak kementerian telah merujuk kepada praktis yang dilaksanakan di negara-negara maju bagi memastikan majikan menjalankan tanggungjawab mereka. Begitu juga penasihat undang-undang kita akan meneliti secara terperinci untuk kita memberikan satu pengajaran dan pendidikan kepada pihak yang terlibat.

Selain daripada itu, kementerian juga merujuk dan mempertimbangkan kadar penalti akta-akta daripada akta-akta kementerian lain. Contohnya seperti penalti yang dikenakan oleh Kementerian Alam Sekitar, CIDB dan juga maklum balas daripada orang awam berkenaan- dan juga NGOs dan juga kesatuan sekerja yang lain yang mana melibatkan penalti ataupun denda yang kita kenakan kepada mereka yang terlibat ini.

Jadi bagi menjawab soalan ini, pihak majikan boleh didakwa di bawah seksyen 15 atau seksyen 17 Akta 514 yang kadar denda maksimum sebelum ini daripada sebanyak RM50 ribu, atau penjara selama dua tahun.

Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya yang juga mengucapkan terima kasih kerana menyokong pindaan akta ini. Saya mewakili kementerian, menyambut baik pindaan akta yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya ini atas pindaan Akta 514 yang setanding dengan ekosistem pekerjaan semasa yang berubah-ubah dan selari dengan konvensyen antarabangsa.

Seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad atas perbahasan tersebut. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator berkaitan penguatkuasaan undang-undang oleh agensi kerajaan yang mana kita terlibat secara langsung dan ketika pandemik COVID-19 yang menimbulkan kluster-kluster tertentu. Kementerian mengambil maklum akan kebimbangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Senator. Kementerian akan memastikan setiap undang-undang yang digubal oleh kementerian ini akan dikuatkuasakan dengan adil tanpa mengira syarikat besar atau kecil. Ini bagi memastikan semua pekerja di negara ini adalah selamat dan sihat semasa bekerja.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin, memberi fokus kepada isu keselamatan dan kesihatan pekerja dalam kalangan pekerja *p-hailing*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021 hingga 2025 (OSHMP2025), kedua-dua isu ini telah ada teras strategik khusus untuk menanganinya. Satu program khusus di bawah teras strategik ini merupakan program memantapkan kesedaran dan kepekaan amalan keselamatan dan kesihatan dalam perkhidmatan *e-hailing*, dengan izin, termasuklah *p-hailing*. Program ini dilaksanakan oleh pelbagai agensi iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengangkutan, Institut Keselamatan Jalan Raya (MIROS), PERKESO dan NGO yang berkaitan.

Bagi memastikan KKP pekerja *p-hailing* terjaga, libat urus dengan kesatuan *p-hailing* dan juga syarikat penyedia perkhidmatan telah dijalankan satu panduan amalan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh JKPP kepada amalan keselamatan dan kesihatan pekerja sedang digubal untuk dipatuhi oleh semua pekerja yang terlibat bagi mengelakkan risiko kemalangan jalan raya dan risiko kesihatan. Mereka terdedah kepada kemalangan dengan risiko yang sangat tinggi apabila mereka terutamanya *e-hailing* yang terlibat dalam penghantaran makanan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Yang Berhormat Senator yang membangkitkan perkara ini, kita mewajibkan latihan keselamatan dan kesihatan pekerja kepada para pekerja dalam usaha untuk mengekang kemalangan di tempat kerja. Pihak kementerian menyambut baik cadangan tersebut. Untuk makluman, dalam peruntukan fasal 31 rang undang-undang ini, Menteri boleh mengeluarkan suatu warta bagi mewajibkan kelas atau perihal orang yang menjalankan suatu aktiviti kerja untuk menghadiri kursus latihan keselamatan kesihatan pekerja oleh penyedia latihan berdaftar. Saya fikir ia adalah selari dengan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator.

Ada lagi. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin yang menyentuh berkenaan dengan kementerian harus memberikan fokus kepada kesihatan dan keselamatan pekerja iaitu *p-hailing* yang telah disebutkan tadi. Jadi saya tidak ulaslah *p-hailing*.

Seterusnya, Kementerian Sumber Manusia- keperluan kita menumpukan pekerja sektor *gig* daripada aspek keselamatan sosial disediakan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan, iaitu di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 disebut Akta 789 bermula 1 Oktober 2021. Pekerja dalam sektor ini dikehendaki secara mandatori, secara wajiblih ataupun dalam Bahasa Inggerisnya dipanggil- dalam bahasa undang-undangnya, dengan izin, *compulsory*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Mandatori itu sudah diterima.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Sudah diterima. Untuk mendaftar, untuk- terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mencarum di bawah Akta 789, mereka mesti mencarum di bawah Akta 789. Kalau tidak dicarum, mereka sama ada majikan dan juga pekerja boleh didakwa.

Dalam sebuah pelan bagi memastikan pekerja di sektor ini mempunyai perlindungan sosial. Sekurang-kurangnya apabila terjadi musibah kepada mereka, isteri dan anak-anak mereka ada pembelaan daripada segi kebajikan sosial. Ini panjang, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Aziz ini. Saya ingat untuk Yang Berhormat Senator ini, saya jawab dalam bertulislah sebab saya hendak ringkaskan. Boleh Tuan Yang di-Pertua?



**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Boleh, boleh.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Okey. Yang Berhormat Senator Haji Aziz ada di sini? Tidak ada. Sepatutnya saya kena tanya awal, tidak payah jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Apabila sudah tidak ada itu, tidak ada lah dijawab.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Silap saya tadi Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi sebaiknya disebutkan.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Disebutkan? Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Disebutkan.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin ada?

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** Ada.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Oh, ada, ada. Tidak ada, saya pecat dia esok...  
[Ketawa]

**Seorang Ahli:** Garangnya.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Kami satu- parti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang *e-hailing* itu sudah diterjemahkan atau belum?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Kalau ikut yang di...

**Tuan Yang di-Pertua:** Laungan-e...

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Laungan-e yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua pada perbahasan yang lalu, Laungan-e.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Saya akan sebut laungan e selepas ini, *insya-Allah*. Jadi Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam menyebut, pihak kementerian berpandangan perkara tersebut tidak seharusnya berlakunya dan pihak pengurusan sekolah berkenaan seharusnya merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4, Tahun 2021 iaitu Dasar Pelaksanaan Imunisasi COVID-19 bagi pegawai perkhidmatan awam yang menjelaskan Dasar Pelaksanaan Imunisasi COVID-19.

Bagi pegawai perkhidmatan awam Persekutuan, tindakan yang diambil oleh pengurusan sekolah hendaklah selaras dengan peruntukan pekeliing berkenaan. Walau bagaimanapun, berkaitan Dasar Pelaksanaan Imunisasi COVID-19 adalah di luar bidang kuasa pihak kementerian.

Untuk makluman pihak Yang Berhormat Senator, pihak kementerian sentiasa membantu kerajaan terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menguatkuasakan Akta 446, dan Akta 342, walaupun di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membantu penguatkuasaan pematuhan SOP COVID-19 di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021-2025 (OSHMP2025) dibangunkan dengan tema "KKP Inklusif". Saya ucap terima kasih lagilah kepada Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam, memang beliau ini terlibat secara langsung dalam masalah keselamatan dan kesihatan pekerjaan terutamanya dalam sektor *oil and gas* ataupun minyak dan gas. Jadi, terima kasih.

#### ■1540

Jadi, kebajikan dan keselamatan pekerja dalam sektor gig laungan-e dan laungan-p dizahirkan secara terperinci melalui pengenalan 7 Teras Strategik; pemantapan KKP melalui teknologi dan peningkatan KKP berkaitan jalan raya, sektor informal dan pekerjaan masa hadapan yang diterjemahkan oleh Tuan Yang di-Pertua kepada saya iaitu daripada portal MyFutureJobs yang kita panggil 'pekerjaan masa hadapan'. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Pelan strategik ini secara spesifiknya melalui empat program yang dirangka iaitu memantapkan kesedaran dan kepekaan amalan KKP bagi pekerjaan masa hadapan; memantapkan kesedaran dan kepekaan amalan KKP dalam perkhidmatan laungan-e; memperkukuhkan pengurusan keselamatan jalan raya berkaitan pekerjaan; dan yang terakhir ialah menambahbaikkan- penambahbaikkan KKP dalam sektor informal.

Hasil daripada pelaksanaan teras strategik ini, diharapkan menjelang tahun 2025 kelak, kita akan mampu mencapai keberhasilan yang disasarkan:

- (i) meningkatkan tahap kesedaran dan kepekaan tentang keselamatan dan kesihatan pekerja berkaitan jalan raya, sektor informal dan pekerjaan masa hadapan;
- (ii) mewujudkan jaringan kepakaran dan penyelidikan antara pemegang taruh yang melibatkan amalan KKP;
- (iii) mewujudkan sistem pengurusan KKP bagi melindungi keselamatan dan kebajikan pekerja dalam sektor pekerjaan berkaitan; dan
- (iv) peningkatan kesedaran, pengetahuan dan amalan KKP di kalangan pekerja sektor informal.

Jadi, yang dibangkitkan in pun banyak juga. Saya ingat untuk Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Khairil Nizam bin Khirudin, kita akan jawab bertulis juga sebab saya ada lagi dua muka surat, saya rasa saya hendak mempercepatkan untuk kita- memudahkan Tuan Yang di-Pertua untuk membuat agenda seterusnya.

Soalan nombor 10, jawapan yang dibangkitkan oleh- ini sudah jawab. *Last sekali*, nombor 12. Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying telah membangkitkan beberapa perkara. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying atas keprihatinan Yang Berhormat Senator terhadap keselamatan dan kesihatan para pekerja di tempat kerja di masa COVID-19.

Pihak kementerian sentiasa akan memastikan keselamatan dan kesihatan para pekerja terutamanya mereka yang bekerja pada zaman COVID-19 dengan sentiasa menjalankan pemeriksaan dan audit berterusan di tempat kerja. Kita mewajibkan kalau seseorang itu mempunyai kontak rapat ataupun hubungan rapat dengan pembawa COVID-19, majikan harus memisahkan mereka dan mengarahkan mereka meninggalkan tempat kerja.

Manakala bagi isu gangguan seksual di tempat kerja; isu ini akan dikawal selia menggunakan akta yang lain. Saya difahamkan pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang menggubal akta tersebut.

Jadi, dalam perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying juga iaitu proses aduan bagi pekerja domestik yang terdedah kepada diskriminasi, bahaya diri dan juga gangguan-gangguan terhadap mereka terutamanya golongan wanita yang bekerja. Pekerja domestik turut dilindungi di bawah Akta Kerja 1955, iaitu Akta 265 melalui peruntukan-peruntukan tertentu di bawah akta tersebut.

Oleh itu, aduan boleh dibuat pada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia bagi tindakan selanjutnya, bagi memastikan pekerja domestik mendapat hak sewajarnya. Selain itu, pekerja domestik juga boleh membuat aduan melalui e-mel, talian telefon, hadir ke pejabat-pejabat Jabatan Tenaga Kerja serta melalui aplikasi Pekerjaan Untuk Pekerja yang disebutkan tadi dengan nama khasnya, *Working For Workers* yang dibina khas untuk pekerja-pekerja di Malaysia membuat aduan kalau berlaku kezaliman, diskriminasi, *intimidate* ataupun kita kata ketidakadilan kepada mereka oleh mana-mana pihak, yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Jawapan yang terakhir iaitu kepada soalan yang ke-13 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Saya mengucapkan terima kasih kerana dia memuji saya tadi membentangkan kertas kerja dengan sangat terperinci katanya, dan memenuhi kehendak apa yang sedang beliau fikirkan tadi.

Akta 514- saya pun pegawai yang buat. Akta 514 meliputi semua sektor pekerjaan termasuk pekerja yang bekerja dari rumah. Tanggungjawab majikan dinyatakan dengan jelas melalui seksyen 15, dan seksyen 17 yang disebut dalam Akta 514 yang sedia ada.

Justeru, berkenaan dengan kesihatan pekerja melalui pindaan Akta 514 ini, ruang lingkup pengawasan perubatan telah dipinda kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan yang akan meliputi skop yang lebih luas termasuk pengawasan perubatan dan pemeriksaan perubatan kepada pekerja-pekerja.

Merujuk kepada persoalan yang berkaitan dengan mekanisme menetapkan kenaikan denda atau penalti, persoalan yang sama telah dikeluarkan Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah tadi. Justeru, seperti yang dinyatakan tadi, mekanisme menetapkan kenaikan penalti atau denda adalah selaras dengan praktis yang dilaksanakan di negara-negara maju. Selain itu juga, kerajaan juga mempertimbangkan kadar penalti dengan merujuk kepada akta-akta lain dan juga maklum balas daripada orang awam, NGO dan juga kesatuan sekerja dalam menimbang denda ataupun penalti yang akan dikenakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, besar harapan saya dan rakyat dalam Keluarga Malaysia ini untuk meneruskan kehidupan dengan selamat dan sihat tanpa dihantui ketakutan berhadapan dengan bahaya yang timbul daripada pekerjaan yang bukan sahaja boleh meninggalkan kesan trauma berpanjangan kepada orang terlibat dan mungkin juga boleh meragut nyawa. Dengan RUU (Pindaan) ini, saya percaya *insya-Allah* pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara akan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan bagi melindungi keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua pekerja khususnya, dan semua rakyat negara ini amnya.

Akhir kata, saya sekali lagi bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara atas pandangan, saranan, teguran dan atas keprihatinan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, saya mengucapkan- sekian, terima kasih. Saya- okey sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 55** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perpaduan Negara (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]*

■1550

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KILANG DAN JENTERA (PEMANSUHAN) 2020**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.51 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada huraianya?

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Ada, ada. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kilang dan Jentera 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang saya akan bantah merupakan Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020.

Akta Kilang dan Jentera 1967, selepas ini disebut sebagai Akta 139, merupakan suatu akta yang memperuntukkan bagi kawalan ke atas kilang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang di dalamnya, pendaftaran dan pemeriksaan jentera dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Walau bagaimanapun, Akta 139 hanya meliputi sektor pembinaan, pengilangan, perlombongan dan pengkuarian.

Akta ini telah dikuatkuasakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) semenjak tahun 1970. Selepas pemansuhan Akta 139 ini, segala perkara berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan diuruskan di bawah Akta 514 yang lebih komprehensif dan terkini bagi menjaga keselamatan dan kesihatan dan kebajikan para pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 ini mengandungi enam fasal dan saya akan menjelaskan fasal-fasal tersebut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi peruntukan tafsiran dan memperuntukkan mengenai takrif akta yang dimansuhkan yang merujuk kepada Akta 139.

Fasal 3 menjelaskan mengenai pemansuhan Akta 139.

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa apa-apa pendaftaran yang dibuat atau perintah, arahan, notis, kelulusan, perakuan kelayakan jentera, skim pemeriksaan khas atau sijil kompetensi yang telah dikeluarkan di bawah Akta 139 hendaklah diuruskan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan [Akta 514], kecuali Notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 19(2), subseksyen 39(3) atau subseksyen 40(4) Akta 139 yang hendaklah terus diuruskan di bawah Akta 139.

Fasal 5 bertujuan untuk memperuntukkan bagi perkara-perkara yang belum selesai di bawah Akta 139. Semua permohonan, rayuan atau pemeriksaan di bawah Akta 139 yang belum selesai sebelum permulaan kuat kuasa pemansuhan Akta 139 hendaklah pada permulaan kuat kuasa pemansuhan ini diuruskan di bawah Akta 139 seolah-olah akta yang dimansuhkan ini tidak dimansuhkan. Sebab dia berlaku sebelum ini.

Fasal 6 bertujuan untuk memperuntukkan bagi penerusan prosiding undang-undang, pendakwaan jenayah atau penyiasatan atau apa-apa hukuman yang dikenakan atau tindakan yang diambil sebelum permulaan kuat kuasa pemansuhan Akta 139.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, kementerian memohon agar pindaan Akta 514 dan pemansuhan Akta 139 disambut baik dan dilihat secara positif sebagai satu- pakej

yang akan memberi faedah yang besar kepada golongan pekerja dan majikan daripada aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan keselamatan jentera dan kilang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia memohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*, Yang Berhormat Menteri menyokong. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk memansuhkan Akta Kilang dan Jentera 1967 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dalam senarai saya, ada tiga Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat. Saya bukakan peluang itu kepada mereka. Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil.

### 3.57 ptg.

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang sekali lagi diberikan kepada saya untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, saya bermula kerja tahun 2002 dalam bidang *oil and gas* ini, minyak dan gas. Antara akta yang kami biasa dan kadang-kadang kami kena hafal beberapa penataan fasal-fasal itu merupakan Akta 139 ini iaitu FMA 1967, Akta Kilang dan Jentera 1967 kerana ia amat melibatkan jentera-jentera yang kita gunakan di dalam menghasilkan minyak dan juga gas kepada keperluan negara.

Jadi bila kata hendak mansuh akta ini, ada sentimental *value* sikitlah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi bak kata pepatah lama itu, *tahu jalan kerana disuai, tahu kaji kerana lancar*. Jadi, Yang Berhormat bolehlah suai balik.

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** *[Ketawa]* Baik. Akan tetapi, itulah, kita faham ada perkara dalam dunia ini terutama dalam bidang industri sebegini rupa, ia bersifat dinamik, ia tidak statik. Jadi, pihak kementerian apabila membuat satu tindakan untuk memansuhkan akta ini dan dimasukkan penataan ini dalam akta yang kita baru bahaskan sebentar tadi, saya yakin justifikasinya ada dan komprehensif dan banyak pengiraan yang diambil setelah dibincangkan dengan pelbagai taruh yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa keputusan pemansuhan rang undang-undang ini atau dengan erti kata lain Akta 139 ini telah dibuat berdasarkan kepada sesi libat urus sehingga 10 tahun dan melibatkan banyak pihak seperti para majikan, pekerja, ahli akademik, NGO, NGI, Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan Jabatan Peguam Negara.

Persoalan yang ingin saya bangkitkan, apakah keputusan secara terperinci mengenai sesi libat urus tersebut? Apakah di sana kesemua pihak yang terlibat sebulat suara bersetuju agar Akta 139 ini dimansuhkan? Atau barangkali masih ada kebaikan yang ada pada Akta 139 ini yang boleh kita lihat kembali dan ditambah baik.

Keduanya ialah di dalam Dewan Rakyat pada hari ini Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia ada menyatakan bahawa antara sebab Akta 139 ini dimansuhkan, ia meliputi sektor pembinaan, pengilangan perlombongan dan pengkuarian sahaja. Sektor pembinaan dan pengkuarian walaupun secara individunya tidak berada dalam ranking teratas sektor yang memberikan sumbangan ekonomi terbesar kepada negara, namun gabungan dua sektor ini adalah signifikan kepada sistem ekonomi negara ataupun sumber ekonomi negara. Bahkan, seperti kita yang sedia maklum, sektor pengkuarian yang melibatkan petroleum memberikan sumbangan yang banyak kepada hasil pendapatan negara.

Di dalam Belanjawan 2022, walaupun hasil berkaitan petroleum diunjurkan lebih rendah pada 19.2 peratus daripada jumlah hasil keseluruhan pada tahun 2021, yakni sebanyak 24.9 peratus pada tahun 2020, namun jumlah RM42.5 bilion ini lebih tinggi berbanding anggaran bajet iaitu sebanyak RM37.8 bilion disumbangkan dalam bentuk dividen PETRONAS yang lebih tinggi selaras dengan peningkatan harga minyak mentah dunia.

Ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, betapa pentingnya sektor pengkuarian di dalam negara ini. Pentingnya mempunyai akta yang menjaga pekerja dan pekerjaan dalam sektor ini. Persoalan terakhir saya yang ingin saya timbulkan merupakan pertindihan skop yang sama di antara Akta 514 dan juga Akta 319 yang membawa kepada pemansuhan Akta 319. Apakah pertindihan skop tersebut dan adakah ia telah diliputi sepenuhnya di dalam Akta 514? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, dipersilakan.

#### 4.02 ptg.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tragedi yang melibatkan kecederaan mahupun kematian pekerja kilang sudah pasti merupakan antara isu yang sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saban tahun. Kemalangan di tempat kerja merupakan isu tahunan yang sentiasa dilaporkan di dada-dada akhbar. Sudah pasti perkara ini merupakan mimpi ngeri bagi mereka yang pernah menjadi mangsa kemalangan yang berpunca daripada mesin yang dikendalikan di kilang-kilang tempat mereka bekerja.

Pada Jun lalu di kawasan perindustrian Pasir Gudang, Johor, satu kematian dilaporkan di sebuah kilang memproses makanan haiwan yang melibatkan seorang operator kilang yang berusia dalam lingkungan 27 tahun. Insiden tersebut berpunca disebabkan mangsa tersepit pada mesin *loading-plate-guider*.

Saya difahamkan majikan di kilang tersebut telah diberikan empat Notis Larangan yang antaranya merangkumi dua- notis yang berkaitan dengan kegagalan memastikan mesin beroperasi dengan selamat selepas dan kegagalan melaksanakan pengenalanpastian *hazard* penaksiran risiko dan kawalan risiko atau dalam istilah Inggeris ialah *hazard identification risk assessment* dan *risk control*.

Namun begitu, insiden tersebut perlu juga diberi penelitian oleh pihak kementerian dalam aspek pengauditan operasi kilang yang wajar dilaksanakan secara berkala. Tidak adil untuk kita hanya menuding jari kepada pihak majikan kilang tanpa mempersoalkan tanggungjawab yang harus dipikul di bawah Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Biar pun beratus-ratus notis diserahkan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada majikan kilang, namun sekiranya tiada penguatkuasaan

serta pemantauan rapi yang tegas oleh Kementerian, tragedi yang berlaku di Pasir Gudang tersebut akan berulang dan akan banyak lagi nyawa yang terkorban disebabkan jentera atau mesin yang tidak dikendalikan mengikut pematuhan tertentu. Berhubung dengan perihal tersebut, saya ada empat persoalan untuk dijawab iaitu:

- (i) berapa bilangan Notis yang telah dikeluarkan oleh pihak JKPP di setiap negeri bagi kesalahan yang sama dilakukan oleh kilang memproses makanan haiwan tersebut? Berapakah jumlah denda yang telah dikeluarkan bermula dari Januari 2020 hingga bulan terakhir sebelum pemansuhan bagi rang undang-undang ini dibacakan kali pertama di Dewan Rakyat?;
- (ii) apakah aspek-aspek yang dinilai oleh pihak penguat kuasa JKPP sebelum menyerahkan satu-satu notis bagi kesalahan berkaitan mesin atau jentera kilang?;
- (iii) apakah bentuk pengauditan tahunan yang dijalankan oleh pihak Kementerian dalam memastikan setiap notis larangan yang diserahkan kepada pihak pengurusan atau majikan kilang dibuat berlandaskan aturan serta lunas perundangan yang digariskan dalam Akta Kilang dan Jentera semasa ia masih berkuat kuasa; dan
- (iv) berapakah jumlah bantuan yang telah disumbangkan oleh pihak PERKESO kepada keluarga-keluarga mangsa yang terkorban disebabkan kemalangan yang berpunca daripada mesin-mesin kilang? Sejauh mana pihak Kementerian yakin terhadap kredibiliti dan ketulusan panel-panel khas yang dipertanggungjawabkan oleh PERKESO untuk meneliti untuk diserahkan sebagai nilai perlindungan yang banyak buat ahli keluarga mangsa yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali berbicara tentang perkilangan, sudah tentu isu pencemaran alam sekitar menjadi inti pati utama, lebih-lebih lagi industri minyak sawit, pembuangan sisa tercemar oleh kilang merupakan antara fokus yang perlu dititik beratkan oleh Kementerian khususnya dalam aspek keupayaan jentera bagi menapis dan merawat sisa atau *effluent*.

Pada Julai lalu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah mengarahkan penutupan terhadap sebuah kilang sawit yang beroperasi di Ulu Keratong, Bandar Tun Razak, Pahang. Arahan penutupan tersebut dikeluarkan rentetan daripada pencemaran yang berlaku di Sungai Pukin di Rompin yang berpunca daripada tumpahan sisa tidak terawat dan mengalir kepada kilang tersebut.

Akibat daripada runtuh tebing kolam, rawatan *effluent* tersebut, kilang tersebut telah mengakibatkan pencemaran sungai yang boleh merisikokan sumber air harian penduduk sekitar. Kesannya, kilang tersebut terpaksa berhadapan dengan arahan pemberhentian operasi sehingga tempoh yang ditentukan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Sudah pasti penutupan kilang sawit tersebut memberi kesan kepada pendapatan tenaga kerja yang mungkin berdepan dengan pemotongan gaji serta penamatan pekerjaan bagi mereka yang berkhidmat secara kontrak. Hanya kerana runtuh tebing kolam rawatan sisa kilang, sumber pendapatan para pekerja terjejas dan hal ini sudah tentu memberi kesan domino kepada *survival* operasi kilang tersebut.

Perkara tersebut tidak akan menguntungkan pihak majikan yang terpaksa menanggung liabiliti dalam keadaan kilang tersebut tidak dapat beroperasi seperti sedia kala. Sewajarnya Kementerian mengambil langkah proaktif dengan menyediakan pemudah cara yang boleh mempercepatkan proses naik taraf empangan kolam rawatan *effluent* dengan penerapan teknologi baharu yang boleh meningkatkan keberkesanan sistem rawatan sisa produk sawit yang diproses di kilang tersebut.

Dalam soal ini, *interministerial collaboration*, dengan izin, perlu digerakkan bersama oleh Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Kementerian Alam Sekitar dan Air, serta

Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang juga bertanggungjawab terhadap industri sawit yang dikendalikan oleh kilang-kilang sawit milik FELCRA Berhad.

Isu pencemaran sungai dan alam sekitar tersebut, bahan buangan industri tidak bolehlah berkompromi oleh kita lebih-lebih lagi pihak penguat kuasa yang mempunyai autoriti dalam merangka dasar dan perundangan yang boleh mewujudkan penyelesaian dua hala atau *two-way solution*, dengan izin, bagi memelihara kesejahteraan alam sekitar kita tanpa membebankan sektor perkilangan. Berhubung dengan perihal tersebut, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan tindakan-tindakan lain selain denda dan arahan penutupan operasi yang telah diarahkan oleh pihak kerajaan termasuk kementerian, terhadap kilang-kilang yang didapati menjadi punca kepada pencemaran air dan udara khususnya di Negeri Sembilan

#### ■1610

Apa bentuk campur tangan serta pemudah cara yang telah dilaksanakan oleh kementerian bagi menyelesaikan kes pencemaran alam sekitar yang berlaku disebabkan kelemahan sistem rawatan kilang lebih-lebih lagi kilang yang sudah beroperasi melebihi lima hingga sepuluh tahun.

Kedua, bentuk kerjasama yang telah dijalankan oleh pihak kementerian dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam menggalakkan penggunaan teknologi baharu dalam sistem rawatan efluen di kilang-kilang sawit milik syarikat-syarikat serta agensi berkaitan kerajaan memandangkan MPOB telah mengemukakan satu teknologi rawatan efluen yang bersifat *eco-friendly*. Lagi satu minit, ya.

Ketiga, strategi yang sedang dirangka oleh kementerian bagi menarik minat pelaburan asing dalam usaha meningkatkan keupayaan teknologi *eco-friendly* bagi kilang-kilang yang diusahakan oleh syarikat-syarikat tempatan. Apa peranan yang boleh dimainkan secara bersama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam merealisasikan usaha tersebut khususnya bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ke-12 dalam aspek transformasi teknologi sektor perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020. Saya memohon menyokong rang undang-undang ini dengan harapan agar penguatkuasaan terhadap aspek keselamatan kilang serta pekerja dapat diberi anjakan baharu menerusi penggantian Akta Kilang dan Jentera dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Dipersilakan.

#### 4.12 ptg.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera kepada Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian.

Sebelum saya memulakan perbicaraan tentang Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020, saya hendak mengajak semua untuk melihat tentang sejarah yang berlaku kepada kilang-kilang yang beroperasi di Malaysia dalam tempoh 25 tahun kerana kita perhatikan bahawa sebelum kilang-kilang ini dibina, secara umumnya kilang-kilang ini mesti menghantar kertas cadangan kepada pihak-pihak berwajib berkuasa sebelum ia dapat beroperasi.

Oleh sebab itu, kita jarang dengar di Malaysia kemalangan berskala besar yang berlaku dalam negara kita kecuali berlaku lebih kurang 20 tahun dahulu kilang di Sungai



Buloh- *Bright Sparkles*, yang membuat alat-alat letupan dan juga mercun yang menelan jiwa seramai lebih kurang 54 orang.

Selepas itu, kita tidak dengar kemalangan berskala besar. Tidak seperti mana yang berlaku di Bangladesh di mana kilang-kilang kain yang berada di tingkat dua, tiga. Mereka menggaji pekerja ratusan ke ribuan dan kedudukan antara seorang pekerja dengan pekerja lain sangat dekat sehingga bila mana berlaku kebakaran oleh sebab mereka berada tingkat bukan bawah menggunakan tingkat dua dan tiga menyebabkan banyak berlaku kematian. Walaupun syarikat dari Bangladesh ini sangat terkenal dari sudut produk-produk kain dan juga ubat-ubatan generik.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa rang undang-undang Akta Kilang dan Jentera ini yang bernombor 139 dia bermula pada 1967 dan ia dimansuhkan untuk diselaraskan Akta 514 yakni Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, yakni Akta 319 dan kemudian diganti dengan Akta 514. Jadi, sekiranya akta ini tidak dimansuhkan dan diasimilasikan ke dalam Akta 514, maka kita akan lihat bahawa kita tidak dapat mencapai hasrat akta digubal dan dibentangkan pertama untuk mengurangkan kadar kemalangan di kilang-kilang tersebut.

Kedua, sektor yang diliputi oleh Akta Kilang dan Jentera ini sangat terhad dan ia hanya melibatkan hal-hal yang bersangkutan dengan Jadual Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994.

Seterusnya, kita dapati bahawa penguatkuasaan sekiranya diteruskan akta ini kurang berkesan. Oleh sebab itu, kita bersetuju bila mana pihak kerajaan menaikkan hukuman dan denda. Akan tetapi kita lihat bahawa secara umumnya kilang-kilang ini kalau dia nya multinasional, dengan izin, daripada Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, *insya-Allah* syarikat ini dia patuh kepada prosedur-prosedur yang dirangka kan dan juga yang negara kita rangka kan. Dia patuh. Akan tetapi kalau syarikat-syarikat dari Taiwan, China dan negara-negara Amerika Selatan, kita lihat bahawa mereka ini banyak mencuri. Mencuri aspek-aspek reka bentuk.

Oleh sebab itu, kita lihat banyak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini oleh kilang-kilang daripada negara-negara yang berasal daripada bukan Jepun, bukan Amerika Syarikat, bukan negara-negara Eropah. Ini kerana mereka ini *alhamdulillah* betul-betul *comply* kerana dia menjaga imej antarabangsa dia. Akan tetapi syarikat-syarikat daripada negara lain lebih kepada, dengan izin, terlalu *profit-oriented*. Oleh sebab itu banyak isu keselamatan pekerja ini dia tidak berfokus sangat. Tambahan pula dia tahu bahawa yang dia akan menggaji kebanyakan pekerja-pekerja ini daripada negara-negara lain umpamanya dari Bangladesh, Nepal, India dan Indonesia. Akan tetapi kalau ramai pekerja itu dia menggaji dari Malaysia, mungkin dari sudut keselamatan, dari sudut kepatuhan kepada reka bentuk dan sebagainya dia akan ikut.

Oleh sebab itu, kita tengok bahawa terlalu banyak rang undang-undang yang bertindih ini tidak memberi manfaat kepada negara kita. Jadi, sudah sampai waktunya saya fikir perkara rang undang-undang ini kita mansuhkan dan kita tengok misal kata antara perkara-perkara yang memberi beban kepada akta ini kalau diteruskan umpamanya peruntukan subsidiari yang akan dirancang itu dia ada halangan.

Kemudian, Akta 139 dan Akta 514 ini. Akta 514 itu yang keselamatan dan kesihatan pekerja, Akta 139 itu jentera dan kilang. Walaupun dia berlainan prinsip, tetapi ia mengelirukan kalau dua-dua itu berjalan seiring oleh pemain-pemain industri dan yang berikutnya ialah dengan pemakaian akta ini juga dia tidak membolehkan dibuat ratifikasi terhadap Artikel 13 *International Labour Organization* (ILO) yang bernombor 155.

Cuma saya minta pihak kerajaan, sekarang ini oleh sebab kita memperkenalkan pelbagai undang-undang. Saya tengok banyak jabatan mengambil kesempatan terhadap pengguna-pengguna produk-produk yang dikeluarkan oleh kilang-kilang. Umpamanya sekarang ini banyak keluhan kita dapati daripada kontraktor, konsultan-konsultan, terutama kontraktor di mana kita lihat bahawa masing-masing telah mengenakan akta mereka sendiri.

Seumpamanya Tenaga Nasional Berhad, CIDB, Telekom, Keretapi Tanah Melayu (KTM). Sepatutnya bagi saya untuk tidak merumitkan dan menjimatkan masa dan memberi ruang kepada lebih banyak penceburan daripada pemain-pemain industri ini.

#### ■1620

Sepatutnya ia diselaraskan oleh satu atau dua buah jabatan yang meliputi semua aspek nama-nama perbadanan syarikat GLC dan sebagainya, yang saya sebut tadi supaya tidak mengenakan pelbagai khusus. Sekarang ini KTM, siapa yang hendak jalankan kerja dia mesti melalui kursus dia. Telekom siapa hendak buat kerja dia, kena lalui kursus dia. TNB siapa hendak lalui kursus dia, kena pergi kursus dia. PETRONAS kursus dia.

Masing-masing mengambil kesempatan dan menyulitkan kerana dalam kerja yang tidak seberapa, tiba-tiba kena mengeluarkan kos untuk melalui semua kursus tersebut. Jadi, saya fikir kerajaan sudah tubuhkan CIDB, sepatutnya CIDB *handle* semua, dengan izin, cabang-cabang sektor daripada Telekom atau KTM beri satu kursus kalau perlu ambil seminggu, seminggu. Ini ambil dua kursus, dua hari sini, dua hari sini.

Jadi tidak memberi ruang yang baik untuk lebih ramai pemain menceburkan diri. Jadi saya fikir semua kerajaan, kementerian dengan penglibatan CIDB memanggil pemain-pemain daripada konsultannya, daripada kontraktornya supaya diadakan majlis dialog untuk menyelesaikan isu ini, supaya kursus paling tinggi dua kursus memenuhi semua skop untuk jabatan-jabatan itu tadi.

Oleh sebab itu saya tengok sekarang ini, kilang-kilang kita ini yang kerajaan kena fokus Tuan Yang di-Pertua ialah kilang-kilang yang kecil dan sederhana. Ini yang selalu curi tulang ini dari sudut pematuhan kepada reka bentuk kepada reka bentuk yang diluluskan oleh pihak berkuasa. Pemain-pemain industri besar ini lazimnya mereka tidak berani kerana mereka ini mungkin syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur atau bursa-bursa luar negara.

Lazimnya- saya tidak kata semua, tetapi ada juga yang bertaraf bilionair, syarikat yang bertaraf bilion tetapi masih juga secara diam-diam menipu dan juga itu tetapi diketahui- ada, ramai juga. Akan tetapi secara umumnya, kita kena fokus pasal ini yang bahaya. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, misalnya kita kata plastik. Plastik ini kebanyakan pengilang ini mereka hendak menjual dengan harga yang murah. Maka kita tengok bahan mentahnya merupakan tahi daripada minyak. Tahi minyak itu yang kotor, jadi bekas makanan kita.

Oleh sebab itu banyak negara telah mengharamkan secara total penggunaan plastik kerana bahan mentahnya memang bahan bahaya. Bahan kimia yang bahaya. Kemudian dia pun tahi kimia itu sendiri bukan setakat bahan kimia bahaya, tahi kimia itu sendiri bahaya. Itu bahan mentah kepada produk-produk plastik.

Jadi saya fikir kita- kerajaan mesti pantau syarikat-syarikat pengeluaran plastik ini. Kalau setakat dia di-*confined*-kan, dengan izin diskopkan kepada barang-barang jentera yang tidak melibatkan bekas makanan dan sebagainya- untuk botol minuman, saya rasa okey. Itu boleh dibenarkan demi kelestarian industri dan ekonomi negara itu sendiri. Akan tetapi kalau untuk jadikan bekas-bekas makanan, botol-botol minuman, yang itu kerajaan perlu sangat prihatin kerana ia memberi kesan besar kepada kesihatan pengguna itu sendiri. Banyak kajian mendapati kanser dan sebagainya.

Cuma satu lagi saya minta kerajaan secara umumnya sektor kerajaan untuk menyemak, menyiasat ini kecil, tidak cukup kakitangan itu memang jelas. Saya rasa adalah baik kalau kerajaan bekerjasama dengan pihak-pihak universiti, banyak yang fakulti elektriknya seperti jenteranya yang ada mekanisasi dan sebagainya itu, untuk bersama-sama bergabung dari sudut memastikan bahawa tidak berlaku pencemaran kerana pengilangan ini. Misal kata berlaku di Pasir Gudang, menyebabkan kita mengisytiharkan semi darurat kerana pelepasan bahan-bahan kimia kepada sungai. Di situ menyebabkan ia memberi kesan kepada masyarakat sekitar Pasir Gudang dan hampir-hampir ke Johor baru dan Kluang itu sendiri.

Oleh sebab itu saya rasa untuk semakan ini memang jabatan kerajaan *per say*, dengan izin, tidak mampu. Dia mesti menggunakan universiti-universiti, politeknik-politeknik, vokasional-vokasional untuk sama-sama berganding bahu untuk menyemak, menyasat, memantau sektor-sektor perkilangan yang tumbuh sebagai cendawan khususnya di kawasan industri-industri kecil dan sederhana. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad atas perbahasannya tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia untuk menjawab.

#### 4.25 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Seramai tiga orang yang mengambil bahagian bagi sesi perbahasan Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 pada hari ini.

Pertamanya saya akan menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin melibatkan libat urus dalam proses pemansuhan Akta 139. Keduanya disentuh berkenaan dengan pertindihan Akta 139, dan Akta 514. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Mengenai isu libat urus untuk pemansuhan Akta Kilang dan Jentera 1967 ia telah diadakan beberapa kali dengan pelbagai pihak yang terlibat secara langsung daripada kalangan Kesatuan Majikan, NGO, Kesatuan Pekerja dan juga agensi kerajaan.

Hasil daripada proses libat urus tersebut, kementerian telah memutuskan telah sampai masanya untuk pihak kementerian menguatkuasakan satu akta tunggal sahaja dengan mempunyai objektif yang sama iaitu untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan para pekerja yang merangkumi seluruh sektor pekerjaan di negara ini. Ini kerana Akta 139 hanya merangkumi tempat kerja yang termasuk definisi kilang sahaja mengikut akta ini. Langkah ini juga, mengadaptasi praktis negara-negara maju lain seperti mana negara Singapura dan juga *United Kingdom*.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sektor petroleum yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin. Kerajaan sedia maklum bahawa sektor petroleum memang memberikan sumbangan yang banyak kepada hasil pendapatan negara. Sektor ini juga memberi peluang pekerjaan yang luas kepada rakyat di negara ini.

Justeru itu, walaupun Akta 139 dimansuhkan, sektor pekerjaan minyak dan gas tetap menjadi keutamaan pihak kementerian untuk memastikan sektor ini sentiasa beroperasi dengan selamat dan tiada risiko kepada pekerja. Beberapa peraturan baharu akan digubal di bawah Akta 514- nanti untuk mengawal selia KKP sektor ini. Sekiranya Akta 139 ini diluluskan untuk pemansuhan, maka semua aktiviti Akta 139 ditambahbaikkan lagi dan dimasukkan dalam Akta 514.

Tuan Yang di-Pertua mengenai isu pertindihan skop Akta 139, dan Akta 514 terdapat beberapa pertindihan. Antaranya seperti berikut tidak akan berlaku pertindihan tersebut kecuali akta-akta atau kes-kes yang berlaku ketika sebelum sekiranya Akta 139 hari ini dimansuhkan. Jadi kes itu akan berjalan mengikut tarikh sebelum ini. Selepas ini Akta 139 tidak akan diguna pakai lagi. Kita hanya akan menggunakan satu akta iaitu Akta 514 yang telah diluluskan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab majikan untuk memberikan notifikasi pemberitahuan kemalangan yang bertindih dalam dua akta ini akan dirangkumi sepenuhnya oleh peraturan di bawah Akta 514, objektif akta ini.

Objektif Akta 139 ini bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja hanya di sektor kilang sahaja. Selepas pemansuhan akta ini, objektif Akta 139 akan diuruskan sepenuhnya oleh Akta 514.

Kesimpulannya, pemakaian Akta 514 lebih meluas di mana objektif akta ini dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 4 akta tersebut. Kementerian percaya Akta 514 adalah berbentuk pengaturan sendiri berbanding dengan Akta 139 yang bersifat preskripsi. Seterusnya dapat memudahkan majikan dalam mematuhi perundangan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

#### ■1630

Untuk perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair iaitu pertama berkenaan kemalangan di tempat kerja. Kedua, disentuh juga pencemaran alam sekitar seperti *dust explosion* dan sebagainya disebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator mengenai kemalangan di tempat kerja dan pihak kementerian sangat memandang serius setiap pelanggaran undang-undang oleh pihak majikan. Proses penyiasatan dan pendakwaan akan dijalankan mengikut akta sedia ada dengan kita bersandarkan kepada SOP yang telah diberikan kepada majikan. Mengenai persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, persoalan tersebut memerlukan jawapan yang lebih terperinci dan spesifik dan saya mohon untuk memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan isu adakah tindakan-tindakan lain dikenakan terhadap kilang-kilang yang didapati mencemarkan alam sekitar. Antara tindakan boleh dikenakan terhadap kilang yang didapati mencemarkan alam sekitar adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar.

Seterusnya, saya juga akan menyentuh sedikit lagi. Pada tahun 2020, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, PERKESO telah membayar pampasan sebanyak RM226 juta bagi kes hilang upaya sementara akibat kemalangan tersebut.

Kedua, PERKESO telah membayar RM523 juta bagi kes hilang kekal.

Ketiga, PERKESO juga telah membayar RM344 juta bagi kes maut dan faedah orang tanggungan ketika mereka menghadapi kemalangan sama ada di tempat kerja, masa pergi kerja dan juga balik daripada kerja. Mereka diberi perlindungan oleh PERKESO dan mewajibkan majikan mesti mencarum pekerja-pekerja mereka di bawah PERKESO. Ini kerana mereka juga memberi perlindungan kepada isteri dan anak-anak ketika berlaku musibah yang tidak dijangkakan. Itu berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Seterusnya, berkenaan dengan Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad iaitu menyentuh menyokong pemansuhan Akta 139.

Kedua, perlu menyelaraskan pematuhan perundangan yang pelbagai. Juga, tadi telah disentuh berkenaan dengan pertindihan. Selaras itu maksudnya, supaya tidak berlaku pertindihan.

Ketiga, menyokong Akta 139 ini kita tidak mahu banyak akta-akta yang bersamaan berlaku pertindihan dalam pendakwaan.

Sekarang kita rangkum dalam Akta 514 yang di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kementerian menyambut baik cadangan berkenaan menyebabkan pematuhan perundangan yang sama oleh agensi yang berbeza melalui Majlis Negara bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Perkara ini akan diperhalusi. Keanggotaan majlis yang terdiri daripada pelbagai bidang dan pengetahuan. Saya percaya penyelarasan dapat dilakukan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, besar harapan saya dan rakyat dalam Keluarga Malaysia ini untuk meneruskan kehidupan dengan selamat dan sihat tanpa ketakutan berhadapan dengan bahaya yang timbul daripada pekerjaan mereka yang sedang mencari rezeki untuk diri mereka, isteri dan anak-anak termasuk ibu bapa mereka bagi menyara kehidupan sehingga akhir hayat.

Kepada yang terlibat, kita masih ingat, bukan sahaja meninggalkan kesan trauma berpanjangan kepada mereka yang terlibat ketika kemalangan semasa pergi kerja, balik kerja ataupun di tempat kerja dan mungkin juga boleh meragut nyawa. Rang undang-undang pemansuhan ini saya percaya, saya yakin *insya-Allah* pengurusan KKP Negara akan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan bagi melindungi keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua pekerja khususnya dan semua rakyat negara amnya.

Akhir kata, sekali lagi pihak kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan Negara atas pandangan, saranan, teguran dan atas keprihatinan Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan saya mohon mencadangkan. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Asli Manusia atas jawapan yang diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya adalah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai*

*Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perpaduan Negara (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN) 2021**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.38 ptg.**

**Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan iaitu rang undang-undang yang bernama akta untuk meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Februari tahun 2021.

Selanjutnya telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Oktober 2021. Seiring dengan komitmen negara untuk terus memelihara khazanah hidupan liar negara, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 atau Akta 716 telah diperkenalkan dan mula dikuatkuasakan pada 28 Disember 2010 bagi menggantikan Akta Hidupan Liar 1972, atau Akta 76 yang telah dimansuhkan. Akta 716 mengandungi 136 seksyen dan sembilan bahagian yang berkaitan dengan pemuliharaan hidupan liar dan habitatnya.

#### ■1640

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk memelihara dan menguruskan hidupan liar dan aktiviti-aktiviti berkaitan melalui penguatkuasaan Akta 716 yang terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.

Setelah 10 tahun pelaksanaan Akta 716, PERHILITAN telah mengenal pasti beberapa perkara yang perlu dibuat penambahbaikan ke atas Akta 716 khususnya yang melibatkan tindakan penguatkuasaan. Pindaan kali ini merupakan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, diadakan untuk Akta 716 ini dan pindaan yang dilaksanakan merangkumi perkara-perkara berikut.

Pertama, skop perlindungan terhadap hidupan liar yang tidak seiring dengan perkembangan teknologi dan isu semasa. Pada masa ini, tiada peruntukan yang membolehkan tindakan diambil terhadap individu yang mengiklankan penjualan hidupan liar atas talian ataupun *online*, dengan izin. Situasi ini telah menjadi faktor penggalak kepada pemburu haram untuk mengeksploitasi hidupan liar dan menjual terus melalui platform media sosial dan *e-commerce* kepada pembeli yang berminat.

Kedua, tiada peruntukan khusus bagi mengawal aktiviti melibatkan hidupan liar yang semakin berkembang seperti rehabilitasi, latihan dan penginapan hidupan liar, pengambilan sampel untuk tujuan penyelidikan dalam rizab hidupan liar, pengendalian pertandingan hidupan liar, pengendalian perkhidmatan kawalan hidupan liar dan penggunaan hidupan liar bagi apa-apa aktiviti keagamaan, adat atau kebudayaan.

Ketiga, tiada punca kuasa bagi kutipan fi dilaksanakan bagi aktiviti di dalam kawasan rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar. Hasil kutipan fi ini boleh digunakan bagi penyelenggaraan fasiliti, pengurusan sampah, pembaikan laluan pendakian dan pengurusan keselamatan pelawat.

Keempat, aktiviti hibrid hidupan liar tidak dapat dijalankan kerana spesies hibrid dikategorikan sebagai spesies terkawal. Bagi sesetengah spesies hidupan liar yang boleh dihibridkan, ia berpotensi membawa keuntungan daripada segi ekonomi dan keselamatan makanan atau *food security*, dengan izin, sekiranya diuruskan dengan baik melalui peraturan khusus.

Kelima, hukuman dan denda yang rendah tidak memberikan pengajaran kepada pesalah.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 ini adalah lebih responsif kepada keperluan semasa dalam membanteras jenayah hidupan liar. Penguatkuasaan Akta 716 sedia ada tidak dapat menurunkan kadar jenayah hidupan liar yang akan menyebabkan kepupusan hidupan liar. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan untuk melindungi hidupan liar malah turut melindungi habitatnya.

PERHILITAN telah mengadakan beberapa sesi libat urus iaitu *engagement*, dengan izin, dengan semua kerajaan negeri, badan-badan NGO dan turut melaksanakan *online public consultation*, dengan izin, antara tahun 2019 sehingga Julai 2021. Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada rundingan awam ini mendapati bahawa 97 peratus responden bersetuju dengan cadangan pindaan Akta 716 ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, saya ingin mengambil kesempatan menerangkan rang undang-undang ini dengan lebih terperinci sedikit yang merangkumi pindaan kepada 63 peruntukan, pemansuhan tujuh peruntukan dan pengenalan lima peruntukan baharu yang boleh dirangkum dalam tujuh skop utama seperti berikut.

Skop pertama merupakan penyelarasan dan pengukuhan hukuman dan penalti. Skop ini bertujuan untuk menetapkan hukuman penjara selama tiga tahun ke atas bagi membolehkan kesalahan tersebut dikategorikan sebagai kesalahan boleh tangkap selaras dengan peruntukan Kanun Tatacara Jenayah. Pada masa ini, hukuman pemenjaraan bagi kesalahan terhadap aktiviti melibatkan hidupan liar adalah hanya antara enam bulan sehingga dua tahun sahaja. Oleh itu, tidak boleh dikategorikan sebagai kesalahan boleh tangkap.

Pindaan utama Akta 716 bagi tujuan skop satu ini adalah seperti berikut.

Pindaan kepada subseksyen 17(2), 21(2), 22(2), 36(2), 37(2), 44(2), 51(3), 53(5), 54(4) dan 55(4) Akta 716 dengan meningkatkan tempoh penjara daripada tidak melebihi enam bulan kepada tidak melebihi tiga tahun.

Kedua, pindaan kepada subseksyen 29(2) dan seksyen 49, Akta 716 dengan menggantikan penalti pemenjaraan pada tempoh tidak melebihi 10 tahun.

Ketiga, pindaan kepada seksyen 74, 77, 78, 80, 82, 83, 84, 86, 87, 88, 114 dan 115 serta subseksyen 40(2), 41(2), 42(2), 43(2), 45(3), 46(2), 101(4), 115(2), 117(2), dan 120(2) Akta 716 dengan meningkatkan tempoh penjara daripada tidak melebihi satu tahun kepada tidak melebihi tiga tahun.

Keempat, pindaan kepada seksyen 43 dengan memasukkan subseksyen (3) iaitu meletakkan penalti pemenjaraan tidak melebihi tiga tahun.

Kelima, pindaan kepada seksyen 64, 67, 75, 79, 81 dan 85 serta subseksyen 60(1) dan 119(2), Akta 716 ini dengan meningkatkan tempoh penjara daripada tidak melebihi dua tahun kepada tidak melebihi tiga tahun.

Keenam, pindaan kepada seksyen 61 dan 62 dengan meningkatkan tempoh penjara daripada tidak melebihi lima tahun kepada tidak melebihi tujuh tahun.

Ketujuh, pindaan kepada seksyen 63 dengan memasukkan perenggan (a) iaitu penalti pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Kelapan, pindaan kepada seksyen 65 dengan meningkatkan tempoh penjara daripada tidak melebihi satu tahun kepada tidak melebihi 15 tahun.

Kesembilan, pindaan kepada seksyen 66 dengan memasukkan perenggan baharu (a), (b) dan (c) iaitu penalti pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Kesepuluh, pindaan kepada subseksyen 70(2), Akta 716 dengan meningkatkan tempoh penjara daripada tidak melebihi lima tahun kepada tidak melebihi 15 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, skop kedua merupakan meningkatkan kadar hukuman dan penalti. Pada masa ini, denda maksimum bagi kesalahan berat seperti melibatkan pemburuan haram hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya seperti harimau belang, harimau kumbang, harimau dahan, kambing gurun dan seladang adalah sebanyak RM500 ribu. Pindaan Akta 716 melibatkan cadangan untuk meningkatkan denda maksimum daripada RM500 ribu kepada RM1 juta. Hukuman penjara maksimum pula ditingkatkan daripada 10 tahun kepada 15 tahun sebagai hukuman yang bersifat mencegah dan memberikan pengajaran yang sewajarnya kepada pelaku jenayah.

Pindaan utama kepada Akta 716 bagi skop ini adalah seperti berikut.

Pertama, pindaan kepada seksyen 49 bagi mewujudkan denda maksimum sebanyak RM1 juta terhadap mana-mana orang yang memburu mana-mana hidupan liar, haiwan atau burung, atau mengambil, mengganggu sarang atau telur mana-mana hidupan liar, haiwan atau burung, atau mengganggu, memotong, mengalih, atau mengambil apa-apa tanah, pokok kayu atau tumbuh-tumbuhan atau mengambil apa-apa jenis sampel yang lain dalam rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar.

Kedua, pindaan kepada subseksyen 69(1) bagi meningkatkan hukuman penjara daripada tidak melebihi 10 tahun kepada 15 tahun bagi mana-mana orang yang memburu atau menyimpan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang tidak matang.

#### ■1650

Ketiga, pindaan kepada subseksyen 69(2) bagi meningkatkan hukuman penjara daripada tidak melebihi lima tahun kepada tidak melebihi 15 tahun bagi mana-mana orang yang melakukan kesalahan membabitkan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya seperti harimau belang, harimau kumbang, seladang, kambing gurun dan badak Sumatera.

Keempat, pindaan kepada subseksyen 72 bagi meningkatkan hukuman penjara daripada tidak melebihi lima tahun kepada tidak melebihi 15 tahun bagi mana-mana orang yang melakukan kesalahan membabitkan hidupan liar betina yang dilindungi sepenuhnya.

Kelima, pindaan kepada seksyen 71 yang meningkatkan hukuman denda tidak melebihi RM1 juta dan pemenjaraan tidak melebihi 15 tahun bagi kesalahan mengimport, mengeksport atau mengeksport semula hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas.

Tuan Yang di-Pertua, skop tiga merupakan peruntukan kesalahan bagi pengisytiharan palsu. Pada masa ini tiada sebarang penalti bagi kesalahan membuat pengisytiharan palsu dalam dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki dalam permohonan lesen permit atau permit khas. Pengenalan seksyen baru 123A bagi memperuntukkan tindakan perundangan dikenakan kepada kesalahan membuat pengisytiharan palsu.

Skop empat merupakan larangan penganjuran pertunjukan dan promosi hidupan liar. Peruntukan baru diperkenalkan iaitu seksyen 88A yang mengehadkan penganjuran pertunjukan hidupan liar hanya kepada pemegang permit pengendalian zoo yang memiliki fasiliti mengikut standard yang ditetapkan dan boleh mengawal penonton untuk menganjurkan pertunjukan hidupan liar.

Selain itu, seksyen 88B juga diperkenalkan bagi membolehkan tindakan perundangan dikenakan kepada individu yang mengiklankan atau mempromosi hidupan liar bagi maksud menjual atau menawarkan perolehan hidupan liar secara haram. Pada masa ini, PERHILITAN tidak dapat mengawal aktiviti mempromosikan hidupan liar atas talian melalui laman web media sosial atau medium-medium interaktif yang lain memandangkan tiada peruntukan yang melarang aktiviti tersebut.

Skop lima mewujudkan peruntukan khusus bagi mengawal aktiviti melibatkan pengendalian dan perkhidmatan hidupan liar.

Pindaan terhadap seksyen 10 yang melibatkan aktiviti baharu seperti pengendalian fasiliti-fasiliti rehabilitasi latihan dan penginapan, serta pengendalian pertandingan perkhidmatan kawalan dan penggunaan hidupan liar dalam menjalankan aktiviti keagamaan adat dan kebudayaan.

Skop enam merupakan pengenalan kutipan fi, pindaan kepada seksyen 48 bagi memperuntukkan kutipan fi masuk, dan fi aktiviti yang dijalankan dalam rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar.

Pada masa ini tiada fi masuk dan fi aktiviti seperti seni, sains atau rekreasi dikenakan dalam rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar. Skop yang ketujuh adalah berkaitan penyelarasan seksyen-seksyen. Pindaan yang dilakukan memerlukan penyelarasan antara satu seksyen dengan seksyen yang lain agar tidak bercanggah. Pindaan utama kepada Akta 716 bagi tujuan skop ini adalah seperti berikut.

Pertama, pemansuhan seksyen anak hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang diturun taraf sebagai hidupan liar dilindungi. Seksyen 30 dimansuhkan kerana taraf hidupan luar yang dilindungi sepenuhnya tidak boleh disamakan tarafnya sebagai kelas hidupan liar yang dilindungi. Sekiranya anak hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang di biak baka tetapi tarafnya telah diturunkan kepada hidupan liar yang dilindungi akan berlaku konflik dalam menetapkan pertuduhan bagi kesalahan yang melibatkan seksyen ini.



Kedua, pemansuhan seksyen perniagaan taksidermi. Setelah dikaji semula aktiviti perniagaan taksidermi tidak mempunyai perbezaan daripada segi pengurusan mahupun pemantauannya berbanding dengan jenis perniagaan lain yang dilesenkan di bawah Akta 716 seperti kedai haiwan pemeliharaan, atau *pet shop*, butik fesyen, kedai ubatan tradisional Cina mahupun restoran. Kesemua peniaga berlesen di bawah akta ini tertakluk kepada obligasi seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 37 akta ini iaitu dikehendaki menyimpan dan menyelenggarakan satu rekod yang mengandungi butiran mengenai hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar yang diniagakan.

Justeru, seksyen 38 dan seksyen 39, Akta 716 dimansuhkan kerana tiada keperluan untuk memperuntukkan seksyen khas bagi aktiviti taksidermi di bawah akta ini.

Ketiga, mempermudah aktiviti penyelidikan. Sebagai inisiatif kerajaan untuk mempermudah dan menggalakkan aktiviti penyelidikan berkaitan hidupan liar seksyen 73, Akta 716 dimansuhkan dengan meminda dan memperkemas seksyen 10 akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat merupakan pemansuhan seksyen mengguna hidupan liar. Seksyen 72 dimansuhkan bersama dengan perenggan 11(e) kerana memadai bagi operator zoo pameran atau pembiak baka- komersial untuk memiliki permit khas menyimpan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang dikeluarkan di bawah perenggan 11(a), Akta 716 dan memiliki permit mengendalikan zoo pameran atau pembiakbakaan- komersial yang dikeluarkan di bawah perenggan 10(a), 10(b) atau 10(c) Akta 716.

Kelima, pemansuhan seksyen larangan penghibridan. Terdapat percanggahan dalam peruntukan berkaitan hibrid dalam Akta 716 iaitu antara seksyen 117, 118 dan 119. Peruntukan seksyen 119 menerangkan bahawa sebarang aktiviti hibrid melibatkan hidupan liar adalah tidak dibenarkan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pengarah PERHILITAN.

Peruntukan seksyen 118 pula menerangkan bahawa hasil penghibridan disifatkan sebagai spesies yang dikawal yang disenaraikan di bawah Jadual Kelima Akta 716 di mana tiada apa-apa aktiviti boleh dilakukan bagi spesies di bawah jadual ini. Justeru itu, hasil aktiviti penghibridan yang diberikan kebenaran oleh Ketua Pengarah PERHILITAN tidak boleh disimpan, dijual, dibeli, diimport, dieksport, selaras dengan peruntukan seksyen 117.

Bagi penyelarasan semula seksyen berkaitan hibrid, maka seksyen 118 dimansuhkan. Spesies hibrid tidak lagi disifatkan sebagai spesies yang dikawal bagi membolehkan aktiviti penghibridan dijalankan untuk tujuan komersial dan kepentingan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, kesimpulannya saya yakin rang undang-undang yang dikemukakan ini akan dapat memastikan konservasi hidupan liar melalui pengawalan, pengurusan dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan bagi melindungi dan memulihara hidupan liar di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli di atas huraian tadi. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat 13 orang pembahas.

■1700

- (i) Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair;
- (ii) Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah;

- (iii) Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad;
- (iv) Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya;
- (v) Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan;
- (vi) Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah;
- (vii) Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz;
- (viii) Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin;
- (ix) Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek;
- (x) Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying;
- (xi) Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid;
- (xii) Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya; dan
- (xiii) Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat persidangan kita ini akan ditangguhkan tepat pukul 5.30 petang. Jadi yang mana ada kesempatan, kita dapat bahaskan.

Oleh itu saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas sebagai pembahas yang pertama. Dipersilakan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Masih lapan minit kah Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa ikut yang kita tetapkan tadi, lapan minit.

#### 5.01 ptg.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** [*Ketawa*] Okey, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021.

Tuan Yang di-Pertua, pemerdagangan dan penyeludupan haiwan-haiwan liar yang eksotik bukanlah isu baharu di dalam negara ini. Pada Julai tahun 2018 di Johor, pihak Polis Diraja Malaysia menerusi Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman dengan kerjasama Jabatan Pelindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah berjaya menggagalkan satu sindiket penyeludupan hidupan liar yang bernilai kira-kira RM1 juta.

Dalam sebuah serbuan yang dibuat di Johor Bahru itu, pihak polis dan PERHILITAN telah menemui tulang tengkorak, sepasang tiga gigi taring harimau, lima batang hempedu landak, 21 hempedu beruang, dua batang tanduk banting, satu tanduk kambing gurun, dua pasang tanduk hidupan liar lain. Anehnya, sindiket tersebut hanya berjaya ditumpaskan setelah lapan tahun mereka beroperasi.

Perkara ini disahkan sendiri oleh Dato' Sri Zulkifli Abdullah, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Bukit Aman. Penangkapan individu-individu yang terlibat dalam sindiket penyeludupan tersebut secara tidak langsung menjelaskan bahawa Kementerian Dalam Negeri yang sebelum ini dikepalai oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Bagan Datuk telah gagal menumpaskan jenayah penyeludupan haiwan-haiwan liar yang berkemungkinan besar didalangi sendiri oleh individu-individu kenamaan yang berselindung di sebalik mereka yang menjalankan kegiatan pemburuan dan pemerdagangan hidupan liar.

Turut dinyatakan oleh Pengarah KDNKA itu, sindiket tersebut berpangkalan di Johor di mana Malaysia telah dijadikan sebagai transit bagi aktiviti penyeludupan haiwan-haiwan liar sebelum ia dieksport ke China menerusi Indonesia. Peristiwa tersebut perlu dijadikan iktibar dan pengajaran oleh kerajaan untuk sentiasa *alert* dengan kewujudan sindiket-sindiket penyeludupan organ-organ haiwan liar yang sudah pun bertahun-tahun lamanya bertapak di negara ini, terutamanya dalam soal kawalan sempadan.

Sudah tentu antara punca yang membolehkan penyeludup-penyeludup haiwan liar meloloskan diri daripada pihak-pihak berkuasa disebabkan lemahnya sistem kawalan keselamatan sempadan yang mengawal selia jalan-jalan darat yang menghubungkan sempadan negara dengan negara-negara jiran seperti Thailand dan Indonesia.

Selain menjadi tanggungjawab besar buat Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dalam pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan-hidupan liar, kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pengangkutan sewajarnya berganding bahu dengan Kementerian Dalam Negeri dalam mempertingkatkan lagi usaha-usaha pemantauan dan pambanterasan terhadap aktiviti-aktiviti logistik yang dijalankan di pelabuhan-pelabuhan penting di Malaysia.

Tidak mustahil selain daripada jalan-jalan tikus yang selalu digunakan oleh penyeludup *international seaport* seperti pelabuhan Klang juga mungkin secara senyap dijadikan *channel* atau saluran oleh pihak-pihak tertentu yang terlibat dalam rantai penyeludupan- *smuggling chain*, dengan izin, bahagian-bahagian atau organ-organ haiwan ke negara-negara asing. Kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa antarabangsa khususnya negara-negara jiran juga perlu diperhebat sekiranya kerajaan benar-benar serius untuk mengekang aktiviti-aktiviti penyeludupan haiwan-haiwan liar yang mencecah nilai jutaan ringgit.

Saya juga mengambil maklum tentang pelaksanaan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang dilancarkan dan digerakkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang turut memandang serius jenayah penyeludupan haiwan liar. Pemeriksaan-pemeriksaan rapi yang dijalankan oleh pihak kastam menerusi OBK memerlukan gagasan kerjasama yang berintegrasi dengan negara-negara luar sejajar dengan *total war* yang dilancarkan oleh kastam terhadap jenayah pemerdagangan haiwan-haiwan liar yang sudah bertahun-tahun dijalankan menerusi rangkaian-rangkaian penyeludupan tertentu termasuklah melalui lapangan terbang.

Tuan Yang di-Pertua, gading gajah, taring harimau dan sumbu badak merupakan antara tarikan bagi sesetengah individu untuk dijadikan perhiasan dalaman di rumah mahupun di pejabat mereka. Bulan September lalu, menerusi Operasi Bersepadu Khazanah yang dijalankan di Zon Tengah KLIA, PERHILITAN telah merampas sebanyak 50 batang sumbu badak bernilai sekitar RM30 juta. Disyaki sumbu-sumbu badak tersebut telah dibawa dari negara luar dan perkara ini telah mengundang 1,001 pertanyaan mengenai siapakah yang membuat pembelian bagi kesemua 50 batang sumbu yang dipercayai diseludupkan melalui KLIA dan atas tujuan apakah sumbu-sumbu tersebut diseludupkan.

Berhubung dengan itu, isu tersebut, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan pertama, dapatan daripada ujian DNA yang telah dijalankan oleh Makmal Forensik PERHILITAN bagi mengenal pasti *originality* kesemua sumbu badak yang berjaya dirampas dalam operasi tersebut.

Kedua, apa mekanisme atau kaedah yang selama ini diguna pakai bagi melakukan *valuation* terhadap satu-satu bahagian atau organ hidupan liar seperti dalam kes ini, ia telah dianggarkan bernilai RM30 juta iaitu bersamaan dengan RM600 ribu bagi setiap satu batang sumbu yang dirampas?

Ketiga, apakah bentuk penyiasatan terperinci- *in-depth investigation* yang telah dijalankan oleh pihak-pihak berkuasa yang terlibat dalam mengenal pasti jaringan individu-individu atau dalang sebenar yang terlibat dalam penyeludupan sumbu-sumbu badak tersebut memandangkan ia melibatkan kos yang cukup besar? Secara logiknya, ia mesti didalangi atau dipercayai oleh individu-individu berstatus hartawan yang mempunyai kemampuan kewangan untuk memiliki bahagian-bahagian tertentu yang bernilai tinggi yang terdapat pada hidupan liar seperti badak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai inti pati akhir perbahasan saya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kenaikan denda wang dan tempoh berkenaan yang dikenakan kepada pesalah-pesalah yang disabit di bawah rang undang-undang ini. Secara peribadi, saya menyambut baik cadangan pindaan seksyen 119(2) rang undang-undang ini yang menaikkan had siling denda daripada RM50 ribu kepada RM100 ribu di samping menaikkan tempoh pemenjaraan daripada dua tahun kepada tiga tahun.

Izinkan saya lagi seminit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Namun begitu, saya berpendapat bahawa had lantai denda yang diperuntukkan dalam seksyen ini wajar dinaikkan RM50 ribu setimpal dengan keuntungan yang diperoleh oleh mereka yang menyeludup haiwan-haiwan liar yang nilainya boleh mencecah puluhan juta ringgit bagi satu-satu *shippon*.

#### ■1710

Dengan izin, *it is nothing for the rich to pay such little fine*, dengan izin. Jumlah kekayaan individu yang mampu membeli bahagian pada mana-mana haiwan liar sudah pasti melebihi had siling denda yang dicadangkan dalam seksyen tersebut. Misalnya, jika individu tersebut mampu untuk mendapatkan taring harimau dengan nilai sebanyak RM1 juta tanpa kebenaran bertulis daripada ketua pengarah, secara logiknya jika dia didakwa dan didapati bersalah, denda maksima RM100 ribu yang dikenakan itu tidak membawa sebarang masalah kepada individu tersebut.

Sewajarnya dengan mengambil kira nilai nyawa hidupan-hidupan liar yang terancam dan kepupusan disebabkan kejahatan manusia yang rakus kerana wang ringgit, jumlah denda dan tempoh pemenjaraan tersebut wajar dinaikkan dengan sokongan majoriti Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya berharap agar pindaan-pindaan baharu yang dikemukakan bagi rang undang-undang ini dapat dijadikan sebagai pedoman buat seluruh rakyat Malaysia khususnya individu-individu yang tidak berperikemanusiaan yang menjadikan wang Ringgit sebagai medium pertukaran untuk meragut nyawa-nyawa hidupan liar.

Sekian saja ucapan saya bagi perbahasan Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar 2021. Saya mohon menyokong dengan syarat bahawa pindaan bagi seksyen 119(2) yang menyebut berkenaan dengan nilai denda dan tempoh pemenjaraan dapat dinaikkan lagi kepada satu nilai dan tempoh yang berpatutan. Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavades atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Sr., Tuan Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Dipersilakan.

#### 5.12 ptg.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, dan sahabat-sahabat Senator sekalian.

Terima kasih kerana bagi saya melibatkan diri untuk membahaskan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yang dibuat pindaan, dibuat cadangan pindaan oleh kerajaan. Akta ini di bawah tanggungjawab sepenuhnya agensi kerajaan yakni Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Akta ini asalnya merupakan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, Akta 76. Kalau kita ingat dulu-dulu orang panggil Jabatan Mergastua, di bawah PERHILITAN ini dipanggil Jabatan Mergastua. Makna lebih kepada haiwan-haiwanlah, bukan haiwan peliharaan pada ketika itu. Akta ini ia terhad kepada Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja. Negeri Sabah dan Sarawak ia ada akta ia yang tersendiri untuk mengawal binatang-binatang yang dikategorikan sebagai terkawal.

Adapun pindaan ini Tuan Yang di-Pertua kita lihat kepada keperluan pelaksanaan akta mengikut isu semasa, kerana kita tengok banyak sangat berlaku pencerobohan, masuk dalam kawasan-kawasan sempadan PERHILITAN itu sendiri dan juga mungkin di luar dari kawasan PERHILITAN memburu binatang-binatang kawalan ini.

Kemudian kita juga melihat, yang kedua adalah untuk penambahbaikan peruntukan sedia ada yang mungkin terlalu kecil denda dan hukuman menyebabkan pelaku-pelaku kesalahan ini tidak serik untuk meneruskan minat dan kegiatan mereka. Dia lebih kepada minat ini sebab itu sahabat saya JAKOA pun dia senyum tengok fasal kebanyakan minat. Minat dan tidak endah kepada kesalahan dan dosa dia kepada generasi-generasi berikutnya. Dia tidak fikir kepada generasi-generasi berikutnya.

Ketiga, kita tengok kepada- ada dibuat semakan pada pelaksanaan akta setelah lebih lima tahun ia beroperasi.

Keempatnya adalah meningkat kesedaran dan tanggungjawab terhadap konservasi hidupan liar dan habitatnya.

Kelima, adalah untuk meningkat kesedaran terhadap jenayah kepada hidupan liar itu sendiri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya kita lihat, dengan izin, *deterrent* ini yang diperkenalkan oleh kerajaan ini, ia lebih kepada meningkatkan denda. Kalau dahulu denda maksimum setengah juta dinaikkan kepada RM1 juta. Kalau dahulu penjara maksimum 10 tahun, dinaikkan 15 tahun. Ini merupakan pengenalan-pengenalan baru oleh kerajaan untuk menakutkan kepada pelaku-pelaku kesalahan yang sering melakukan secara berkala. Dia tidak serik-serik.

Apa yang lebih mendukacitakan, banyak jabatan kerajaan sendiri bahkan dengan izinlah polis sendiri pun berminat. Seheingakan sekarang bukan kita hanya fikir tentang hidupan darat, bahkan hidupan sungai pun dia masuk kawasan PERHILITAN dan juga menangkap ikan-ikan yang terkawal menyebabkan generasi-generasi berikutnya sukar untuk makan ikan kelah dan sebagainya.

Oleh sebab itu kita kena rasa serius. Benda ini mungkin kita tidak terasa fasal dia tidak ada nilai *intrinsic*, dengan izin, kepada diri mereka. *Intrinsic* maksudnya kita tidak terasa bahawa kita tidak dapat melihat, umpamanya dinosaur. Kita hanya digambarkan dalam filem, dalam buku-buku, melalui lukisan-lukisan tetapi sayang kerana binatang dinosaur ini dia besar, beberapa kali lebih besar daripada gajah.

Jadi kerana tidak ada pertanggungjawaban generasi-generasi dahulu untuk membiarkan binatang ini diburu, dibunuh dan sebagainya. Sehingga kita generasi kemudian ini hanya boleh melihat secara khayalan binatang-binatang yang dahulu ada, sekarang tidak ada. Akan tetapi kita masih boleh melihatnya dalam filem.

Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu bila mana sebelum ini kerajaan meningkatkan denda-denda itu, sudah mula yang ditangkap beberapa kali itu, dia mula serik. Ini kerana *business*, dengan izin, hidupan liar ini terutama harimau kerana segala organnya dapat dijual dengan harga mahal. Saya difahamkan oleh pemburu-pemburu ini sendiri, mereka senang-senang mengaut keuntungan RM90 ribu, RM100 ribu dengan memburu harimau dan dijual kepada tauke-tauke singse Cina. Fasal perubatan Cina ini dia sangat yakin tentang kemujaraban organ-organ binatang ini sama ada harimau dan juga beruang.

Cuma saya hendak tanya sikitlah kepada Yang Berhormat Menteri, sahabat saya. PERHILITAN ini stafnya tidak ramai, bilangan dia kecil. Mungkin dia ramai di ibu pejabat dekat dengan Cheras tetapi di peringkat negeri dia punya taraf itu rendah, tidak ramai. Macam kata di Kelantan, Terengganu, kecil sahaja. Pejabat dia pun kecil di Gua Musang, di Kuala Berang, dia tidak ramai staf.

Jadi saya fikir untuk dia memantau itu walaupun kerjasama dengan polis pun, tidak berapa efisienlah. Maknanya keberkesanan dia itu tidak berapa ampuh kerana bilangan staf dia tidak ramai. Kadang-kadang taraf staf dia kalau masuk dalam mesyuarat, jauh jurang dia dengan jabatan-jabatan lain. Fasal kebanyakan dia ini *technician*, *technician level* sahaja, *level* juruteknik sahaja, pegang jajahan dan sebagainya. Dia tidak ada di semua daerah, tidak. Dia mungkin ada di Kota Bharu dan Gua Musang. Mungkin di Kuala Krai, umpamanya kalau di Kelantan. Kalau di Terengganu mungkin ada di Kuala Berang.

Ini kerana kawasan PERHILITAN yang sebenarnya mungkin kalau di Malaysia kita ini, Semenanjung ini ada di kawasan Kelantan, Terengganu, Pahang, itu dia besar. Ada di Johor sikit, dengan sempadan Pahang dengan Johor, Endau Rompin. Lain itu kawasan Gunung Tahan. Dia yang kawasan dia betul. Lain itu binatang ini mungkin dia berada di mana-mana. Cuma saya hendak tanya pihak kerajaanlah, kadang-kadang binatang ini pada semasa saya menjadi Ahli Parlimen dahulu, saya sedih kalau ingatlah saya jadi Ahli Parlimen 1999 hingga 2004.

#### ■1720

Pada waktu itu, ramai rakyat saya yang meninggal dunia kerana diterkam oleh harimau semasa menoreh getah. Diterkam itu semasa dia tunduk untuk menoreh, masa itu diterkam. Jadi tidak kurang daripada lima orang yang meninggal di kawasan Parlimen Jeli dan seorang di Parlimen Tanah Merah. Ini kerana harimau ini telah diburu tetapi dia tidak dapat ditangkap, dia cedera, bila cedera, dia tidak boleh mengejar mangsa sebenar dia seperti babi hutan dan sebagainya. Semua tidak ada pilihan lagi yang- dia kelaparan maka dia terpaksa menerkam penoreh-penoreh getah yang sedang tundung untuk menoreh getah pada ketika itu.

Jadi, saya difahamkan harimau itu ditembak dan ada juga yang dilepaskan dan harimau ini- saya hendak tanya Menteri, kalau ditangkap, di mana diletakkan. Kalau gajah kita tahu sudah sekarang ini, gajah mungkin di lebuhraya antara Kuala Berang ke Gua Musang itu kawasan dipindahkan gajah-gajah kerana gajah sekarang ini sangat berkeliaran di mana-mana.

Akan tetapi apa yang kita hasratkan ini kalau boleh pendidikan kepada rakyat sangat pentinglah Yang Berhormat Menteri, fasal nampak gaya kesedaran ini tidak berapa tinggi. Saya sedih kerana yang minat makan makanan eksotik ini orang tertentu yang sepatutnya ada tanggungjawab sosial dan tanggungjawab kenegaraan, tetapi dia sendiri yang paling menjadikan hobi makan makanan-makanan eksotik ini dan tidak prihatin perkara-perkara semacam ini.

Jadi kita rasa kita- tanpa mengenal siapa, kita mesti tegaslah. Ini kerana kita tak nak binatang-binatang yang jumlahnya sudah kecil, nanti pupus terus. Antaranya, kambing gurun yang sesetengah orang berkata, faktor kesihatan kambing gurun dikatakan hebat untuk lelaki. Jadi, ramai orang berebut, saya susah sudah hendak jumpa kambing gurun sekarang ini.

Jadi kita hendak kerajaan- dalam kes-kes macam ini, orang yang terbaik adalah- kerajaan, pihak kementerian dan pihak PERHILITAN bekerjasama dengan JAKOA yakni Tok-tok Batin Orang Asli kerana kebanyakan mereka ini datang- kerana binatang-binatang macam ini selalu berada di kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli. Jadi, kerjasama Tok-tok Batin ini sangat penting untuk membuat laporan tentang orang-orang yang dikenali atau tidak dikenali yang datang ke kawasan mereka untuk tujuan misteri.

Jadi ini penting. Tok Batin ini dengan diberi imbuhan kepada komuniti dia di situ. Dengan sedikit imbuhan yang berpatutan dan berpadanan menggunakan khidmat Tok-tok Batin yang masih banyak- setidaknya memberi satu rasa kebertanggungjawaban di kalangan Tok-tok Batin ini untuk bersama-sama memelihara dan mempertahankan rang undang-undang yang kita buat pindaan ini. Ini kerana saya bila mati nanti tak nak generasi-generasi berikutnya sudah tidak dapat melihat binatang-binatang yang sepatutnya dibenarkan hidup dalam habitatnya yang sebenar.

Masalah saya sendiri, saya rasa kagum, alhamdulillah berkesempatan melawat Masai Mara di Kenya dan juga Serengeti di Tanzania, kedua-dua tempat saya pernah pergi, dan hukuman terhadap pemburuan ialah bunuh. Jadi, kami sempat bergurau dengan pemandu pelancong mengatakan hendak makan binatang itu dan ini, pucat muka pemandu pelancong. Dia ialah pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Dia pucat dan takut kerana hukuman bagi pemburu-pemburu binatang-binatang ini merupakan hukuman bunuh di negara-negara- tapi saya tidak minta sampai tahap itulah, saya pun kena adil juga.

Akan tetapi hukuman...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Mohon Yang Berhormat Senator.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Bekas Pengarah JAKOA ini, sila-sila.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Saya lihat Yang Berhormat macam hendak habiskan pada pukul 5.30 sahaja? Maka itu, saya mencelah sedikit. Saya melihat dalam pindaan-pindaan yang ada tadi yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Mohamad Apandi tadi- minta maaf terlupa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Apandi sudah habis?

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Belum habis.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Lualan...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Mohon lualan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sepatutnya sudah habis. Saya ingat Yang Berhormat punya kita tamatkan lah habis. Jadi saya teruskan pergi kepada Yang Berhormat Senator...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Bukan. Saya nak mencelah yang tadi, hendak bertanya dengan Yang Berhormat Apandi tadi, saya nak mencelah.

Oleh sebab dia menjelaskan tentang hukuman di negara Barat ialah hukuman mati apabila memburu binatang buas iaitu binatang yang dilindungi. Cuma saya melihat dalam pindaan ini, hanya meningkatkan hukuman penjara dan denda. Saya mohon kalau Yang Berhormat bersetuju supaya hukuman yang berulang kali kepada pemburu haram ini kalau boleh kita tingkatkan hukuman itu kepada hukuman sebat. Apakah pandangan Yang Berhormat? Sekian, terima kasih.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Sangat setuju. Kebetulan saya pun bukan peminat pemburuan binatang-binatang tersebut. Yang Berhormat Menteri pun dia orang undang-undang, dia tahu perkara ini, *insya-Allah*. Cuma saya minta terima kasih kepada- fasal sudah minta saya berhenti, banyak lagi saya hendak bercakap ini, kalau benar saya hendak bercakap lagi. Macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu minit sahaja.

**Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *[Ketawa]* Okeylah, walau macam mana pun, kita perlu sedarlah, kita Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara perlu main peranan penting. Fasal benda kita bicara ini, dia- kita tidak perasan nilai intrinsik dan nilai masa depan dia.

Akan tetapi, walau bagaimanapun, saya minta kerajaan- binatang-binatang ini mungkin kita tambah lagi bilangan zoo supaya memberi peluang kepada masyarakat untuk mengenali binatang-binatang ini dengan lebih dekat adalah sangat perlu. Kerajaan juga saya cadangkan memberi bantuan kewangan yang munasabah untuk mempertahankan *business zoo-zoo* ini. Kita bimbang kiranya lepas satu, satu- zoo ditutup. Maka rakyat di negeri-negeri tertentu, misalnya kita bimbang Zoo Taiping, tutup.

Jadi, kita bimbang ramai mereka yang berada di Utara Malaysia tidak dapat melihat binatang-binatang yang terkawal ini. Bahkan dahulu di Kuala Krai ada satu mini zoo untuk satu tempoh yang lama. Akan tetapi pada tahun 70'an terpaksa ditutup kerana penyelenggaraan, dengan izin, *maintenance*- jadi saya difahamkan macam Zoo Negara itu, bajet daripada kerajaan tidak jelas. Hendak hidup zoo itu, mesti dengan bajet sendiri, cari bajet sendiri, mendapat tajaan-tajaan tertentu untuk binatang ini, siapa taja binatang ini, siapa taja. Jadi, kalau boleh tujuan rang undang-undang ini kerana kita hendak konservasi hidupan liar itu.

Pada masa yang sama, untuk dalam zoo ini kita kena konservasi juga di situ kerana kita telah wujudkan habitat ciptaan yang menyerupai habitat sebenar dia. Jadi minta kerajaan menyediakan peruntukan supaya masyarakat pada masa hadapan tidak hanya mengenali binatang ini daripada filem dan juga daripada buku teks.

Kita hendak benar-benar boleh dilihat di depan mata dan kepala kita sendiri, seperti mana Zoo Singapura dan sebagainya. Sekianlah, saya minta maaf kerana mengambil masa. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato Ahmad bin Yahaya, tidak ada. Masa pun sudah dekat pukul 5.30 petang. Hendak sambung esok atau satu lagi?

**Beberapa Orang Ahli:** Esok, esok.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Esok ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 14 Disember 2021.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]***